


Jilid I  
Bil. 65



Hari Isnin  
12hb Oktober, 1987

MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN**  
PARLIAMENTARY DEBATES

**DEWAN RAKYAT**  
*HOUSE OF REPRESENTATIVES*

**PARLIMEN KETUJUH**  
*Seventh Parliament*

**PENGGAL PERTAMA**  
*First Session*

**KANDUNGANNYA**

**PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA:**

Memperkenankan Akta-akta [Ruangan 10941]

Perutusan daripada Dewan Negara [Ruangan 10942]

Mengangkat Sumpah (di luar Dewan):

Y.B. Tun Datu Haji Mustapha bin Datu Harun [Ruangan 10943]

Cuti Y.B. Dato' Musa Hitam

Y.B. Tuan Haji Basri bin Bajuri

Y.B. Dato' Alexander Lee Yu Lung

Y.B. Tuan Douglas Uggah Embas—Kebenaran

} [Ruangan 10943]

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**  
[Ruangan 10944]

**USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN**  
**MESYUARAT 18:**

Kenaikan Pangkat Guru-guru Besar dan Penolong-penolong Kanan  
di Sekolah-sekolah Rendah Cina—Y.B. Tuan Lim Kit Siang  
[Ruangan 11023]

**RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT**  
[Ruangan 11027]

## **KANDUNGANNYA—(Samb.)**

### **RANG UNDANG-UNDANG:**

**Rang Undang-undang Racun (Pindaan) [Ruangan 11028]**

**MENANGGUHKAN PERBAHASAN ATAS RANG UNDANG-UNDANG  
RACUN (PINDAAN) [Ruangan 11069]**

### **USUL-USUL:**

**Kenaikan Pangkat Guru-guru Besar dan Penolong-penolong Kanan di Sekolah-  
Sekolah Rendah Cina [Ruangan 11070]**

**Penangguhan Mesyuarat [Ruangan 11102]**

MALAYSIA

**DEWAN RAKYAT YANG KETUJUH**

*Penyata Rasmi Parlimen*

**PENGGAL YANG PERTAMA**

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, **TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL**, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Dalam Negeri dan Menteri Kehakiman, **DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD**, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, **TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA** (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, **DATO DR LING LIONG SIK**, D.P.M.P. (Labis).

„ Menteri Kerjaraya, **DATO' S. SAMY VELLU**, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, **DATO' DR LIM KENG YAIK**, D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Pertahanan, **Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL**, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, **DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK**, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, **DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ**, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, **DATO' DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD**, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

„ Menteri Pertanian, **DATUK SERI SANUSI BIN JUNID**, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, **DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE**, D.A., P.N.B.S. (Padawan).

„ Menteri Pendidikan, **TUAN ANWAR BIN IBRAHIM** (Permatang Pauh).

„ Menteri Luar Negeri, **DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR**, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).

„ Menteri Kewangan, **TUAN DAIM ZAINUDDIN** (Merbok).

„ Menteri Kesihatan, **DATO' CHAN SIANG SUN**, S.I.M.P., D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentung).

- Yang Berhormat Menteri Buruh, DATO' LEE KIM SAI, D.P.M.S., P.P.N. (Hulu Langat).
- „ Menteri Belia dan Sukan, DATO' SERI HAJI MOHD, NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P. (Pekan).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN KASITAH BIN GADDAM (Kinabalu).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN NG CHENG KIAT (Klang).
- „ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- „ Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, DATO' HAJI SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- „ Menteri Perusahaan Awam, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Setiu).
- „ Menteri Kebajikan Masyarakat, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, A.M.N., A.M.P. (Rompin).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN D. P. VIJANDRAN (Kapar).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' OO GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN NG CHENG KUAI, A.M.P. (Lumut).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, TUAN WANG CHOON WING, A.M.N. (Lipis).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN (Mentakab).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' KOK WEE KIAT, A.M.N. (Selandar).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, TUAN WOON SEE CHIN, A.M.N., P.I.S. (Senai).
- „ Timbalan Menteri Buruh, TUAN KALAKAU UNTOL (Tuaran).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN LOKE YUEN YOW, A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN JAFFREY (Silam).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN ALIAS BIN MD. ALI, S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, S.M.S. (Baling).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, TOH MUDA DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN (Ledang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR SULEIMAN BIN MOHAMED (Titiwangsa).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD, D.I.M.P. (Tumpat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN PETER CHIN FAH KUI (Lambir).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN M. G. PANDITHAN, K.M.N. (Tapah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan, TUAN ABDUL RAMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Pendang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHAMED BIN JAMRAH, A.M.P., P.P.T. (Bagan Datok).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN ADAM BIN ABDUL KADIR (Kuantan).
- „ TUAN ABDOL MULOK AWANG DAMIT (Labuan).
- „ DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- „ DR ABDUL HADI BIN DERANI, K.M.N., A.M.K. (Kota Setar).
- „ DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu).
- „ TUAN HAJI ABDUL MANAF BIN HAJI AHMAD, A.M.N., A.M.P., P.J.K., (Sungai Petani).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN BAKAR (Marang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN ABU SAMAH, D.S.M., A.M.N., P.J.K. (Lembah Pantai).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATO' ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., A.D.K. (Kok Lanas).
- „ DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ TUAN HAJI ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- „ TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).
- „ TUAN HAJI BASRI BIN BAJURI, K.M.N., P.J.K. (Kuala Langat).

- Yang Berhormat DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).
- „ TUAN HAJI BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHEW KAM HOY, A.M.K., J.P. (Padang Serai).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SAMSON CHIN CHEE TSU (Tawau).
- „ TUAN CHUA JUI MENG (Bakri).
- „ DR V. DAVID (Puchong).
- „ TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- „ DR ENG SENG CHAI (Petaling Jaya).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN GERARD MATH LEE MIN, A.S.D.K. (Gaya).
- „ TUAN GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
- „ DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN HASHIM BIN SAFIN *alias* SHAFAIN, A.M.N. (Tanah Merah).
- „ TUAN HSING YIN SHEAN (Tanjong Aru).
- „ TUAN HAJI HUSSEIN BIN HAJI TAIB, P.P.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN HU SEPANG (Rasah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- „ TUAN JIMBUN ANAK PUNGA *alias* JAMES JIMBUN ANAK PUNGA, P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JUSTINE ANAK TEMENGGONG JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ DATUK KADOH AGUNDONG, P.G.D.K. (Padas).
- „ DATO' HAJI KAMARUZAMAN BIN HAJI AHMAD, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Tanjung Karang).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN LAINUS ANAK ANDREW LUWAK (Serian).
- „ TUAN LAU DAK KEE (Pasir Pinji).
- „ TUAN LAW LAI HENG *alias* GOH LAI HENG, P.I.S., B.S.I., K.M.N., A.M.N. (Pontian).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Bukit Bintang).

Yang Berhormat DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).

- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ DR LIM ANN KOON, S.S.A., P.J.K. (Ampang Jaya).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ PUAN LING CHOOI SIENG (Kluang).
- „ TUAN MADATANG BIN MOREJAL (Bandau).
- „ TUAN MAIDOM BIN PANSAI *alias* PAUL PANSAI (Kota Belud).
- „ TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).
- „ TUAN MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.J.K. (Maran).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED BIN HAJI ISA, A.M.N., P.S. (Kuala Kerai).
- „ TUAN MOHAMED SAM BIN HAJI SAILAN, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Muar).
- „ TUAN MOHAMED TAWFIK BIN TUN DR ISMAIL (Sungai Benut).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN YAACOB (Rantau Panjang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD SUBKY BIN HAJI ABDUL RAOF, A.M.N., P.J.M. (Balik Pulau).
- „ TUAN MOHAMMED YUSOFF BIN ABDUL LATIFF, J.P. (Tasek Gelugor).
- „ DATUK SERI HAJI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- „ TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- „ TUAN MOHD. SHARIF BIN JAJANG, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MOHD. ZIHIN BIN MOHD. HASSAN (Larut).
- „ DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Kota Tinggi).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN (Limbawang).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN NASRUDDIN BIN ALANG SAIDIN (Parit).
- „ TUAN NGOI THIAM WOH (Kampar).
- „ DR NICHOLAS MUNONG IBAU (Rajang).

Yang Berhormat TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).

- „ TUAN JOE OJIHI SUPIRING (Marudu).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- „ TUAN P. PATTO (Ipoh).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bayan Baru).
- „ DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., P.C., K.M.N., A.M.N. (Saratok).
- „ TUAN PITTING BIN HAJI MOHD. ALI (Kinabatangan).
- „ DATO' RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).
- „ DATIN PADUKA HAJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, D.P.M.S., J.S.M., S.M.S., A.M.P., P.J.K. (Shah Alam).
- „ DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- „ Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Tasik Chenderoh).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Semporna).
- „ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- „ DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ PUAN HAJAH SHARIFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Parit Sulong).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TUAN S. S. SUBRAMANIAM, P.J.K., A.M.S. (Hulu Selangor).
- „ TUAN TAIMAN BIN LUMAING (Pensiangan).
- „ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI (Batang Lupar).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN TEOH TEIK HUAT (Bagan).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TIEU SUNG SENG *alias* TIU SIING SENG (Sibu).
- „ TUAN TING CHEK MING (Batu Gajah).
- „ DR TING CHEW PEH (Gopeng).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN HAJI WAN OMAR BIN WAN MAJID, S.M.K., P.P.N. (Pasir Puteh).
- „ DATUK HAJI YAHAYA BIN MOHD. SHAFIE (Tambun).

Yang Berhormat PUAN SITI ZAINABON *alias* Zainab binti Abu Bakar (Tebrau).

- „ DATO' ZAINAL ABIDIN BIN JOHARI, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N.,  
B.K.M., P.J.K., J.P. (Sik).
- „ DATO' ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N.,  
P.J.K. (Besut).
- „ TUAN ZUBIR BIN EMBONG (Kuala Terengganu).

## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz, D.P.M.P.,  
J.M.N., S.M.P., P.P.T.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Haji Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

#### *Pelapor Perbahasan Parlimen:*

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Hajjah Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.

## MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT

---

Isnin, 12hb Oktober, 1987

---

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

## DOA

(Tuan Yang di-Pertua *Mem-*  
*pengerusikan Mesyuarat*)

PEMASYHURAN  
TUAN YANG DI-PERTUA

MEMPERKENANKAN  
AKTA-AKTA

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu iaitu Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah berkenan mempersetujui Akta-akta yang telah diluluskan oleh Parlimen dalam Mesyuarat yang lalu seperti berikut:

1. Akta Perbekalan Tambahan (1986 dan 1987) 1987;
2. Akta Lembaga Pelabuhan Bintulu (Pindaan) 1987;
3. Akta Penerbangan Awam (Pindaan) 1987;
4. Akta Lembaga Penyelidikan dan Pembangunan Perhutanan Malaysia (Pindaan) 1987;
5. Akta Jalan-jalan Persekutuan (Pengurusan Persendirian) (Pindaan) 1987;
6. Akta Lembaga Lebuhraya Malaysia (Perbadanan) (Pindaan) 1987;
7. Akta Pengangkutan Jalan, 1987; dan
8. Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan, 1987.

PERUTUSAN DARIPADA DEWAN  
NEGARA

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu Perutusan daripada Yang di-Pertua Dewan negara yang menyatakan persetujuan Dewan itu kepada Rang Undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat dalam mesyuarat Parlimen yang lalu.

Saya menjemput Setiausaha membacakan Perutusan itu sekarang.

*(Setiausaha membacakan Perutusan)*

“17hb Julai, 1987.

Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat,

Dewan Negara telah meluluskan Rang Undang-undang yang berikut tanpa pindaan:

1. Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1986 dan 1987);
2. Rang Undang-undang Lembaga Pelabuhan Bintulu (Pindaan);
3. Rang Undang-undang Penerbangan Awam (Pindaan);
4. Rang Undang-undang Lembaga Penyelidikan dan Pembangunan Perhutanan Malaysia (Pindaan);
5. Rang Undang-undang Jalan-jalan Persekutuan (Pengurusan Persendirian) (Pindaan);
6. Rang Undang-undang Lembaga Lebuhraya Malaysia (Perbadanan) (Pindaan);

7. Rang Undang-undang Pegangkutan Jalan; dan
8. Rang Undang-undang Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan.

Yang ikhlas,

**YANG DI-PERTUA  
DEWAN NEGARA**”.

**MENGANGKAT SUMPAH (DI LUAR DEWAN)—Y.B. TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 5 (3), saya dengan ini memberitahu Dewan iaitu Ahli Yang Berhormat Tun Datu Haji Mustapha bin Datu Harun, Ahli Parlimen Kawasan Limbawang telah mengangkat Sumpah di hadapan saya mengikut kehendak Jadual Keenam Perlembagaan Persekutuan, pada hari Selasa, 14hb Julai, 1987.

**CUTI—Y.B. DATO' MUSA  
BIN HITAM**

**Y.B. TUAN HAJI BASRI  
BIN BAJURI,**

**Y.B. DATO'  
ALEXANDER LEE  
YU LUNG, DAN**

**Y.B. TUAN DOUGLAS  
UNGGAH EMBAS—  
KEBENARAN**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Dewan iaitu pada menjalankan kuasa-kuasa yang telah diberikan kepada saya mengikut ketetapan yang dibuat oleh Dewan ini pada 25hb April, 1961, Saya telah membenarkan cuti daripada

menghadiri mesyuarat di bawah Perkara 52 Perlembagaan Persekutuan kepada:

1. Yang Berhormat Dato' Musa Hitam Ahli bagi Kawasan Kota Tinggi dari 12hb Oktober hingga 4hb Disember, 1987;
2. Yang Berhormat Tuan Haji Basri bin Bajuri Ahli bagi Kawasan Kuala Langat dari 12hb Oktober hingga 20hb November, 1987;
3. Yang Berhormat Dato' Alexander Lee Yu Lung Ahli bagi Kawasan Batu dari 22hb Oktober, hingga 1hb November, 1987; dan
4. Yang Berhormat Tuan Douglas Uggah Embas Ahli bagi Kawasan Betong dari 12hb Oktober hingga 4hb Disember, 1987.

**JAWAPAN-JAWAPAN  
MULUT BAGI  
PERTANYAAN-  
PERTANYAAN**

**LAWATAN PERDANA MENTERI  
KE UNITED KINGDOM, HUNGARY  
DAN SOVIET UNION**

1. **Tuan Lee Lam Thye** minta Menteri Luar Negeri menyatakan sejauh mana lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru-baru ini ke Britain telah membantu meningkatkan perhubungan antara Britain—Malaysia. Berkaitan dengan lawatannya ke Soviet Union, bagaimanakah tindak-balas pemimpin-pemimpin Soviet ke atas pendirian rasmi Malaysia mengenai Afganistan dan Kampuchea dan adakah pemimpin-pemimpin Soviet bersedia dan ikhlas untuk menyumbangkan ke arah penyelesaian masalah-masalah Kampuchea dan Afghanistan.

**17. Datuk Haji Sakaran bin Dandai** minta Menteri Luar Negeri menerangkan apakah hasil-hasil lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke negara-negara Eropah dan Russia baru-baru ini dari segi perdagangan dan kerjasama untuk keamanan antarabangsa, dan sebaliknya apakah keuntungan-keuntungan yang didapati oleh negara-negara tersebut dari lawatan Yang Amat Berhormat itu.

**24. Tuan S. S. Subramaniam** minta Menteri Luar Negeri menyatakan adakah benar lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke Great Britain dalam bulan Jun 1987 tidak dapat menarik begitu banyak pelaburan daripada negeri itu ke Malaysia dan apakah kesan dari segi pelaburan untuk negeri kita berkaitan dengan lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke Negeri Hungary dan Russia. Adakah lawatan tersebut dapat menyelesaikan beberapa masalah negara kita sedang menghadapi untuk menarik pelaburan daripada ketiga-tiga negeri-negeri tersebut.

**28. Tuan R. Karpal Singh** minta Menteri Luar Negeri menyatakan dalam apa cara negara telah mendapat faedah dari lawatan-lawatan Perdana Menteri baru-baru ini ke United Kingdom, Hungary dan Russia. Nyatakan jumlah perbelanjaan yang berkaitan dengan lawatan-lawatan ini.

**Timbalan Menteri Luar Negeri (Toh Muda Dr Abdullah Fadil bin Che Wan):** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, saya ingin menjawab soalan ini serentak dengan soalan-soalan No. 17, No. 24 dan No. 28 yang berkaitan dengan lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke United Kingdom, Hungary dan Soviet Union pada 20hb Julai hingga 5hb Ogos, 1987.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah.

**Toh Muda Dr Abdullah Fadil bin Che Wan:** Saya pohon izin juga daripada Tuan Yang di-Pertua, untuk mendapat lebih masa sedikit oleh kerana soalan-soalan ini panjang dan saya terpaksa menjawab untuk soalan 4 orang Ahli Yang Berhormat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Berapa panjang itu?

**Toh Muda Dr Abdullah Fadil bin Che Wan:** Dalam lima minit.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik.

**Toh Muda Dr Abdullah Fadil bin Che Wan:** Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah diiringi oleh isteri beliau, 4 orang Menteri, seorang Timbalan Menteri, 4 orang wakil rakyat, pegawai-pegawai kanan Kerajaan, ahli-ahli perniagaan dan wakil-wakil media-massa Kerajaan dan swasta.

Tujuan utama lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri itu adalah untuk mengeratkan hubungan peribadi di antara beliau dengan pemimpin-pemimpin United Kingdom, Hungary dan Soviet Union serta meningkatkan lagi hubungan dua-hala di antara Malaysia dengan ketiga-tiga negara tersebut. Sukacita saya menyatakan bahawa lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri itu adalah dibuat atas undangan Kerajaan-kerajaan berkenaan dan merupakan lawatan rasmi pertama Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad semenjak menjadi Perdana Menteri.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan isteri dan sebilangan besar anggota Kerajaan telah diberi taraf tetamu di ketiga-tiga negara tersebut sementara ahli-ahli perniagaan dan wakil-wakil media-massa swasta pula membiayai perbelanjaan mereka sendiri.

### **Lawatan ke United Kingdom**

Aturcara lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di United Kingdom merangkumi perbincangan dengan Perdana Menteri Margaret Thatcher dan Setiausaha-Setiausaha Negara bagi Hal Ehwal Luar dan Komanwel, Pertahanan, Perdagangan dan Perindustrian serta Menteri Pertanian, Perikanan dan Makanan. Perbincangan-perbincangan ini menyentuh antara lain, isu-isu dan hala seperti perdagangan, pelaburan serta kerjasama di bidang teknikal, ekonomi dan pertahanan. Beberapa isu antarabangsa seperti masalah dadah, peperangan Iran-Iraq, Kampuchea dan perkembangan-perkembangan yang sedang berlaku di Soviet Union dan di Asia Tenggara telah juga dibangkitkan di dalam perbincangan yang telah diadakan itu.

Di samping perbincangan rasmi, Perdana Menteri telah juga memberi ucapan di satu seminar perdagangan untuk menarik pelaburan British ke Malaysia dan di Chatham House mengenai masalah ekonomi antarabangsa. Beliau juga telah bertemu dengan Ahli-ahli Parlimen British, wakil-wakil media-massa British dan luar negeri dan Ketua-ketua Perwakilan Malaysia di Eropah dan sempat melawat New Scotland Yard, Maidstone District Hospital, PA Technology, Cambridge, Instruments Limited and British Aerospace. Satu protokol mengenai Pengelakan Pembayaran Cukai Dua Hala telah juga ditandatangani semasa lawatan tersebut.

### **Lawatan ke Hungary**

Aturcara lawatan Perdana Menteri ke Hungary meliputi perbincangan rasmi dengan Perdana Menteri Karoly Grosz, Naib Presiden Dr Rezso Trautmann dan Timbalan Secretary General Hungarian Socialist Workers Party, Gyorgy Lazar, di mana

berbagai-bagai isu dua hala seperti perdagangan dan pelaburan, kerjasama kebudayaan, penerbangan awam dan pelancongan telahpun dibangkitkan. Isu-isu antarabangsa seperti Kampuchea, Afghanistan, dadah, Suruhanjaya Selatan, peperangan Iran-Iraq, Afrika Selatan dan perlucutan senjata telah juga dibincangkan.

Perdana Menteri telah juga mengambil kesempatan melawat antara lain, kilang Ganz-Mavag serta Koperatif Pertanian di Hungary.

### **Lawatan ke Soviet Union**

Tuan Yang di-Pertua, mengenai lawatan ke Soviet Union, sukacita saya tegaskan bahawa lawatan tersebut tidaklah bermakna sokongan Malaysia terhadap dasar Soviet Union mengenai Afghanistan. Kerajaan juga memang sedar tarikh lawatan tersebut adalah bersamaan dengan Hari Raya Aidil Adha dan semasa berlangsungnya Sidang Raja-Raja di Kota Bharu. Ini tidak dapat dielakkan oleh kerana tarikh lawatan tersebut adalah yang paling sesuai sekali kepada pihak Soviet Union. Aturcara lawatan Perdana Menteri ke Soviet Union pula meliputi perbincangan rasmi dengan Secretary-General Mikhail Gorbachev dan Pemangku Perdana Menteri Murakovsky. Isu-isu dua hala yang disentuh termasuk reformasi yang sedang berlaku di Soviet Union, masalah perdagangan, kerjasama di bidang ekonomi dan angkasa lepas dan pembelian alat pertahanan Soviet Union. Berkaitan dengan perkara yang terakhir ini sukacita saya nyatakan bahawa Kerajaan tidak mempunyai cadangan untuk membeli sebarang alat pertahanan daripada Soviet Union.

Berkaitan dengan isu antarabangsa pula, Perdana Menteri telah menyentuh masalah Kampuchea, Afghanistan, "South East Asia

Nuclear Free Zone”, perkembangan di kawasan Asia-Pasifik, peperangan Iran-Iraq, perlucutan senjata, dadah dan Antartica.

Perbincangan yang mendalam telah diadakan mengenai Kampuchea dan Afghanistan di mana kedua-dua negara telah menghuraikan pendirian masing-masing.

Mengenai Kampuchea, Perdana Menteri di antara lain telah meminta pihak Soviet mengguna pengaruhnya ke atas Vietnam supaya mengundur tenteranya daripada Kampuchea. Mengenai Afghanistan pula, Perdana Menteri telah menyentuh tentang pentingnya pengunduran tentera Soviet daripada negara tersebut. Walaupun Malaysia tidak mempunyai pendirian serta pendekatan yang sama dengan Soviet Union mengenai Kampuchea dan Afghanistan, kedua-dua negara telah dapat membincang isu-isu tersebut secara berterus terang. Pihak Soviet telah menunjukkan keinginan mereka untuk berusaha ke arah mencari penyelesaian sewajarnya dan Malaysia akan terus memerhari langkah-langkah yang akan diambil oleh Soviet Union selanjutnya.

Sebanyak empat perjanjian kerjasama telah juga ditandatangani semasa lawatan Perdana Menteri ke Soviet Union itu. Di peringkat Kerajaan kedua-dua negara telah menandatangani protokol mengenai konsultasi dua hala di antara Kementerian Luar Negeri masing-masing; perjanjian mengenai Pengangkutan Maritim dan Perjanjian Pengelakan Pembayaran Cukai Dua Kali. Di peringkat swasta pula, satu perjanjian mengenai kerjasama di antara, dengan izin, National Chamber of Commerce and Industry”, kedua-dua buah negara telah juga dapat ditandatangani.

Di samping perkara-perkara di atas, Perdana Menteri telah juga melawat Republik Uzbek SSR untuk melihat tempat-tempat bersejarah serta

keadaan orang-orang Islam di Republik tersebut. Malaysia kini sedang mengkaji bentuk kerjasama yang dapat diwujudkan dengan pemimpin-pemimpin Islam yang telah dilawati oleh Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, lawatan Perdana Menteri ke United Kingdom, Hungary dan Soviet Union tidaklah bermakna peralihan pendirian Malaysia mengenai dasar “Pandang ke Timur”. Lawatan ke negara-negara tersebut sebenarnya adalah sejajar dengan dasar kita untuk mewujudkan hubungan yang baik dengan semua negara untuk kepentingan bersama. Lawatan ke United Kingdom khususnya telah membuka era baru di samping menekankan pentingnya perhubungan dua hala dijalinan secara pragmatik dan constructive. Ini bermakna era dasar ‘Buy British Last’, dengan izin, telah berlalu. Hakikat ini diterima oleh kedua-dua negara yang sekarang ini sedang giat mempertingkatkan hubungan dan kerjasama dua hala. Untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat, pendirian kita mengenai ‘Buy British Last’ sebenarnya adalah satu pendirian yang berprinsip dan bukanlah semata-mata untuk menunjukkan sikap keras.

Pada keseluruhannya lawatan Perdana Menteri itu adalah berjaya sekali dari segi mencapai objektif yang telah ditetapkan. Perdana Menteri telah berjaya memberi penjelasan sewajarnya mengenai pendirian Malaysia ke atas berbagai-bagai isu dua hala dan antarabangsa. Bidang kerjasama ekonomi dan perdagangan yang baru telah dapat diterokai. Sambutan yang diterima adalah sangat menggalakkan. Buat masa ini adalah terlalu awal untuk kita melihat hasil-hasil yang konkrit mengenai peningkatan pelaburan dan perdagangan ekoran dari lawatan Perdana Menteri ke negara-negara

tersebut. Walau bagaimanapun, melihat kepada perkembangan-perkembangan yang berlaku serta tanda-tanda positif lain yang melibatkan pihak-pihak swasta, Kerajaan yakin sekali tentang kemungkinan besar kita meningkatkan lagi perhubungan ekonomi dengan ketiga-tiga negara tersebut.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menjelaskan, semasa lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke Great Britain baru-baru ini bahawa dasar, dengan izin, 'Buy British Last' policy telah pun dimansuhkan, sejauh manakah response daripada negara tersebut dan bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menjelaskan butir-butir yang terperinci dari segi kesan daripada pengumuman tersebut? Perkara yang kedua, di waktu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di Soviet Union ada disebut bahawa persoalan antarabangsa telah dibangkitkan, iaitu mengenai dengan Kampuchea dan Afghanistan di mana kedua-dua pemimpin telah membangkitkan pendirian kedua-dua negara. Bolehkah diterangkan tentang pendirian tersebut? Apakah pendirian Malaysia dan apakah jawapan daripada Soviet Union terutamanya berhubung dengan penaklukan Soviet ke atas Afghanistan?

**Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan dasar 'Buy British Last' yang telah pun dianggap selesai selepas lawatan Perdana Menteri ke United Kingdom, ianya diterima baik oleh Kerajaan United Kingdom dengan kita melihat dari segi sambutan dan program yang telah pun diatur oleh pihak Kerajaan British semasa lawatan Perdana Menteri.

Juga daripada segi liputan akhbar-akhbar, daripada segi kehadiran ahli-ahli perdagangan, ahli-ahli ekonomi yang telah pun mengunjungi setiap program yang dihadiri oleh Perdana Menteri telah memperlihatkan bahawasanya pihak Britain terutamanya telah pun menerima baik hubungan yang sedang dipereratkan oleh Malaysia untuk mempertingkatkan ekonomi dan dagangan dua hala antara Malaysia dan Great Britain.

Berkenaan dengan soalan kedua, tentang pendirian Malaysia dan USSR berkenaan dengan Kampuchea dan Afghanistan, walaupun kita tidak bersamaan pendirian dalam kedua-dua isu antarabangsa ini yang mana pihak Malaysia inginkan pihak tentera Vietnam keluar daripada jajahan Kampuchea dan meminta pihak USSR menggunakan pengaruhnya untuk mendesak dan menggalakkan agar pihak Vietnam mengeluarkan tenteranya daripada Kampuchea dan pada perjumpaan itu pihak Soviet Union telah pun memahami pendirian Malaysia dan telah pun memberi suatu kata persetujuan untuk menggunakan pengaruhnya bagi menasihati pihak Vietnam supaya mengundurkan tenteranya daripada Kampuchea.

Berkenaan dengan Afghanistan juga, pihak Malaysia begitu terang dengan pendiriannya tidak mahu yang negara itu ditakluk oleh mana-mana kuasa luar dan sememangnya pihak Perdana Menteri telah pun menekankan pendirian Malaysia kepada pemimpin Soviet Union dan Soviet Union telah pun memberi sesuatu kata putus yang pihak Soviet Union juga sedang berusaha untuk mencari jalan mengeluarkan semula tentera Russia daripada Afghanistan, cuma masa sahaja akan menentukan bila tentera-tentera ataupun kuasa USSR dapat keluar daripada Afghanistan.

**Dr Goh Cheng Teik:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke negeri Soviet, di samping menjelaskan pendirian Malaysia tentang Afghanistan dan Kampuchea, saya hendak bertanya sama ada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah memberitahu dan menegaskan kepada pihak pemerintah Soviet bahawa pencerobohan yang terus dilakukan oleh tentera Soviet di Afghanistan dan sokongan pemerintah Soviet kepada pencerobohan yang terus dilakukan oleh tentera Vietnam di Kampuchea menjadi satu halangan kepada hubungan baik antara negara Soviet dan negara Malaysia?

**Toh Muda Dr Abdullah Fadil bin Che Wan:** Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya katakan tadi Malaysia dalam kedua-dua isu itu telah pun menekankan pendirian kita dengan tegas terhadap pencerobohan kedua-dua kuasa itu dalam negara Afghanistan dan Kampuchea dan pihak pemimpin Soviet Union telah pun memberi keyakinan kepada kita bahawasanya mereka berkeinginan untuk mengeluarkan pengaruh mereka dan tentera mereka daripada kedua-dua buah negara yang sedang menjadi isu itu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Nasruddin bin Alang Saidin.

**Tuan Nasruddin bin Alang Saidin:** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya membuat pembedaan sedikit.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Tuan Nasruddin bin Alang Saidin:** Soalan ini sepatutnya ditujukan kepada Kementerian Pertanian.

Soalan yang kedua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tak boleh itu. Bagaimana hendak minta orang lain menjawab, kerana ia telah pun

dibentangkan di sini kepada Kementerian untuk menjawab. Sila teruskan.

## RANCANGAN TRANS PERAK I

**2. Tuan Nasruddin bin Alang Saidin** minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan berkaitan dengan Rancangan Trans Perak I:

- (a) sama ada beliau sedar bahawa oleh kerana sistem parit dan taliair yang tidak sempurna menyebabkan petani di kawasan ini menderita. Kerajaan Persekutuan dalam tahun 1978 telah berjanji akan mengubahsuai sistem parit dan taliair tetapi sehingga kini masih belum dilaksanakan; jika ya, bila ianya akan dimulakan; dan
- (b) dalam tahun 1980 adalah dianggarkan peruntukan sebanyak \$12 juta diluluskan, tetapi hanya sebanyak \$2.225 juta sahaja yang telah diluluskan dalam RMK 5 manakala dalam tahun 1986 dan 1987 satu sen pun tidak dikeluarkan untuk projek ini. Oleh kerana sistem lapok ini tidak boleh digunakan langsung diharap pihak Kerajaan memperbaharui sistem ini dan mengubahsuainya sepertimana yang dipohon dan dijanjikan.

15-10-1987

**10. Tuan Nasruddin bin Alang Saidin** minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan berkaitan dengan Rancangan Trans Perak I:

- (a) sama ada beliau sedar bahawa jalan ladang termasuk jambatan dan lain-lainnya hampir musnah akibat tidak diselenggarakan

dengan sempurna, jika ya, bila perkara-perkara ini akan dapat diatasi; dan

- (b) sama ada beliau sedar bahawa satu kajian mengenai ketumbuh blok yang menelan belanja beratus-ratus ribu ringgit, telah dibuat tetapi sehingga hari ini masih belum dilaksanakan, jika ya bilakah perlaksanaannya akan dimulakan.

**Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali):** Tuan Yang di-Pertua, saya minta, kalau boleh, izin daripada Tuan Yang di-Pertua supaya soalan ini dijawab oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya. Kalau ada begitu, boleh. Sila.

**Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab soalan ini bersekali dengan soalan pada 15-10-1987 juga daripada Yang Berhormat dari Parit kerana ianya adalah mengenai perkara yang sama.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah.

**Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed:**

- (a) Kerajaan sedar bahawa sistem parit dan taliair dan jalan-jalan ladang di Rancangan Trans Perak Peringkat I kurang sempurna berdasarkan kehendak semasa memandangkan ianya sebuah rancangan taliair lama. Menyedari akan hakikat ini Kementerian Pertanian melalui Jabatan Parit dan Taliair mempunyai cadangan untuk mengubahsuai sistem parit dan taliair yang ada, dengan

memperelokkan sistem pengedaran air dan penyediaan jalan-jalan ladang yang cukup.

- (b) Untuk mengubahsuai sistem parit dan taliair dan jalan-jalan ladang di rancangan tersebut anggaran peruntukan sebanyak lebih kurang \$12 juta diperlukan. Adalah benar Lahawa peruntukan ini, yakni peruntukan awal sejumlah \$2.225 juta sahaja pernah dipertimbangkan di bawah program RML (1986-1990). Bagaimanapun disebabkan keadaan kemelesetan ekonomi yang dihadapi oleh negara yang mana telah memaksa pengurangan program pembangunan pada keseluruhannya, maka pelaksanaan projek ini terpaksa ditangguhkan. Ianya akan diberi pertimbangan sebaik sahaja kedudukan ekonomi bertambah baik dan keadaan kewangan mengizinkan.

**Tuan Nasruddin bin Alang Saidin:** Soalan tambahan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, sila.

**Tuan Nasruddin bin Alang Saidin:** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya membuat soalan tambahan berhubung dengan \$2.225 juta yang telahpun diluluskan dalam Rancangan Malaysia Kelima, tetapi malangnya dalam tahun 1986/1987 sebagaimana yang tercatat dalam soalan, satu sen pun belum digunakan. Kalau boleh saya mintalah perhatian supaya jumlah peruntukan yang telahpun diluluskan ini digunakan dengan seberapa segera mengikut banci, kalau boleh jalan ladang dan juga pamaritan dan kerja-kerja penyelenggaraan demi untuk menokotambahkan lagi pengeluaran yang sedia ada yang boleh dikatakan 450 gantang seekar dan saya yakin

dengan adanya kemudahan ini pengeluaran ataupun produktiviti boleh ditingkatkan lagi, insya Allah.

**Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed:** Tuan Yang di-Pertua, saya sukacita menambahkan begini, iaitu dengan adanya bantuan daripada Kerajaan Pusat seperti yang diumumkan baru-baru ini, insya Allah pengurusan ataupun taraf pengurusan dan penyelenggaraan ataupun dalam bahasa Inggeris, maintenance scheme di peringkat Negeri akan dikendalikan dengan lebih lancar dan teratur.

### PERHUBUNGAN PERDAGANGAN CHINA/MALAYSIA

**3. Tuan Fung Ket Wing** minta Perdana Menteri menyatakan apakah kemajuan yang dicapai untuk mengeratkan lagi perhubungan perdagangan antara negeri China dan Malaysia sejak lawatan beliau ke negeri China dan sama ada Kerajaan akan melonggarkan syarat-syarat yang dikenakan ke atas warganegara-warganegara Malaysia yang ingin melawat Negeri China/warganegaranya serta memudahkan hubungan perdagangan dengan negeri China, iaitu mengadakan suatu pasaran ekonomi yang baru dan penuh dengan persaingan.

**Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Abdul Ghafar bin Baba):** Tuan Yang di-Pertua, perdagangan dua hala Malaysia dengan PRC dalam tahun 1986 telah meningkat kepada \$1,150 juta berbanding dengan jumlah \$1,020 juta yang dicatatkan dalam tahun 1985. Manakala dalam 7 bulan pertama tahun ini jumlah perdagangan dua hala Malaysia/Republik Rakyat China telah mencapai ke paras \$760 juta. Perangkaan yang dinyatakan ini, jelas menunjukkan kemajuan yang tercapai dalam hubungan perdagangan dua

hala Malaysia/Republik Rakyat China semenjak Perdana Menteri membuat lawatan dalam bulan November, 1985.

Dalam usaha meningkatkan hubungan perdagangan dua hala Malaysia dan PRC, Kerajaan telah menandatangani perjanjian pengecualian cukai dua kali dan perjanjian perkapalan dengan negara tersebut bersesuaian dengan hasrat Kerajaan menggalakkan perdagangan cara terus antara kedua buah negara. Seterusnya rundingan dengan pihak Republik Rakyat China sedang dijalankan berhubung dengan perjanjian perdagangan dan Perjanjian Jaminan Pelaburan.

Di samping usaha-usaha tersebut, Kerajaan juga telah mengambil langkah memberi kelonggaran kepada syarikat-syarikat Malaysia yang tulin Malaysia membuat lawatan ekonomi dan perdagangan ke Republik Rakyat China. Kini terdapat beberapa syarikat tempatan telahpun berjaya menjalankan perniagaan usahasama dengan pihak Republik Rakyat China, seperti dalam bidang membuat tilam dengan menggunakan getah asli dari Malaysia, memproses kayu-kayan, perhotelan dan pembinaan.

Kerajaan juga telah membenarkan pertubuhan-pertubuhan di peringkat pusat menganjurkan rombongan ke Republik Rakyat China selain daripada rombongan rasmi yang dianjurkan oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. Dalam tahun ini, beberapa pertubuhan swasta peringkat pusat telah menganjurkan beberapa lawatan ke Republik Rakyat China seperti Persekutuan Pekilang-pekilang Malaysia, Dewan Perniagaan dan Perindustrian Kebangsaan Malaysia, Persatuan Usahawan-usahawan Kecil dan Sederhana Malaysia, Persatuan Pemborong-pemborong Binaan Malaysia dan Persatuan Pekilang-pekilang Plastik Malaysia.

Selain dari itu semenjak tahun 1971 syarikat Pernas telah menganjurkan rombongan lawatan ke Pameran Canton sebanyak 2 kali setahun dan aktiviti-aktiviti tersebut akan terus dijalankan. Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah peserta yang mengikuti rombongan ke Pameran Canton yang dimaksudkan telah meningkat dari setahun ke setahun. Sebagai contoh dalam Pameran Canton bulan April 1987 yang lalu lebih dari 600 pedagang Malaysia telah diberi kelulusan menghadiri pameran tersebut berbanding dengan lebih kurang 500 peserta dalam tahun sebelumnya. Dalam Pameran Perdagangan Canton Oktober, 1987 ini pula, lebih kurang 600 pedagang lagi telah diluluskan untuk mengunjungi pameran yang sama. Kelonggaran juga telah diberi kepada pedagang-pedagang dari Republik Rakyat China untuk melawat negara ini atas tujuan ekonomi dan perdagangan serta menyertai pameran-pameran perdagangan yang diadakan di Malaysia. Umpamanya, pihak Republik Rakyat China telah menyertai pameran perdagangan International Consumer Fair 1987, ICF 1987 pada bulan Ogos yang lalu dan penyertaan mereka adalah yang terbesar iaitu mengandungi 220 peserta.

**Tuan Lee Lam Thye:** Tuan Yang di-Pertua, saya suka bertanya Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri tentang lawatan Yang Amat Berhormat ke Beijing baru-baru ini. Saya ingin dapat tahu daripada Yang Amat Berhormat sama ada beliau ada berbincang dengan pemimpin-pemimpin Negeri Republik Rakyat China tentang peningkatan masalah perdagangan di antara negeri China dengan Malaysia dan apakah hasil daripada perbincangan itu. Yang kedua, suka saya bertanya Yang Amat Berhormat juga sama ada beliau sedar bahawa satu masalah yang menghalang hubungan perniagaan

antara negeri China dengan Malaysia ialah kesulitan yang dihadapi oleh para peniaga Malaysia untuk mendapat visa melawat negeri China untuk tujuan perdagangan dan adakah dasar yang ketat ini dikaji semula dan adakah beliau sedar bahawa syarat-syarat tentang lawatan ke negeri China hendaklah di longgarkan kerana hubungan di antara peniaga dengan peniaga merupakan kunci kepada kejayaan sebarang usaha perniagaan.

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:** Tuan Yang di-Pertua, soalan asal ini bertanya kepada lawatan Perdana Menteri, tetapi Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang bertanya tentang lawatan saya. Saya belum lagi menjadi Perdana Menteri, jadi sukar bagi saya hendak memberi jawapan. Soalan yang kedua, memanglah. Jika sekiranya perlu dilonggarkan lagi akan dilonggarkan jika mendatangkan faedah kepada kedua negara.

**Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat telah menerangkan tadi jumlah orang-orang yang telah pergi ke negeri China mengikuti rombongan-rombongan. Di sini saya ingin bertanya adakah rombongan-rombongan yang pergi 600-700 itu yang balik di sini benar-benar mereka itu hendak melawatkah ataupun hanya sengaja hendak membuat lawatan, bukan berhubung dengan perniagaan.

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tahu di mana Ahli Yang Berhormat mendapat angka 700 (*Ketawa*), yang saya jawab 600 sahaja. Pada waktu mereka memohon mereka benar-benar menyatakan hendak berniaga, tetapi bila sampai ke Canton, apa mereka buat, kita pun tidak tahu (*Ketawa*). Tetapi saya tidak fikir mereka boleh menyeleweng di Canton seperti lawatan ke negara lain, sekurang-sekurangnya mereka mendapat pandangan baru, mencari pasaran baru bagi perniagaan mereka.

## KEMPEN ANTI-MINYAK KELAPA SAWIT

**4. Dato' Dr Affifuddin bin Haji Omar** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan apakah hasil keseluruhan lawatan Menteri Perusahaan Utama ke Amerika Syarikat dan Eropah; adakah misi beliau untuk membentaras kesan kempen anti-minyak kelapa sawit oleh kumpulan lobi minyak kacang soya di Amerika berjaya; adakah apa-apa hubungan kajian (research) dibuat oleh PORIM dengan institusi-institusi kajian yang bebas dari kepentingan kacang soya di Amerika Syarikat untuk membentangi hakikat sebenar mengenai kandungan dan khasiat minyak kelapa sawit.

**9. Tuan Abdul Mulok Awang Damit** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan apakah usaha Kementerian untuk mengatasi kempen anti lemak tropika yang dijalankan secara besar-besaran oleh Persatuan Kacang Soya Amerika (ASA), dan apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil untuk membuktikan bahawa kesan minyak sawit selamat bagi manusia dan binatang.

20-10-1987

**8. Tuan Nurnikman Abdullah** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk membatalkan kontrak dengan sebuah Syarikat Perunding Antarabangsa-Hill and Knowlton di Amerika Syarikat yang dilantik oleh PORIM bagi mengatasi kempen ASA—American Soyabeans Association memburuk-burukkan minyak sawit Malaysia memandangkan Hill and Knowlton telah juga dilantik oleh ASA. Apakah tindakan lain yang diambil oleh Kerajaan untuk mengatasi kempen ASA terhadap minyak sawit di peringkat antarabangsa.

22-10-1987

**34. Datuk Haji Sakaran bin Dandai** minta Menteri Perusahaan Utama menerangkan sejauh manakah kempen-kempen yang sedang dijalankan oleh rombongan dari Malaysia di Amerika Syarikat mengenai tuduhan buruk perusahaan minyak kelapa sawit:

- (a) apakah kempen-kempen tersebut akan hanya dijalankan di Amerika Syarikat atau akan dikembangkan ke negara-negara lain;
- (b) apakah kempen-kempen tersebut akan hanya dijalankan oleh rombongan dari Malaysia atau ada bantuan dari rombongan negara-negara pengeluaran kelapa sawit yang lain; dan
- (c) apakah alternatif yang lain yang sekiranya kempen-kempen tersebut gagal mencapai tujuannya.

26-10-1987

**25. Dr Eng Seng Chai** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan apakah hasil-hasilnya kempen mempertahankan kegunaan minyak kelapa sawit di negara Amerika Syarikat. Sudahkah Kerajaan Malaysia berhubung dengan rasmi semua negara-negara pengeksport minyak sawit untuk bekerjasama menentang usaha-usaha American Soybean Association dan US National Soybean Processors Association bertujuan memburukkan kegunaan minyak ini. Jika ada, apakah langkah-langkah usahasama yang telah wujud.

27-10-1987

**12. Tuan Zubir bin Embong** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan jumlah wang yang telah dibelanjakan setakat ini untuk

kempen memasarkan Minyak Kelapa Sawit di Eropah dan Amerika. Apakah langkah-langkah tindakbalas yang sedang diatur oleh Kerajaan terhadap kempen menentang Minyak Kelapa Sawit oleh Pedagang-pedagang Kacang Soya Amerika. Apakah kesannya setakat ini.

29-10-1987

**17. Tuan Abdul Rahman bin Bakar** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan:

- (a) tentang kadar terjejasnya pengeksportan dan penggunaan minyak kelapa sawit akibat kempen anti minyak oleh Persatuan Kacang Soya Amerika (ASA) terutamanya di Amerika dan amnya di negara lain di dunia; dan
- (b) apakah langkah-langkah dan strategi yang telah dan sedang diambil oleh Kementerian bagi mengatasi dan menggalakkan kempen tersebut; sejauh-manakah keberkesanannya.

12-11-1987

**1. Tuan Lee Lam Thye** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan bagaimanakah seriusnya sentimen anti minyak sawit yang dipelopori oleh Persatuan Kacang Soya Amerika, sejauh mana eksport minyak sawit kita terjejas, apakah tindakan yang diambil oleh Malaysia untuk mematahkan kempen anti minyak sawit oleh Persatuan Kacang Soya Amerika dan sejauh mana langkah-langkah ini berkesan.

13-11-1987

**10. Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan mengenai usahanya menghapus keraguan pengguna-pengguna minyak kelapa

sawit kita di luar negeri, setelah diayah dan fitnah memburuk-burukkan minyak kelapa sawit yang dilakukan oleh Persatuan Kacang Soya Amerika (ASA) akhir-akhir ini.

18-11-1987

**3. Tuan Mutang Tagal** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan setakat ini untuk menentang Kempen Persatuan Kacang Soya Amerika Syarikat (American Soya Bean Association) yang menyatakan bahawa minyak kelapa sawit kita adalah "Saturated fat". Adakah ini benar. Selain daripada Amerika Syarikat, adakah "anti-palm oil lobby" ini dijalankan di negara EEC, Afrika, Latin Amerika dan negara-negara Timur Barat. Jika, ya, bagaimanakah kita dapat menentang kempen ini. Selain dijalankan oleh negara lain terhadap bahan utama kita yang lain seperti getah asli, koko, lada hitam, kelapa dan nenas. Jika ada, apakah bentuk dan kandungan kempen anti barang utama kita ini.

20-11-1987

**25. Tuan Teoh Teik Huat** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan sejauh manakah kerosakan yang terjadi ke atas eksport minyak kelapa sawit negara ini akibat dari lobi Anti Minyak Kelapa Sawit, Amerika Syarikat sehingga ke hari ini dan langkah-langkah yang sedang diambil oleh Kerajaan bagi mengatasi aktiviti-aktiviti mereka.

3-12-1987

**25. Tuan Ahmad bin Omar** minta menteri Perusahaan Utama menyatakan usaha dan hasil yang dicapai setakat ini oleh kerana Malaysia di dalam usaha memerangi Kempen oleh Pengusaha-pengusaha Kacang Soya yang telah berusaha

mematikan pasaran minyak kelapa sawit negara di luar negeri. Adakah Kerajaan berpuas hati dengan kemajuan yang telah diperolehi setakat ini dan apakah rancangan masa depan bagi industri minyak kelapa sawit negara.

**Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Tuan Alias bin Md. Ali):** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada 12 orang Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyoal mengenai lobi anti minyak kelapa sawit yang sedang berlaku di Amerika Syarikat oleh Persatuan Penanaman-penanam Kacang Soya atau ASA. Oleh kerana soalan yang serupa juga dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Labuan pada hari ini, Kimanis, Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kuala Terengganu, Semporna, Ahli-ahli Yang Berhormat dari Petaling Jaya, Ahli Yang Berhormat daripada Marang pada 20, 22, 26, 27 dan 29hb November dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang, Sungai Petani, Bukit Mas, Bagan dan Lembah Pantai pada 12, 13, 18, 20hb November dan 3hb Disember, saya mohon izin Tuan Yang di-Pertua untuk menjawab soalan-soalan ini sekali gus.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah.

**Tuan Alias bin Md. Ali:** Tuan Yang di-Pertua, untuk memberi keadilan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyoal perkara ini maka saya terpaksa mengemukakan satu jawapan dengan dengan secara terperinci menyentuh segala aspek persoalan kempen anti minyak kelapa sawit, Tetapi.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Berapa lama itu. Jika lama tidak bolehlah.

**Tuan Alias bin Md. Ali:** Tuan Yang di-Pertua, saya belum habis lagi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Tuan Alias bin Md. Ali:** Untuk berlaku adil pula kepada Dewan ini maka saya mohon kebenaran Tuan Yang di-Pertua untuk menjawab secara bertulis.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah (Ketawa).

### PERKAPALAN DOMESTIK DAN ANTARABANGSA—PELABUR TEMPATAN

**5. Tuan Mutang Tagal** minta Menteri Pengangkutan menyatakan memandangkan dasar dan usaha Kerajaan yang hebat untuk menggalakkan ramai pelabur-pelabur tempatan mencebur diri dalam bidang perkapalan domestik dan antarabangsa (domestic dan foreign shipping) demi menjimatkan pertukaran wang asing, apakah langkah-langkah yang positif yang diambil oleh Kerajaan dari segi pengurangan cukai, penyediaan kemudahan-kemudahan asas seperti pelaburan-pelaburan dan pengkalan-pengkalan dalam di seluruh tanah air dan pusat-pusat pembinaan kapal yang moden.

**Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail):** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Malaysia memang menggalakkan pelabur-pelabur tempatan melibatkan diri di dalam bidang perkapalan domestik dan juga antarabangsa. Oleh itu, Kerajaan telah mengambil langkah-langkah yang positif untuk tujuan ini.

Langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan ialah:

- (i) mengecualikan daripada cukai import terhadap kapal-kapal yang beratnya melebihi 26 grt (gross registered tonnes);

- (ii) mengecualikan daripada cukai pendapatan terhadap syarikat yang menjalankan perniagaan bagi mengangkut penumpang dan kargo melalui pengangkutan laut;
- (iii) mengecualikan daripada cukai pendapatan bagi pelaut-pelaut;
- (iv) membina dan membesarkan pelabuhan-pelabuhan di Malaysia. Pada Rancangan Malaysia Keempat sebanyak \$1,481,000.02 telah dibelanjakan untuk tujuan ini.
- (v) menggalakkan penubuhan industri pembinaan dan pembaikan kapal di Malaysia. Setakat ini telah ada beberapa buah limbungan pembinaan dan pembaikan kapal di Malaysia iaitu Malaysia Shipyard and Engineering Sdn. Bhd. di Johor, Penang Shipbuilding Corporation Sdn. Bhd. dan Hong Leong — Lurssen Shipyard Bhd. di Pulau Pinang, Sabah Shipbuilding, Repairing and Engineering Sdn. Bhd. di Sabah, Limbongan Mara di Terengganu dan Iron Wood Dockyard dan Brooke Dockyard di Sarawak.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan.

*(Soalan No. 6 Y.B. Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan tidak hadir).*

## STRATEGI MEMUPUK PERPADUAN KAUM

7. **Dr Ting Chew Peh** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) apakah langkah-langkah terbaru untuk memupuk perpaduan kaum memandangkan polarisasi kaum kian meningkat; dan

- (b) adakah Kerajaan bercadang menggubal satu rang undang-undang hubungan kaum untuk mencegah diskriminasi.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Raja Ariffin bin Raja Sulaiman):** Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Perpaduan Negara dipertanggungjawabkan membentuk dan melaksanakan dasar dan strategi khusus untuk memupuk perpaduan kaum. Salah satu pendekatan ialah melalui Program dan Aktiviti Penggalakan dengan melibatkan masyarakat dalam bidang-bidang aktiviti seperti kesukanan, rekreasi, sosial, kebajikan, kebudayaan, pendidikan dan sebagainya yang boleh merapatkan perhubungan rakyat.

Satu langkah terbaru dalam bidang penggalakan yang sedang diperkenalkan kepada masyarakat umum ialah Khemah Kerja Kejiranan untuk melibatkan penyertaan golongan anak-anak muda di kawasan sektor kejiranan.

Sukacita saya melaporkan usaha ini mendapat sambutan dan penyertaan yang amat menggalakkan daripada kalangan masyarakat khususnya melalui program-program yang disusun oleh Sektor Rukun Tetangga. Sambutan daripada pihak swasta seperti Development Bank dan rancangan papantanda perpaduan menunjukkan bahawa pihak swasta amat sedar tentang peranan dan tanggungjawab mereka di dalam pembangunan masyarakat.

Kedua, takrif diskriminasi adalah pada pandangan saya luas sekali. Kerajaan berpendapat peraturan-peraturan dan arahan-arahan sudah mencukupi untuk mencegah diskriminasi di dalam Jabatan-jabatan Kerajaan. Terima kasih.

**Dr Ting Chew Peh:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mengetahui daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri iaitu memandangkan masalah yang kita hadapi begitu serius, adakah Kerajaan bercadang memulihkan Kementerian Perpaduan negara, kalau tidak ada apakah sebab-sebabnya?

**Raja Ariffin bin Raja Sulaiman:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Gopeng tidak berbangkit, kerana tugas yang sama dijalankan oleh Jabatan Perpaduan Negara di bawah Jabatan Perdana Menteri.

**Tuan Zubir bin Embong:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebentar tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri menerangkan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk memupuk perpaduan kaum.

Saya ingin tahu apakah Jabatan Perdana Menteri atau Yang Berhormat Timbalan Menteri sendiri telah membuat penyiasatan mencari sebab-sebab kenapa wujudnya polarisasi kaum di negara kita ini. Apakah mungkin ianya disebabkan oleh kerana kedegilan kaum-kaum tertentu daripada mematuhi ataupun menerima sesuatu yang telah dipersetujui di kalangan pemimpin-pemimpin kaum di negara ini sebelum kemerdekaan negara kita.

Yang kedua, persoalan diskriminasi ini, apakah ia hanya berlaku dalam Jabatan-jabatan Kerajaan, apakah tidak ianya berlaku di pihak syarikat-syarikat swasta, dan kalau ianya berlaku apakah tindakan Kerajaan? Sejauh mana langkah telah diambil untuk memberi keadilan kepada satu-satu kaum yang telah didiskriminasikan oleh pihak swasta lebih-lebih lagi dalam keadaan sekarang.

**Raja Ariffin bin Raja Sulaiman:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Kuala Terengganu, yang telah membangkitkan beberapa perkara terutamanya adakah Jabatan Perpaduan Negara telah pun membuat siasatan sebab-sebab polarisasi kaum wujud di negara ini.

Ingin saya maklumkan bahawa perkara ini telah pun dijalankan oleh Jabatan Perpaduan Negara dan terus dijalankan, tetapi sebab-sebabnya saya ingat pada umumnya kita telah maklum masalah-masalah ini dan perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi berkenaan dengan kedegilan dan ada juga keengkaran.

Saya rasa yang lebih membangkitkan masalah masyarakat di dalam negara ini kerana ada pihak-pihak yang tertentu, yang tidak senang melihat keadaan negara aman dan tenteram, mereka sering membangkitkan masalah-masalah tertentu dengan tujuan-tujuan jahat, kerana ini adalah selaras dengan kehendak mereka. Walau bagaimanapun Jabatan Perpaduan Negara sedang membentuk satu panduan terhadap perpaduan yang kita namakan "Konsep Padu" yang sedang dalam kajian dan kita harap akan selesai pada pertengahan tahun hadapan, supaya masyarakat umum akan faham apa yang dimaksudkan dengan perpaduan yang hendak diwujudkan di dalam negara. Dengan adanya garis panduan yang begitu, saya rasa lebih mudah kita membuat aktiviti-aktiviti baikpun oleh Kerajaan mahupun oleh swasta dan masyarakat umum supaya kita bergerak ke arah memupuk dan mengekalkan perpaduan.

Berkenaan dengan diskriminasi di dalam Kerajaan ataupun di pihak swasta ini hanya kita dengar sungutan-sungutan daripada pihak-pihak yang tertentu, adakah ini terbukti ataupun

tidak, tidak begitu jelas, tetapi Kerajaan telah pun meminta kerjasama pada pihak swasta supaya memberi peluang-peluang yang agak selaras bagi semua rakyat di dalam negara ini. Terima Kasih.

### MATAPELAJARAN PILIHAN DI UNIVERSITI MALAYA

**8. Tuan Zubir bin Embong** minta Menteri Pendidikan menyatakan tentang pelaksanaan Bahasa Malaysia dalam matapelajaran pilihan (elective subject) di Universiti Malaya yang menimbulkan bantahan daripada rakyat Malaysia dan apakah pendirian Kementerian dalam perkara ini.

**Timbalan Menteri Pendidikan (Dr Leo Michael Toyad):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kursus pilihan Universiti Malaya adalah urusan akademik universiti berkenaan. Oleh itu Kementerian Pendidikan telah menyerahkan perkara tersebut untuk pihak universiti menimbangkan keputusan yang dibuat oleh Senatnya itu.

**Tuan Lim Kit Siang:** Soalan tambahan. Bukankah benar bahawa perkara kursus pilihan Universiti Malaysia ini satu perkara yang diputuskan di mana akan diselesaikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang ada diumumkan oleh beberapa orang Menteri sendiri. Kalau begitu, bukankah apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri bercanggah dengan pengumuman tersebut dan bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menjelaskan sebenarnya adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ditugaskan untuk menyelesaikan perkara ini atau sekarang perkara ini ditendang balik kepada Senat Universiti Malaya?

**Dr Leo Michael Toyad:** Tuan Yang di-Pertua, saya telah mengumumkan di sini tadi bahawa Kementerian Pendidikan telah menyerahkan perkara tersebut kepada pihak universiti.

Berkaitan dengan soalan Yang Berhormat dari Tanjong tadi mengenai Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, dalam mesyuarat Kabinet pada 15-7-1987, Jemaah Menteri telah menetapkan bahawa perkara ini akan dibincangkan lagi kemudian di satu masa yang sesuai.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar mengenai dengan keputusan Senat Universiti Malaya berhubung dengan kursus pilihan mendapat sokongan besar daripada rakyat jelata terutamanya dalam usaha menterjemahkan cita-cita pelaksanaan Bahasa Kebangsaan iaitu Bahasa Malaysia. Apakah Kerajaan bercadang untuk memberi sokongan yang padu dan kuat ke arah pelaksanaan kursus-kursus seumpama ini?

**Dr Leo Michael Toyad:** Ya, saya sedar dan Kementerian sedar. Untuk makluman Yang Berhormat, ini adalah sebagai memenuhi kehendak Akta Bahasa Kebangsaan 1967 dan Universiti Malaya telah melaksanakan peralihan bahasa bagi semua kursus peringkat demi peringkat mengikut dasar bahasa di Fakulti tersebut dan semua kursus di Fakulti ini diberi dalam Bahasa Malaysia kecuali kursus yang dikategorikan sebagai designated courses, dengan izin.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Abdul Mulok Awang Damit.

**Tuan Abdul Mulok Awang Damit:** Tuan Yang di-Pertua, soalan ini akan dijawab secara bertulis.

**Tuan Yang di-Pertua:** Bagaimana Yang Berhormat tahu?

**Tuan Abdul Mulok Awang Damit:** Telah diumumkan tadi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan James Jimbun Pungga.

**Tuan James Jimbun Anak Pungga:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon buat pembedahan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Tuan James Jimbun Anak Pungga:** Line kedua, mengawal harga "buah Engkabang", dan line ketiga, sejenis "buah-buahan", bukan "tumbuhan".

#### KAWALAN HARGA BUAH ENKABANG

**10. Tuan James Jimbun Anak Pungga** minta Menteri Pertanian menyatakan apakah langkah yang akan diambil oleh Kementerian untuk mengawal harga buah "Engkabang" di mana ia adalah sejenis buah-buahan bermusim di Sarawak supaya ia tidak dimonopoli oleh segolongan orang tengah dan syarikat asing untuk mengawal harganya.

**Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed):** Tuan Yang di-Pertua, seperti mana Yang Berhormat sedia maklum, Engkabang adalah sejenis komoditi dari Sarawak yang belum dapat dipasarkan secara tetap di pasaran antarabangsa memandangkan produksinya yang sukar untuk diramalkan. Pada masa sekarang pasaran Engkabang adalah bergantung sangat kepada keperluan semasa negara-negara pengguna.

Para pembeli dan pengeksport Engkabang mempunyai risiko yang tinggi dan keadaan ini telah mengakibatkan harga yang tidak begitu stabil. Walaupun demikian, Kementerian ini melalui Kementerian

Pertanian Sarawak telah dan akan mengambil beberapa langkah untuk memperbaiki keadaan pasaran dan pemasaran Engkabang di masa hadapan iaitu:

- (i) mempergiatkan aktiviti penyelidikan untuk menghasilkan jenis Engkabang yang dapat mengeluarkan buah-buahannya pada tiap-tiap tahun;
- (ii) memperluaskan pasaran Engkabang di peringkat antarabangsa; dan
- (iii) merancang aktiviti pemasaran dengan lebih teratur dan melibatkan agensi-agensi Kerajaan seperti FAMA dan Pertubuhan Peladang dalam urusan pemasaran Engkabang.

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:** (*Bangun*).

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, "Engkabang." (*Ketawa*).

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:** Tuan Yang di-Pertua, Saya ada dua soalan. Soalan yang pertama, adakah ia dipanggil "Engkabau" atau "Engkabang"? Ini minta ditentukan.

Yang kedua, apakah langkah-langkah untuk menentukan supaya Engkabang ini, kalau "Engkabang" betul, dapat distabilkan harganya kerana dimasa lepas Engkabang ini ada season, dengan izin, iaitu kalau masa ini season tidak baik, orang tidak ambil, kalau season itu baik, harganya tinggi dan orang ambil.

Jadi, adakah langkah-langkah tertentu bagi pihak Kementerian Pertanian menentukan supaya harga itu dapat distabilkan dengan mewujudkan sistem yang tertentu, stabilisation scheme misal kata, untuk menentukan ini supaya ini dapat menjadi bahan eksport yang bermakna.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat boleh ceritakan Engkabang itu apa dia, buah apa itu? (*Ketawa*).

**Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed:** Tuan Yang di-Pertua, bukan Engkabau—Engkabang dan Yang Berhormat sekejap tadi lebih mengetahui tentang nama buah ini ataupun pokok ini.

Yang kedua, Engkabang ini merupakan pokok yang besar dan tumbuh liar di Sarawak; mengikut khabar-khabar angin bahawa pokok ini hanya tumbuh di Sarawak sahaja, barangkali Yang Berhormat boleh memberi keterangan yang jelas berhubung dengan perkara itu.

Yang ketiga, suka saya nyatakan bahawa minyak yang terdapat daripada Engkabang ini boleh digunakan untuk dijadikan bahan alat-alat solek atau cosmetics. Berhubung dengan bagaimana hendak menstabilkan harga, saya rasa saya telah nyatakan sekejap tadi dan saya rasa Yang Berhormat pun jelas, cuma hendak bergurau sahaja.

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:** Penjelasan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak boleh.

### KES ROGOL

**11. Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan jumlah kes rogol bagi tahun-tahun 1981 hingga tahun 1986 yang dibawa ke Mahkamah. Berapakah jumlah kes yang disabitkan kesalahan dan berapakah jumlah kes yang dibebaskan. Berapakah kes yang dijatuhkan hukum maksimum 20 tahun penjara. Apakah punca utama jenayah rogol ini berlaku dan apakah usaha Kerajaan mengawalinya.

**20. Tuan Abdul Rahman bin Bakar** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (i) adakah Kerajaan bercadang mengadakan undang-undang rogol memandangkan meningkatnya kes-kes rogol dan adanya permohonan yang serius dari Majlis Kebangsaan Pertubuhan Wanita Malaysia atau National Council For Women's Organisation (NCWO) yang disokong oleh kira-kira 50 pertubuhan yang lain; dan
- (ii) berapa banyakkah kes-kes rogol semenjak tiga tahun kebelakangan ini dan apakah langkah-langkah yang dijalankan bagi mengatasi bertambahnya kes-kes tersebut.

15-10-87

**9. Tuan Tan Kok Wai** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) sama ada Kerajaan sedar tentang pertambahan kes-kes rogol dan bunuh sejak akhir-akhir ini yang melibatkan gadis-gadis malah kanak-kanak perempuan di negara ini dan apakah langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk menjadikan masyarakat kita selamat bagi wanita dan gadis-gadis;
- (b) sama ada Kerajaan akan memperkenalkan pindaan-pindaan kepada undang-undang yang ada sekarang untuk memberikan perlindungan yang luas terhadap keganasan seks.

19-10-87

**12. Dr Tan Seng Giaw** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk mendirikan

pusat-pusat pemulihan bagi mangsa-mangsa rogol atau tidak. Jika ada, bila dan di manakah pusat-pusat ini mungkin ditempatkan. Jika tidak ada, mengapa. Bilakah agaknya Kerajaan berupaya untuk menyediakan bantuan psikiatri kepada mangsa-mangsa rogol di pusat-pusat yang khas. Bagaimana pula dengan penyediaan kemudahan pusat-pusat kecemasan di dalam hospital-hospital untuk memeriksa serta mengurus mangsa-mangsa rogol.

22-10-87

**16. Tuan Lim Guan Eng** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan memandangkan bahawa baru-baru ini terdapat kejadian rogol dan serangan seks terhadap kaum wanita dan kanak-kanak kian berleluasa:

- (a) adakah pihak Kerajaan bercadang untuk meminda undang-undang jenayah untuk menambahkan hukuman bagi jenayah-jenayah seks tersebut dan sila sebutkan berapa banyakkah tambahan itu dan jenisnya;
- (b) apakah tindakan yang diambil untuk mengurangkan kejadian-kejadian yang terkutuk ini;
- (c) adakah suatu kempen penerangan dan kursus akan dilancarkan untuk memperbetulkan sikap setengah golongan rakyat dan pemimpin Kerajaan bahawa mangsa-mangsa itu patutlah disalahkan dan bukanlah penjenayah-penjenayah yang secara tidak langsung telah memberikan kebenaran melakukan jenayah-jenayah ini agar pendidikan dapat mengurangkan kejadian tersebut; dan
- (d) sila berikan angka-angka kes-kes rogol dan serangan seks terhadap kaum wanita dan kanak-kanak di bawah lingkungan umur 14 tahun di antara tahun 1980-1986.

28-10-87

**7. Dr Tan Seng Giaw** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan selain dari menjalankan siasatan polis ke atas kes-kes rogol, liwat dan membunuh, apakah di antara lain-lain ikhtiar yang sedang dibuat oleh Kerajaan untuk mengatasi jenayah yang keji ini. Apakah peratusan perogol merogol lagi apabila dibebaskan dari penjaga berbanding dengan kadar perulangan jenayah merompak dikalangan perompak. Adakah Kerajaan bercadang untuk mengetatkan lagi undang-undang melindungi kaum perempuan dari jenayah yang buas ini. Jika ada, apakah perubahan-perubahan yang sedang dipertimbangkan. Pihak yang manakah yang telah dihubungi untuk mendapatkan pandangan mereka. Jika belum mengambil tindakan atau Kerajaan tidak bercadang untuk berbuat demikian, mengapa.

**14. Tuan Lee Lam Thye** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) bilangan kes rogol yang dilaporkan kepada polis untuk tahun-tahun mulai 1980 hingga 1986 dan tempoh sehingga 30-9-1987;
- (b) berapakah banyak kes tersebut di atas yang melibatkan kanak-kanak;
- (c) berapa banyak kes yang melibatkan pembunuhan terhadap mangsa-mangsa rogol dan adakah semua perogol-perogol ini dapat dikesan; dan
- (d) sejauh mana kejayaan polis dalam menyelesaikan laporan-laporan kes rogol dalam beberapa tahun lalu dan apakah langkah-langkah yang diambil oleh polis untuk menambahkan kecekapannya dalam mengendalikan kes-kes seumpama ini. Adakah Kerajaan akan meminda undang-undang

mengenai rogol bagi  
memperuntukkan hukuman  
lebih berat.

6-11-87

**10. Tuan Ahmad bin Omar** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan adakah Kerajaan akan mengambil langkah segera mengetatkan lagi hukuman bersabit dengan kesalahan yang dilakukan oleh penjenayah rogol sama ada yang dilakukan ke atas kanak-kanak perempuan bawah umur atau dewasa supaya dapat menyekat kejadian yang berlaku berleluasa sekarang.

**18. Tuan Peter Paul Dason** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada memandangkan meningkatnya insiden-insiden keganasan seks terhadap kaum perempuan dan kanak-kanak:

- (i) Kementeriannya akan mengambil kira mengenakan hukuman minimum selama 5 tahun dan rotan sebanyak 5 kali terhadap perogol seperti yang telah disyorkan oleh Majlis Kebangsaan Pertubuhan-pertubuhan Wanita;
- (ii) beliau akan mengesyorkan kepada Kerajaan bahawa satu Jawatankuasa Kabinet akan ditubuhkan bagi mengkaji semua aspek-aspek masalah yang ada hubung-kait dengan keganasan seks ke atas kaum perempuan dan kanak-kanak perempuan dan kemudiannya mengesyorkan langkah-langkah yang harus diambil oleh Kerajaan supaya menjadikan negara ini selamat kepada kaum-kaum perempuan dan kanak-kanak perempuan.

16-11-87

**21. Tuan Sim Kwang Yang** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (i) berapakah kes-kes rogol telah dilaporkan kepada pihak Polis seluruh Malaysia mulai 1-1-1987 sehingga 30-9-1987;
- (ii) berapakah mangsa-mangsa rogol telah dibunuh oleh pihak yang merogol;
- (iii) berapakah kes-kes rogol melibatkan mangsa-mangsa yang berusia kurang dari 18 tahun;
- (iv) berapakah kes-kes rogol itu telah dibawa ke mahkamah dan berapakah orang perogol telah didapati salah; dan
- (v) apakah tindakan telah diambil oleh pihak polis untuk mengawal kes-kes rogol yang kian meningkat.

17-11-87

**11. Dato Kamaruzaman bin Ahmad** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa kejadian rogol gadis-gadis sunti telah menjadi-jadi pada masa ini, jika ya, apakah langkah-langkah tegas yang akan diambil untuk membentasi kejadian ini agar ibubapa tidak lagi bimbang melepaskan anak gadis mereka ke sekolah dan sebagainya.

23-11-87

**24. Tuan P. Patto** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa ibubapa-ibubapa rasa khawatir akan keselamatan anak-anak perempuan mereka berumur di antara tujuh tahun hingga lapan belas tahun kerana meningkatnya kes-kes rogol dan culik baru-baru ini, jika ya, apa tindakan Kementeriannya mengambil untuk mempastikan bahawa penjenayah-penjenayah seperti perogol-perogol dan penculik-penculik dihapuskan sama sekali

daripada masyarakat kita; dan bagaimanakah beliau boleh menjamin keselamatan anak-anak mereka khususnya yang masih dalam bangku sekolah rendah.

26-11-87

**5. Dato' Haji Mohd. Abu Bakar Rautin Ibrahim** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk mengemukakan rang undang-undang di Parlimen untuk mengenakan hukuman yang lebih berkesan lagi terhadap perogol-perogol memandangkan meningkatnya jumlah kes-kes rogol khasnya kes-kes terhadap kanak-kanak dan yang melibatkan kekerasan dan kekejaman.

**23. Tuan Ting Chek Ming** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada Kementerian akan menimbang pindaan undang-undang supaya hukuman mati akan dikenakan kepada penjenayah-penjenayah yang melakukan rogol dan "sodomy" dan pembunuhan mangsa-mangsa gadis di bawah umur 14 tahun, kalau tidak sila berikan sebab-sebab.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob):** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan Yang Berhormat mengenai rogol bersama-sama dengan 14 soalan Ahli Yang Berhormat lain seperti berikut:

Ahli Yang Berhormat dari Marang pada 12hb Oktober, 1987.

Ahli Yang Berhormat dari Sungai Besi pada 15hb Oktober, 1987.

Ahli Yang Berhormat dari Kepong pada 19hb Oktober, 1987.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka pada 22hb Oktober, 1987.

Ahli Yang Berhormat dari Kepong dan Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang pada 28hb Oktober, 1987.

Ahli Yang Berhormat dari Tasik Chenderoh pada 12hb November, 1987.

Ahli Yang Berhormat dari Pagoh dan Ahli Yang Berhormat dari Bayan Baru pada 6hb November, 1987.

Ahli Yang Berhormat dari Bandar Kuching pada 16hb November, 1987.

Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Karang pada 17hb November, 1987.

Ahli Yang Berhormat dari Ipoh pada 23hb November, 1987.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Kedah dan Ahli Yang Berhormat daripada Batu Gajah pada 26hb November, 1987.

Oleh kerana terlalu ramai Wakil-wakil yang bertanya maka Tuan Yang di-Pertua, jawapannya adalah panjang sedikit. Kalau Tuan Yang di-Pertua fikir elok dijawab secara bertulis, saya sedia mematuhi, tetapi kalau diminta dijawab, saya sedia menjawabnya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, susah, tetapi saya harap jangan panjang sangat; masa sehingga 3.30 petang atau dijawab lima minit sahaja.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Rogol adalah satu jenayah yang ditakrifkan di bawah Seksyen 375 Kanun Keseksaan di mana mengikut Seksyen 376 Kanun itu sabit kesalahan boleh menyebabkan seseorang itu dipenjarakan hingga 20 tahun, boleh juga dihukum denda atau dihukum sebat. Rogol boleh berlaku apabila seorang lelaki mengadakan hubungan sex, sexual intercourse dan wujud penetration.

Trend kejadian rogol secara keseluruhannya memang menunjukkan satu peningkatan. Dalam 10 tahun kebelakangan ini 1977 hingga 1986, laporan kejadian rogol telah meningkat dua kali ganda iaitu 303 kes dalam tahun 1977 kepada 688 kes dalam tahun 1986.

Tidaklah dapat diketahui dengan jelas mengapa angka ini bertambah berlipat ganda tetapi mungkin juga disebabkan pada masa ini kejadian-kejadian rogol ada dilaporkan kepada polis berbanding dengan masa-masa yang lalu.

Perbandingan kejadian rogol dalam indeks keseluruhan jenayah di negara ini pada amnya adalah kurang daripada 1% pada tiap-tiap tahun.

Walau bagaimanapun berbanding dengan jenayah kekerasan iaitu bunuh, samun, rogol dan cedera kejadian rogol pula adalah antara 4% hingga 6% pada tiap-tiap tahun. Jika dilihat statistik ini kejadian rogol bukanlah jenayah yang utama. Namun rogol tetap adalah satu jenayah yang penuh sensation dan kejam serta meninggalkan kesan luka yang tidak mungkin boleh dipulih semula di mana mangsa yang dirogol boleh merana sepanjang hayat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat berkenaan juga, antara punca utama berlakunya jenayah rogol adalah disebabkan oleh keadaan-keadaan berikut:

- (1) Mangsa berada ataupun melalui seorang diri di tempat yang sunyi.
- (2) Menumpang di hotel dengan perogol sesuka hati sendiri.
- (3) Mangsa sendiri bersetuju bersetubuh tetapi membuat laporan atas sebab-sebab tertentu.
- (4) Mangsa menumpang kenderaan perogol dengan kerelaan sendiri.
- (5) Mangsa berada seorang diri di rumah.
- (6) Mangsa sendiri bersetuju tetapi telah membuat laporan setelah mengandung.
- (7) Mangsa diberi minuman atau makanan menyebabkan hayal atau tidak sedar diri sebelum dirogol.

- (8) Bersiar-siar dengan perogol.
- (9) Berjanji hendak berkahwin.
- (10) Dirogol oleh bomoh berpura-pura membuat rawatan.
- (11) Mangsa dirogol oleh penjenayah secara paksa ketika berlakunya rompakan atau jenayah-jenayah lain.

Jadi, kejadian yang demikian sejak tahun 1980 hingga bulan September, 1987 pihak polis telah dapat menyelesaikan lebih 50% kejadian tersebut dan menangkap 2,137 orang penjenayah yang terlibat.

Kadar penyelesaian kes ini nampaknya semakin meningkat iaitu daripada 43% dan menangkap 170 orang dalam tahun 1980 kepada 82.3% dan menangkap 306 orang dari bulan Januari hingga bulan September, 1987. Analisa yang dibuat juga menunjukkan bahawa 46% kejadian yang dilaporkan adalah terdiri daripada kes-kes di mana wanita atau gadis yang terlibat memberi kerelaan untuk disetubuhi tetapi kemudian membuat laporan kerana wanita atau gadis tersebut berumur 16 tahun atau setelah mungkir janji untuk berkahwin dan juga telah didesak oleh keluarga kerana didapati telah mengandung.

Dari segi umur pula kejadian menunjukkan bahawa golongan wanita atau gadis yang berumur 16 tahun ke atas adalah yang paling tinggi peratus menjadi mangsa jenayah rogol:

Umur	1986	1987
Bawah 14 tahun .. ..	30%	32%
14-16 tahun .. ..	11%	13%
16 tahun ke atas .. ..	59%	55%

Mengenai kejadian mengikut bangsa pula kedudukan adalah seperti berikut:

Bangsa	1986	1987
Melayu .. ..	53%	60%
Cina .. ..	20%	17%
India .. ..	9%	6%
Lain-lain .. ..	18%	17%

Dari kejadian yang dijalankan juga bagi tahun 1986, 53% perogol dikenali oleh mangsa dan 47% lagi tidak dikenali oleh mangsa. Manakala bagi tahun 1987 iaitu sehingga bulan September, 81% perogol dikenali oleh mangsa dan 19% tidak dikenali oleh mangsa.

Perogol-perogol yang dikenali oleh mangsa ialah kenalan baru 30%, kenalan biasa 23% dan jiran sekampung 22% adalah menunjukkan peratusan yang tinggi selain daripada teman lelaki 9.8%, bapa saudara 5%, bapa tiri 2.6%, saudara atau abang ipar 5.4%, abang sendiri 6% dan majikan 0.9%.

Apa yang menarik lagi dengan kejadian rogol di negara ini ialah mangsa-mangsa rogol adalah di antara yang telah dibunuh. Kes-kes yang begini telah menimbulkan emosi orang ramai ke atas kebencian kepada penjenayah kejam terutamanya apabila dilakukan ke atas kanak-kanak.

Bagi tempoh tahun 1980 hingga September 1987 seramai 69 orang atau 2% mangsa rogol telah dibunuh oleh perogolnya. Polis Di Raja Malaysia sebagai agensi yang ditugaskan untuk mengendali kes-kes rogol telah pun mengambil langkah-langkah tertentu antaranya ialah:

- (1) menubuhkan Pasukan Khas Penyiasat Wanita di tiap-tiap kontijen untuk menyiasat kes-kes rogol. Pada masa ini terdapat 4 orang Penguasa Polis, 54 orang Inspektor, 26 orang Sarjan, 68 orang Koprals dan 219 orang Konstabel dalam pasukan ini;
- (2) mengadakan beberapa seminar di peringkat Persekutuan dan Negeri;
- (3) mengadakan tape video berkaitan dengan jenayah rogol untuk latihan anggota-anggota;
- (4) mengadakan buku panduan penyiasat.

Hasil daripada penyelarasan kes-kes rogol sejak akhir-akhir ini ialah amat menggalakkan di mana seperti yang saya nyatakan pada awal-awal tadi bahawa dalam tahun 1987 ini 82.3% kes-kes rogol yang dilaporkan kepada polis telah dapat diselesaikan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk mencegah jenayah rogol tindakan penguatkuasaan sahaja tidak mencukupi. Sukalah saya menyeru semua pihak supaya mengambil langkah-langkah pencegahan awal terhadap kemungkinan berlakunya jenayah ini. Pada masa ini berbagai-bagai pihak terutamanya pertubuhan wanita serta media massa sedang mendesak Kerajaan supaya memberi perhatian serius ke atas masalah rogol terutama kejadian-kejadian kejam seperti pembunuhan serta melibatkan kanak-kanak. Antara desakan-desakan yang dibuat pada masa ini ialah untuk mewujudkan peruntukan undang-undang bagi mengadakan hukuman penjara minimum bagi tiap-tiap sabitan kesalahan merogol. Di sini inginlah saya menjelaskan bahawa perkara ini adalah dalam pertimbangan Kerajaan dan Kementerian Kehakiman sedang mengkaji cadangan-cadangan tersebut.

**Tuan Sim Kwang Yang:** Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu kepada Dewan ini sama ada dengan angka kejadian kes-kes rogol sebanyak 600 lebih satu tahun, tidakkah ini bermakna bahawa setiap hari dua perempuan dirogol di Malaysia. Adakah ini satu kejadian yang amat menakutkan?

Yang kedua, adakah banyak kes-kes rogol tidak dilaporkan kepada pihak polis kerana social stigma yang ada terhadap kes-kes rogol. Contohnya dalam Dewan yang mulia ini apabila kes rogol dibangkitkan saya melihat sendiri banyak Ahli-ahli Yang Berhormat grinning sheepishly, dengan izin, ini sikap yang salah. Dengan ini trial procedurekah, dengan

izin, Evidence Actkah dan sebagainya menjadikan mangsa rogol ini sebagai orang di bawah trial dan bukan orang yang merogol ini, oleh kerana itu pertubuhan-pertubuhan wanita sudah mengemukakan beberapa memorandum kepada pihak yang berkuasa supaya meminda Akta-akta berkenaan untuk memulih, untuk memberi reformasi kepada undang-undang yang berkenaan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri dengan Kementeriannya bertujuan untuk mengkaji semula dengan secepat, dengan segera semua undang-undang berkenaan dengan rogol supaya memberi keadilan kepada mangsa-mangsa rogol dan maruah masyarakat negara kita ini.

**Dato Megat Junid bin Megat Ayob:** Terima kasih. Sungguhpun mengikut statistik Yang Berhormat dari Bandar Kuching bahawa tiap-tiap sehari dua orang kena rogol. Tetapi kalau kita lihat dengan negara-negara lain, Malaysia mengikut nisbah penduduk ialah 4.270%, Singapura 4.292%, Thailand 5.1%, Jerman Barat 9.1%. Jadi, kalau kita lihat perbandingan seperti ini bukanlah satu perkara yang luar biasa atas perkara ini.

Tentang perkara yang kedua itu, saya akan mengambil ingatan dengan serius.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah Yang Berhormat, masa sudah cukup.

*(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 4, 6 dan 12 hingga 35 adalah diberi di bawah ini).*

#### **KEMPEN ANTI-MINYAK KELAPA SAWIT**

**4. Dato' Dr Affiuddin bin Haji Omar** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan apakah hasil keseluruhan lawatan Menteri Perusahaan Utama ke Amerika Syarikat dan Eropah; adakah misi beliau untuk membenters kesan

kempen anti-minyak kelapa sawit oleh kumpulan lobi minyak kacang soya di Amerika berjaya; adakah apa-apa hubungan kajian (research) dibuat oleh PORIM dengan institusi-institusi kajian yang bebas dari kepentingan kacang soya Amerika Syarikat untuk membenteng hakikat sebenar mengenai kandungan dan khasiat minyak kelapa sawit.

**Tuan Alias bin Md. Ali:** Kementerian saya telah menerima sekurang-kurangnya 17 soalan dari Ahli-ahli Yang Berhormat yang menyentuh mengenai isu lobi anti minyak kelapasawit yang sedang berlaku di Amerika Syarikat. Oleh yang demikian, saya mohon izin untuk menjawab soalan-soalan yang dikemukakan oleh Y.B. Dato' Dr Affiuddin bin Hj. Omar pada 12-10-87, Y.B. Tuan Abdul Mulok Awang Damit pada 12-10-87, Y.B. Tuan Gooi Hock Seng pada 20-10-87, Y.B. Tuan Nurnikman Abdullah pada 20-10-87, Y.B. Datuk Haji Sakaran bin Dandai pada 22-10-87, Y.B. Dr Eng Seng Chai pada 26-10-87, Y.B. Tuan Zubir bin Embong pada 27-10-87, Y.B. Tuan Abdul Rahman bin Bakar pada 29-10-87, Y.B. Dato' Hj. Mohd. Abu Bakar Rautin Ibrahim pada 3-11-87, Y.B. Tuan Lee Lam Thye pada 12-10-87, Y.B. Tuan Hj. Abd. Manaf bin Haji Ahmad pada 13-11-87, Y.B. Tuan Mutang Tagal pada 18-11-87, Y.B. Tuan Teoh Teik Huat pada 20-11-87, Y.B. Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis pada 23-11-87, Y.B. Tuan Ngoi Thiam Woh pada 1-12-87, Y.B. Tuan Haji Abdul Razak bin Hj. Abu Samah pada 3-12-87 dan Y.B. Tuan Ahmad bin Omar pada 3-12-87 serentak dan untuk membuat suatu kenyataan yang akan meliputi berbagai aspek kempen itu dan usaha-usaha untuk mengatasinya.

Usaha-usaha untuk menakutkan pengguna dari menggunakan minyak kelapa sawit atas asas kesihatan telah aktif semenjak awal tahun ini.

“Lobi anti minyak kelapa sawit” itu sedang berusaha supaya minyak kelapa sawit, bersama-sama minyak kelapa dan minyak isirong kelapa sawit, digolongkan sebagai lemak tepu dan bukan minyak sayuran. Persatuan Kacang Soya Amerika mencuba mengambil kesempatan dari kebimbangan mengenai penggunaan minyak dan lemak, terutamanya lemak tepu, ke atas kesihatan. Penggunaan terlalu banyak lemak tepu telah dikaitkan dengan risiko serangan penyakit jantung melalui kesannya ke atas paras kolesterol dalam darah.

Walaupun kononnya kempen anti minyak kelapa sawit ini dilaksanakan berasaskan faktor-faktor kesihatan, adalah jelas bahawa objektif sebenarnya ialah untuk mengawal syer pasaran, khususnya untuk minyak soya. Alasan kesihatan yang dilaungkan hanyalah merupakan alat untuk menjayakan kempen berkenaan.

Sebagai usaha untuk mendapatkan pengiktirafan rasmi untuk kempenya itu, Persatuan Kacang Soya Amerika Syarikat, di samping Pusat untuk Sains bagi Kepentingan Awam (CSPI) telah mengemukakan petisyen kepada Pentadbiran Makanan dan Dadah Amerika Syarikat (FDA) supaya minyak kelapa sawit, minyak isirong kelapa sawit dan minyak kelapa (digelarkan “minyak tropika”) dilabelkan sebagai lemak tepu dibungkusan bagi bahan-bahan makanan yang mengandungi minyak-minyak ini. Rang Undang-undang juga telah dibentangkan dalam kedua-dua Dewan Kongres Amerika Syarikat oleh ahli-ahli dari kawasan-kawasan pertanian negara negara itu yang ada memestikan minyak sawit, minyak isirong sawit dan minyak kelapa dilabel sebagai lemak tepu. Pihak Persatuan Kacang Soya Amerika telah juga mengedarkan apa yang digelarnya “Fat Fighter Kit” kepada para pengguna, yang mengandungi propaganda anti

“minyak tropika” untuk menakutkan para pengguna dan mendapatkan mereka supaya menggesa para pengusaha dan peniaga bahan makanan menghindari minyak sawit.

Pada hakikatnya, walaupun mengandungi lebih kurang 50% lemak tepu, minyak kelapa sawit tidak bersifat seperti minyak makanan lain yang mengandungi lemak tepu yang tinggi. Sebaliknya, telah terdapat hasil-hasil penyelidikan yang membuktikan bahawa minyak kelapa sawit boleh mengurangkan kandungan kolesterol dalam darah terutamanya jika menjadi sebahagian dari makanan mereka-mereka yang memakan makanan yang tinggi kandungan lemaknya, seperti penduduk-penduduk di Barat. Selain daripada komponen “monounsaturated” dan “polyunsaturated” di dalam minyak kelapa sawit, fenomena ini mungkin disebabkan oleh kandungan vitamin E terutamanya “tocotrienols” yang terdapat dalam minyak kelapa sawit. Di samping itu, minyak kelapa sawit adalah merupakan sumber karoten, gejala vitamin yang didapati boleh menghalang penyaki barah. Tambahan pula, penyelidikan-penyelidikan makmal di Eropah menunjukkan bahawa penggunaan minyak kelapa sawit akan mengatasi “arterial thrombosis” (kejadian darah beku) dan tidak memupuk “atherosclerosis” atau penebalan saluran-saluran darah.

Untuk menentang kempen anti minyak kelapa sawit itu suatu Jawatankuasa Pemandu telah ditubuhkan oleh Lembaga Pendaftaran dan Pelesen Minyak Kelapa sawit (PORLA) dengan anggota-anggotanya terdiri dari wakil-wakil sektor Kerajaan dan swasta. Langkah-langkah yang telah dirangka dan dilaksanakan di bawah penyelarasan Jawatankuasa Pemandu ini adalah seperti berikut:

(a) Pendekatan Politik

Berasaskan hakikat bahawa objektif Persatuan Kacang Soya Amerika ialah untuk melindungi syer, pasaran bagi minyak soya, Malaysia bersama-sama negara-negara anggota ASEAN yang lain telah menggesa Kerajaan Amerika Syarikat supaya campur tangan secara langsung dan menyatakan tentangannya terhadap kempen anti minyak kelapasawit ini, memandangkan ianya akan menyekat perkembangan perdagangan dalam minyak sawit dengan cara yang tidak adil.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, pada 1-5 Julai tahun ini, Y. B. Menteri Perusahaan Utama telah mengetuai satu rombongan melawat Amerika Syarikat. Semasa lawatan tersebut, Y. B. Menteri Perusahaan Utama telah mengadakan rundingan dengan pegawai-pegawai tinggi Kerajaan Amerika Syarikat, ahli-ahli majlis perundangan negara itu serta wakil-wakil sektor perusahaan makanan yang melibatkan minyak makanan untuk merakamkan tentangan negara kita terhadap kempen anti minyak sawit itu. Y. B. Menteri Perusahaan Utama juga telah berunding dengan pegawai-pegawai FDA. Rundingan-rundingan ini merupakan suatu langkah untuk menjelaskan fakta-fakta di sekitar kempen anti minyak sawit itu kepada pihak-pihak yang berkenaan di Amerika Syarikat. Y. B. Menteri Perusahaan Utama dapati pegawai-pegawai FDA telah mula mengenali minyak kelapa sawit dengan lebih dekat lagi dari segi teknikal dan ini adalah amat memberangsangkan. Tindakan susulan dari lawatan ini sedang diambil melalui beberapa cara untuk menentukan kekesanannya.

Dalam suatu pertemuan dengan TYT Duta Besar Amerika Syarikat di negara kita pada 28 Ogos lalu, Y. B. Menteri Perusahaan Utama telah

menjelaskan semula pendirian negara mengenai ketidak-adilan kempen minyak sawit itu. Sebagai menegaskan pandangan kita itu Y. B. Menteri Perusahaan Utama telah menyerahkan suatu "aide memoire" kepada TYT Duta Besar Amerika Syarikat itu. Selain dari itu, pegawai-pegawai Kementerian Perusahaan Utama telah mengambil peluang dari segenap pertemuan dengan pegawai-pegawai dari Amerika Syarikat untuk menegaskan bantahan Malaysia terhadap kempen anti minyak sawit.

Kedutaan Malaysia di Washington telah juga memberi sumbangan positif kepada usaha ini. Di antaranya bersama-sama Duta-duta Besar negara-negara anggota ASEAN di Washington D.C., TYT Duta Besar Malaysia telah mengutus surat kepada Kerajaan Amerika Syarikat dan anggota-anggota Kongres mengenai hal ini. Selain dari aspek-aspek perdagangan dan teknikal, Kerajaan Amerika Syarikat telah dimaklumkan bahawa jika Rang Undang-undang melabel minyak tropika itu diluluskan, Amerika Syarikat mungkin akan melangkaui tanggungjawabnya kepada Perjanjian am Perdagangan dan Tarif (GATT).

#### *(b) Pendekatan Teknikal*

Memandangkan bahawa minyak kelapasawit adalah sebenarnya sejenis minyak makanan yang berkhasiat, maklumat yang berkenaan sedang disebarikan seluas-luasnya. Akan tetapi, menyedari bahawa untuk menyakinkan lagi pengguna-pengguna, khasnya pengguna-pengguna di Amerika Syarikat mengenai khasiat-khasiat minyak kelapasawit, lebih banyak projek penyelidikan mengenai minyak kelapa sawit perlu dijalankan oleh para saintis negara itu sendiri. Oleh itu PORIM sedang mengaturkan beberapa projek penyelidikan minyak

kelapa sawit untuk dijalankan di beberapa Institusi pengajian tinggi dan badan-badan profesional di Amerika, di samping negara-negara lain. Apabila data-data yang lengkap diperolehi daripada projek-projek penyelidikan ini, maklumat itu akan disebarkan dengan meluas untuk mengatasi sebarang keraguan yang mungkin ada di kalangan pengguna-pengguna, peniaga-peniaga dan para pengusaha mengenai kesan-kesan positif minyak sawit terhadap kesihatan.

Sementara itu, satu rombongan Khidmat Nasihat Teknikal PORIM telah dihantar ke Amerika Syarikat untuk menjelaskan kedudukan perkara ini di peringkat teknikal, dengan menggunakan maklumat-maklumat yang telah sedia ada. Rombongan yang telah bertolak pada 28 September itu akan menganjurkan seminar-seminar mengenai minyak sawit di enam buah bandaraya Amerika iaitu di Washington D.C., Minneapolis, Dallas, Chicago, New York dan San Francisco. Pakar-pakar dari Amerika Syarikat, Eropah dan Malaysia akan membentangkan kertas-kertas mengenai khasiat-khasiat minyak sawit di seminar-seminar itu.

Sehingga ini adalah dianggarkan bahawa kesan kempen anti minyak sawit itu dapat dibendung. Walaupun terdapat satu atau dua syarikat pembikin makanan di Amerika yang telah tidak lagi menggunakan minyak sawit, ramai lagi yang telah secara terbuka menyuarakan tentangan terhadap tindak-tanduk lobi anti minyak sawit itu. Saya difahamkan bahawa Pentadbiran Reagan sedang menimbangkan untuk menyatakan pendiriannya secara terbuka menentang Rang Undang-undang untuk melabelkan minyak sawit/minyak tropika sebagai lemak tepu. Pihak F.D.A. juga telah tidak menyokong

Rang Undang-undang itu dalam suatu perbincaraan mengenainya oleh sebuah Jawatankuasa Kongres. Mengikut laporan-laporan yang telah diterima oleh Kementerian Perusahaan Utama, cadangan Rang Undang-undang yang berkenaan nampaknya akan gugur oleh kerana tidak mendapat sokongan.

(c) *Perlantikan Syarikat Perhubungan Awam Hill & Knowlton*

Untuk membantu Jawatankuasa Pemandu melaksanakan kempen menentang lobi anti minyak kelapasawit, PORLA telah melantik Hill & Knowlton, sebuah agensi perhubungan awam yang beribu pejabat di Washington, untuk menghubungi agensi-agensi Kerajaan, anggota-anggota Kongres, pengimport dan pengusaha-pengusaha makanan di Amerika Syarikat, untuk bersama-sama menentang kempen itu, di samping mendapatkan publisiti yang positif untuk minyak sawit. Agensi ini sedang melaksanakan tugas-tugasnya mengikut suatu program kerja yang telah dipersetujui oleh Jawatankuasa Pemandu PORLA itu.

Kementerian Perusahaan Utama sedang mengatur strategi selanjutnya untuk memajukan pasaran bagi minyak sawit Malaysia di seluruh dunia. Ke arah ini saya telah pun mengarahkan PORLA mengambil tindakan segera memperkuatkan keupayaan organisasi itu untuk melaksanakan suatu program galakan pasaran yang agresif.

**KENAIKAN YURAN PELAJARAN  
DI AUSTRALIA**

6. Tuan Haji Mohd. Zihin bin Mohd. Hassan minta Menteri Pendidikan menjelaskan bahawa tiap-tiap penuntut persendirian yang pergi

belajar ke Australia khususnya ada memberi pengakuan (undertaking) oleh bank-bank atau penjamin-penjamin penuntut yang soal wang tidak timbul dan atas asas yang demikian Kerajaan Australia menerimanya:

- (a) kenapa perkara tidak membayar wang yuran timbul baru-baru ini;
- (b) setakat manakah Kerajaan sanggup membantu penuntut-penuntut terlibat;
- (c) adakah Kerajaan bercadang supaya meneliti semula kewangan penuntut persendirian sebelum mereka berlepas ke Australia atau negara-negara lain; dan
- (d) adakah Kerajaan bercadang tidak lagi membenarkan penuntut persendirian pergi ke Australia atau negara-negara lain jika tidak ada kesanggupan sedangkan kita sudah mempunyai banyak universiti-universiti yang boleh memberi kursus-kursus yang dikehendaki.

**Dr Leo Michael Toyad:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perkara mengenai kesulitan membayar yuran oleh pelajar-pelajar persendirian timbul baru-baru ini adalah disebabkan oleh:

- (a) Keputusan Kerajaan Australia menaikkan bayaran "Overseas Students Charge" (OSC) ke atas penuntut-penuntut negara asing antara 32% hingga 55% dari kos pelajaran sebenar. Kenaikan yuran ini adalah di luar dugaan pelajar-pelajar persendirian Malaysia yang berkenaan.

- (b) Kerajaan telah menyumbangkan sebanyak \$250,000 untuk Tabung Pinjaman kepada pelajar-pelajar Malaysia di Australia. Tujuan tabung ini ialah untuk membantu pelajar-pelajar Malaysia yang menghadapi masalah kewangan untuk membayar yuran "Overseas Students Charge" (OSC) akibat dari kenaikan bayaran yuran ini.
- (c) Urusan permohonan dan kemasukan pelajar-pelajar persendirian Malaysia ke pusat-pusat pengajian tinggi di Australia adalah dibuat antara pelajar dengan pihak berkenaan Australia (termasuk Suruhanjaya Tinggi Australia di Kuala Lumpur). Pihak Kerajaan Malaysia tidak terlibat dalam urusan ini. Oleh itu adalah sukar bagi Kerajaan Malaysia mengadakan satu peraturan khas yang membolehkan Kerajaan menetapkan setiap penuntut persendirian Malaysia mempunyai sumber kewangan yang mencukupi sebelum mereka dibenarkan melanjutkan pelajaran ke Australia, melainkan sekiranya Kerajaan Australia menghendaki Kerajaan Malaysia berbuat demikian.

- (d) Kerajaan tidak bercadang menyekat pelajar-pelajar Malaysia untuk melanjutkan pelajaran ke luar negeri. Ini adalah kerana Kerajaan berpendapat seseorang itu berhak melanjutkan pelajaran di mana-mana negara sekiranya mereka diterima oleh negara-negara berkenaan. Tambahan lagi pada masa ini universiti-universiti tempatan tidak mampu menampung semua pelajar yang layak mendapat pendidikan tinggi.

## MAYAT YANG TIDAK DITUNTUT DI HOSPITAL

12. Tuan Haji Mohamed bin Haji Isa minta Menteri Kesihatan menjelaskan dalam banyak kes kematian yang dibawa ke Hospital:

- (a) adakah mayat-mayat yang tidak dituntut oleh pihak waris/keluarga si mati sehingga ke satu tempoh yang lama disimpan di rumah mayat Hospital Kerajaan seluruh negara;
- (b) apakah langkah Kerajaan untuk mengatasinya dan berapakah jumlah mayat yang belum dituntut sehingga hari ini dan berapa lama; dari jumlah tersebut berapakah jumlah mayat orang-orang Islam; dan adakah pihak Kementerian membuat perundingan dengan Jabatan Agama Islam Negeri bagi mengatasinya.

**Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban):**

- (a) Pada amnya keluarga atau waris si mati ataupun balai polis yang berhampiran dengan alamat si mati, dihubungi oleh pihak Hospital, melalui telefon seberapa segera yang boleh, di mana alamat si mati diketahui.
- (b) Tetapi dalam kes mayat yang tidak dituntut oleh pihak keluarga atau waris si mati biasanya disimpan di rumah mayat hospital bagi tempoh 72 jam.
- (c) Jika terdapat mayat-mayat yang tidak dituntut selepas 72 jam, tindakan-tindakan berikut akan diambil:

### (i) *Mayat Orang Islam*

Bagi mayat orang Islam, peraturan-peraturan akan dibuat dengan Jabatan Agama Islam tempatan untuk pengkebumian.

### (ii) *Mayat orang bukan Islam*

Bagi mayat orang bukan Islam, pihak berkuasa hospital akan berhubung dengan badan-badan kebajikan/agama lain yang berkenaan untuk membantu dalam pengurusan mayat.

Walau bagaimanapun jika tidak ada atau tidak ada response dari badan-badan yang tersebut, pihak berkuasa hospital sendiri akan menguruskan pengkebumian mayat itu.

- (iii) Jumlah mayat yang tidak dituntut dari hospital-hospital Kerajaan di Semenanjung Malaysia dari 1-1-1987 hingga 30-9-1987 adalah sebanyak 1,240. Dari jumlah ini terdapat sebanyak 468 mayat orang beragama Islam dan 772 mayat orang bukan Islam. Harus saya menjelaskan di sini bahawa kebanyakan mayat yang tidak dituntut ini adalah bayi-bayi yang dilahirkan mati.

## PERHUBUNGAN DUAHALA FILIPINA-MALAYSIA

13. Tuan Samson Chin Chee Tsu minta Menteri Luar Negeri menyatakan perkara-perkara yang dibincangkan di antara beliau dan Encik Selvadur Laurel, Timbalan Presiden Filipina semasa lawatan yang kedua ke Malaysia baru-baru ini.

**Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Semasa pertemuan Encik Laurel dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, dan Menteri Luar

Negeri mereka telah berpeluang berbincang beberapa perkara mengenai perhubungan duahala. Encik Laurel telah memaklumkan bahawa Kerajaan Aquino sekarang telah berubah corak daripada revolusi kepada Kerajaan corak perlembagaan. Kerajaan Filipina sekarang ingin mengeratkan serta mempertingkatkan lagi perhubungan duahala antara Malaysia dan Filipina. Beliau memaklumkan bahawa Kerajaan Filipina akan berusaha menyelesaikan apa-apa masalah yang terdapat dalam perhubungan duahala dengan Malaysia dan bersedia untuk membincang mengenai masalah tuntutan Sabah.

Encik Laurel juga telah menerangkan mengenai kejadian pembunuhan 2 orang pendakwah Malaysia di Selatan Filipina. Dalam hal ini, kerajaan Filipina telah mengambil tindakan yang segera dan tegas kepada mereka yang terlibat dalam insiden tersebut. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga telah menerangkan hasil lawatan beliau ke Soviet Union baru-baru ini kepada Encik Laurel.

Pada keseluruhannya lawatan Encik Laurel telah membuka era baru dan persefahaman dalam hubungan duahala Malaysia/Filipina dan ini membawa petanda positif ke arah kerjasama kedua-dua belah pihak.

## HARGA MINYAK MASAK

17. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan berapakah keupayaan semua kilang minyak masak seluruh negara boleh menapis/mengeluarkan minyak masak untuk keperluan pengguna-pengguna bagi tahun 1986 dan enam bulan pertama bagi tahun 1987. Nyatakan harga minyak itu secara terperinci bagi tahun-tahun tersebut. Apakah langkah-langkah atau peraturan baru untuk memastikan bekalan minyak kelapa sawit mentah mencukupi.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian (Tuan M. G. Pandithan):** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, minyak masak terdiri daripada berbagai jenis seperti minyak kelapa, minyak sawit dan sebagainya. Pengeluar-pengeluar bahan ini adalah ramai bilangannya dan ada di antaranya yang boleh dianggap sebagai "backyarders" sahaja. Oleh yang demikian adalah sukar untuk mengetahui dengan sebenarnya jumlah pengilang-pengilang ini serta pengeluarannya dengan secara terperinci. Walau bagaimanapun pengilang-pengilang ini berkeupayaan untuk mengeluarkan minyak masak untuk menampung keperluan pengguna-pengguna dalam negeri. Di samping pengeluaran dalam negeri, Kerajaan juga membenarkan pengimportan minyak-minyak masak dari bahan-bahan lain seperti soya bean dan sebagainya untuk dibungkus semula di dalam negeri. Dengan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan ini tidak timbul masalah bekalan minyak masak untuk keperluan negara.

Mengenai harga pula adalah dimaklumkan bahawa pemasaran minyak masak ini dilakukan dengan 2 cara iaitu sebagai minyak tulen dan minyak campuran (blended). Kedudukan harga purata jualan runcit bagi kedua-dua jenis minyak masak ini yang berasaskan minyak kelapa sawit adalah seperti berikut:

Jenis Minyak	Berat Timbangan	Tahun 1986	Tahun 1987
Minyak sawit Tulen	17kg	\$16.00-\$22.00	\$19.00-\$23.00
Minyak sawit Campuran	17 kg	\$24.60-\$35.00	\$24.50-\$29.50

Untuk menentukan bekalan minyak kelapasawit mentah mencukupi, langkah yang diambil ialah mengenakan kadar duti eksport yang tinggi ke atas bahan tersebut iaitu kira-kira 10% hingga 30%. Kadar duti yang

tinggi ini menggalakkan pengilang-pengilang menapis minyak kelapa sawit mentah dan dieksport dalam bentuk proses dan separa proses, yang mana dikecualikan daripada cukai. Langkah Kerajaan membenarkan pembukaan kawasan-kawasan tanaman baru kelapa sawit juga turut menyumbang kepada tambahan pengeluaran minyak kelapa sawit mentah untuk menampung permintaan yang bertambah. Semenjak tahun 1980 pembukaan kawasan tanaman baru kelapa sawit adalah dalam lingkungan 60,000 hingga 100,000 hektar setahun.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, keupayaan kilang-kilang penapis kelapa sawit mentah dalam tahun 1986 ialah kira-kira 8 juta tan metrik, yang mana pengeluaran sebenar cuma 4.5 juta tan metrik. Kira-kira 20% daripada pengeluaran ini ialah untuk keperluan dalam negeri. Selebihnya adalah untuk dieksport.

#### PELABURAN ASING— MENGHALANG

**15. Tuan Chian Heng Kai** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan apakah tindakan telah diambil dan mana satu undang-undang dan prosedur yang dikatakan menghalang pelaburan asing telah diubah atau batal selepas beliau mengumumkan ia akan membuat demikian di London pada 22hb Julai, 1987.

**Tuan M. G. Pandithan:** Untuk makluman Yang Berhormat Tuan Chian Heng Kai, kebanyakan daripada langkah-langkah memperbaiki dan meminda undang-undang dan peraturan-peraturan yang dikatakan menghalang pelaburan asing telah pun dilaksanakan oleh Kerajaan sebelum pengumuman Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perindustrian dibuat di London pada 22hb Julai, 1987. Ini termasuklah

memberi kelonggaran kepada peraturan-peraturan yang berkaitan dengan perlesenan di bawah Akta Penyelarasan Perindustrian 1975, penyertaan ekuiti asing, pengambilan pekerja ekspatriat dan penyelarasan prosedur-prosedur pentadbiran bagi mempercepatkan penubuhan projek-projek perkilangan.

Walau bagaimanapun, sepertimana yang diamalkan oleh Kerajaan, Kerajaan sentiasa mengambil langkah-langkah positif bagi memastikan supaya iklim pelaburan akan menjadi lebih menarik lagi. Di antara langkah-langkah sejak pengumuman itu dibuat adalah seperti berikut:

- (i) Mewartakan borang permohonan Lesen Pengilang yang telah dikaji semula pada 17hb September, 1987. Borang permohonan tersebut telah dipermudahkan di mana maklumat-maklumat penting sahaja diminta dari pelabur-pelabur untuk penilaian sesuatu permohonan projek pengilangan.
- (ii) Mengkaji kemungkinan menggalak dan membantu sektor-sektor penting industri yang mengalami kesukaran disebabkan perubahan-perubahan dalam keadaan pasaran serta sektor industri, di samping menyusun semula aktiviti-aktiviti mereka agar industri-industri ini dapat dikembalikan ke tahap yang lebih "viable" melalui peningkatan produktiviti, kecekapan dan daya persaingan.
- (iii) Mengkaji kemungkinan meminda Akta Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA) supaya membolehkan agensi Kerajaan tersebut memainkan peranannya dengan lebih

berkesan lagi dalam menggalak dan menyelaraskan pembangunan perindustrian negara.

- (iv) Mengkaji kemungkinan bagi mewujudkan satu Pusat Penerangan Perniagaan Serenti bagi memudahkan para pelabur, orang awam serta para pelancong mendapatkan maklumat mengenai menjalankan perniagaan di Malaysia.

Dengan adanya usaha-usaha Kerajaan ini, saya yakin segala halangan-halangan bagi meningkatkan pelaburan asing ke Malaysia dapat diatasi.

#### IMPORT BAHAN MAKANAN

16. Tuan Haji Hussein bin Haji Taib minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) apakah usaha-usaha dan langkah-langkah penting yang telah dan akan diambil oleh Kementerian bagi mengatasi import bahan makanan yang tinggi nilainya setiap tahun; dan
- (b) adakah Kementerian bersedia berunding dengan FELCRA bagi mengusahakan tanah terbiar lebih 600,000 hektar yang subur untuk produktiviti pertanian di negara ini.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed:

- (a) Langkah-langkah untuk mengurangkan import bahan makanan, ialah seperti berikut:
- (i) Mengadakan program serta meningkatkan pengeluaran 13 komoditi import utama yang termasuk beberapa jenis buah-buahan, sayur-sayuran, daging lembu, daging biri-biri dan hasil perikanan. Pengeluaran

komoditi-komoditi tersebut akan memberi tumpuan kepada:

- (a) Pengguna varieti yang berhasil tinggi serta kawasan pengeluaran akan berdasarkan kepada unsur-unsur agro-iklim dan ekonomi, misalnya jarak kawasan pengeluaran dengan pasaran dan pusat pemerosesan.
- (b) Saiz unit pengeluaran akan membolehkan ekonomi bidang dan teknologi moden digunakan.
- (c) Penyokongan usaha tersebut dengan mengadakan kredit untuk memudahkan petani memperolehi modal.
- (ii) Menggalakkan penyertaan dan pelaburan swasta secara "corporate" untuk pengeluaran secara besar-besaran. Usaha ini disokong dengan pemberian insentif fizikal dan galakan seperti taraf perintis, elaun cukai pelaburan, elaun pertanian, elaun modal untuk kilang dan jentera, elaun eksport termasuk kawalan import.
- (iii) Mengenalpasti dan menggalakkan (bersama agensi-agensi Kerajaan yang lain) industri berasaskan pertanian untuk meningkatkan tahap integrasi di dalam industri pemerosesan dan pengeluaran makanan utama untuk saling

menggiat dan menyokong pembangunan dan pertumbuhan kegiatan masing-masing.

- (b) Sememangnya pihak Kementerian Pertanian dari masa ke semasa telah mengadakan rundingan dengan FELCRA berhubung dengan pembangunan tanah terbiar. Rundingan-rundingan tersebut telah berjaya mencapai beberapa persetujuan, mengujudkan persefahaman dan meningkatkan lagi kerjasama di antara satu sama lain. Sebagai contohnya ialah pihak Kementerian telah bersetuju supaya beberapa kawasan tanah terbiar di Seberang Perak dan di Negeri Sembilan Timur dimajukan oleh FELCRA dengan tanaman padi dan kelapa sawit.

(Soalan No. 17. Sila lihat jawapan No. 1).

#### DASAR "BUY BRITISH LAST"

18. Tuan Nurnikman bin Abdullah minta Perdana Menteri menyatakan apakah sikap dan pendirian Malaysia terhadap Britain dan Kerajaan British yang dipimpin oleh Puan Margaret Thatcher sekarang memandangkan dasar "Buy British Last" yang beliau lancarkan beberapa tahun dahulu masih dipegang oleh sebilangan besar rakyat Malaysia khasnya usahawan-usahawan dan peniaga-peniaga tempatan. Apakah dasar "Pandang ke Timur" yang wujud akibat "Buy British Last" itu masih dipegang oleh Malaysia. Dan adakah dasar "Pandang ke Timur" itu berhasil membawa kejayaan dan mencapai matlamat yang kita harapkan.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor):** Dalam hubungan

perdagangan antarabangsa, Malaysia sentiasa memberi layanan yang sama kepada semua negara yang berminat untuk membuat hubungan dagang dengan Malaysia. Adalah menjadi dasar Kerajaan untuk mengadakan perdagangan bebas dengan semua negara dan Dasar Pandang ke Timor tidaklah menjadi halangan kepada Dasar Perdagangan Bebas ini. Layanan yang diberi kepada Kerajaan British di bawah dasar ini adalah sama sebagaimana yang diberi kepada negara-negara lain juga. Dasar "Buy British Last" itu tidak wujud lagi sekarang.

Untuk makluman Yang Berhormat, semasa lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke Britain dalam bulan Julai yang lalu, kedua pihak telah bersetuju supaya hubungan duahala di antara kedua buah negara dijalinkan di atas asas yang lebih pragmatik dan constructive. Ini bermakna era perhubungan duahala yang tidak stabil pada awal tahun 80an pada hakikatnya telah berlaku.

Ketika ini Kerajaan masih meneruskan pelaksanaan dasar pandang ke timor. Dasar yang dilaksanakan mulai tahun 1982 itu, adalah bertujuan untuk mengambil negara-negara timor yang pesat maju sebagai contoh dalam usaha membangunkan Malaysia, di samping mewujudkan golongan masyarakat Malaysia yang mempunyai nilai-nilai etika kerja yang positif bagi meningkatkan prestasi pengurusan dan pembangunan negara. Perlu ditegaskan bahawa Dasar Pandang ke Timor bukanlah diwujudkan akibat hubungan kita dengan British dan Dasar itu tidak sekali-kali bermakna bahawa kita memberi keutamaan kepada Jepun dalam urusan perdagangan.

Saya kira melalui berbagai program yang dilaksanakan di bawah Dasar Pandang ke Timor seperti program-program latihan dan pendedahan ke

Korea dan Jepun, Dasar itu berjaya dari segi matlamatnya untuk meningkatkan produktiviti negara ini. Misalnya Kerajaan telah memperkenalkan beberapa langkah dalam perkhidmatan awam seperti mewujudkan peraturan pejabat yang lebih teratur, kumpulan kawalan mutu dan program pengukuran produktiviti. Hasil dari langkah-langkah yang telah diambil pada keseluruhannya telah memberi kesan menambahkan kecekapan dan disiplin di kalangan pekerja.

#### **DASAR EKONOMI BARU— KEMAJUAN PELAKSANAAN**

19. Tuan Haji Ibrahim bin Ali minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) memperincikan sejauh manakah kejayaan program Kerajaan dalam usaha membasmi kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat sejak Dasar Ekonomi Baru dilancarkan;
- (b) sehubungan dengan agenda membasmi kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat, adakah Yang Berhormat Perdana Menteri sedar wujudnya kelemahan Pentadbiran dan Pengurusan Ekonomi sepertimana dibangkitkan oleh setengah pihak, terutama masalah birokrasi di dalam Kerajaan walaupun Kad Perakam Waktu dan berbagai-bagai rancangan telah dijalankan. Apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil untuk mengatasi masalah ini supaya slogan Bersih, Cekap dan Amanah serta Kepimpinan Melalui Teladan benar-benar dihayati oleh semua pihak, supaya matlamat suci dalam Dasar Ekonomi Baru dapat mencapai kejayaan sebagaimana diharapkan.

#### **Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman):**

- (a) Kemajuan pelaksanaan DEB semenjak ianya dilancarkan pada tahun 1970 telah pun ditunjukkan dalam dokumen-dokumen pembangunan lima tahun Kerajaan. Secara ringkasnya, Kerajaan berpendapat program-program yang bertujuan membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat telah pun menghasilkan kejayaan yang memuaskan, sungguhpun Kerajaan sedar masih banyak lagi yang perlu diusahakan. Data-data yang terkandung di dalam dokumen RML menunjukkan pada keseluruhannya kadar kemiskinan di Semenanjung Malaysia telah berjaya dikurangkan daripada kira-kira 49 peratus pada tahun 1970 kepada kira-kira 18 peratus pada tahun 1984. Dalam tempoh yang sama, jumlah isi rumah miskin juga telah berkurang daripada 791,800 kepada kira-kira 483,300. Kemiskinan di kedua-dua kawasan bandar dan luar bandar serta di Sabah dan Sarawak juga telah mencatatkan arah aliran yang berkurangan. Pendapatan purata bagi kumpulan 40 peratus terendah juga telah meningkat daripada \$121 sebulan pada tahun 1976 kepada \$348 sebulan pada tahun 1984.

Dari segi penyusunan semula masyarakat, purata pendapatan bagi semua rakyat Malaysia didapati telah meningkat dari \$264 sebulan pada tahun 1970 kepada \$1,095 sebulan pada tahun 1984. Pendapatan purata kaum Bumiputera pada tahun 1970 merupakan 65 peratus daripada pendapatan purata

negara tetapi telah meningkat kepada 78 peratus pada tahun 1984. Pemilikan saham oleh kaum Bumiputera dalam sektor koperat telah meningkat daripada hanya kira-kira 2 peratus di awal pelaksanaan DEB kepada kira-kira 18 peratus pada tahun 1985 sementara pemilikan oleh rakyat Malaysia yang lain juga meningkat daripada 34 peratus kepada kira-kira 57 peratus. Bahagian gunatenaga Bumiputera dalam bidang pekerjaan iktisad dan teknikal yang berpendapatan tinggi telah bertambah daripada 5 peratus sahaja pada tahun 1970 kepada kira-kira 22 peratus pada tahun 1985. Kaum Bumiputera khususnya telah mendapat berbagai faedah dan bantuan Kerajaan untuk meningkatkan keusahawanan dan penyertaan mereka dalam bidang perdagangan dan perindustrian.

Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, sejak tahun 1985 negara telah mengalami kesan-kesan kemelesetan ekonomi dunia dan ini telah menjejaskan beberapa pencapaian matlamat DEB. Oleh yang demikian, matlamat pembasmian kemiskinan pada kadar 17 peratus pada tahun 1990 dan pemilikan kaum Bumiputera sekurang-kurangnya 30 peratus dalam sektor koperat mungkin tidak dapat dicapai sepenuhnya. Dalam konteks ini, Kerajaan berpendapat usaha-usaha bertujuan untuk mengatasi masalah ketidakseimbangan di kalangan kaum di negara ini sangat perlu diteruskan.

- (b) Berkenaan dengan masalah-masalah yang terdapat dalam birokrasi yang ditimbulkan oleh

Yang Berhormat, saya pasti bahawa Yang Berhormat sendiri sedia maklum iaitu Kerajaan memanglah memberi keutamaan untuk meningkatkan prestasi jentera Kerajaan bagi menentukan bahawa pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru serta penyediaan perkhidmatan-perkhidmatan tertentu adalah dijalankan dengan licin dan berkesan.

Langkah-langkah dan penyediaan perkhidmatan-perkhidmatan tertentu telah dan sedang diambil bagi mengurangkan "redtape" di dalam perkhidmatan awam terutama sekali bagi agensi-agensi yang terlibat secara langsung dalam pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru. Antaranya ialah:

- (i) mengemaskan sistem dan prosedur kerja dengan membawa pembaharuan-pembaharuan dari segi fahaman kepada cara-cara menjalankan tugas dan tanggungjawab serta peraturan-peraturan dan prosedur-prosedur yang berkaitan dengannya;
- (ii) mengurangkan lapisan peringkat rujukan dalam proses membuat keputusan; dan
- (iii) meningkatkan kualiti dan kewibawaan kepimpinan di dalam perkhidmatan awam bagi membolehkan pegawai-pegawai kanan di semua peringkat mengawasi dan membimbing pegawai-pegawai dan staf masing-masing supaya mutu kerja mereka dapat dipertingkatkan.

Kerajaan juga telah mengambil tindakan bagi mengurangkan keanggotaan dalam perkhidmatan awam bagi tujuan mengurangkan beban perbelanjaan yang ditanggungnya. Usaha ini adalah dijalankan dalam konteks peningkatan produktiviti supaya mengurangkan keanggotaan tidak akan menjejaskan kualiti perkhidmatan yang diberi. Agensi-agensi pusat akan mengkaji semula prinsip-prinsip perjawatan yang sedia ada serta aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan untuk membantu agensi-agensi ini berfungsi dengan struktur organisasi yang lebih kemas dan responsif.

Di peringkat pentadbiran daerah, tindakan telah diambil oleh Kerajaan bagi meningkatkan keupayaan jentera pentadbiran bagi membolehkan pentadbiran daerah menjalankan tugas dan peranannya dalam bidang pembangunan setempat. Buku Merah II telah diperkenalkan bagi tujuan membantu Pejabat Daerah mengumpul maklumat-maklumat bagi merancang projek-projek pembangunan setempat untuk menyelesaikan masalah kemiskinan.

Bagi menentukan bahawa perubahan-perubahan kepada sistem kerja adalah dilaksanakan serta berterusan dan pegawai-pegawai serta staf agensi Kerajaan berusaha meningkatkan mutu perkhidmatan maka langkah-langkah telah juga diambil bagi menanam sikap yang positif terhadap kerja serta menerapkan nilai-nilai murni untuk meningkatkan etika kerja. Usaha-usaha ke arah

mengubah sikap dan nilai-nilai murni di kalangan pegawai-pegawai Kerajaan akan mengambil masa untuk menentukan kesannya. Walaupun begitu berasaskan kepada perubahan-perubahan yang berlaku, khususnya di peringkat perkhidmatan kaunter, Kerajaan adalah berpuashati iaitu perkhidmatan awam masa kini telah mencapai satu kemajuan yang boleh dibanggakan.

*(Soalan No. 20. Sila lihat jawapan No. 11)*

#### **HISTERIA BAGI PELAJAR-PELAJAR SEKOLAH**

**21. Tuan Hashim bin Safin** minta Menteri Kesihatan menyatakan bagaimana cara mengatasi masalah histeria di kalangan pelajar-pelajar sekolah. Apakah penyelarasan dengan pihak-pihak sekolah dibuat di dalam kes histeria dan sejauh manakah peranan bomoh berkesan untuk mengatasi masalah histeri ini. Adakah Kementerian Kesihatan kurang kepakaran untuk mententeramkan pelajar-pelajar yang terlibat.

**Dato' K. Pathmanaban:** Histeria adalah satu kumpulan penyakit jiwa. Mereka yang menjadi histerikal selalunya tidak menerima sebagai kenyataan yang benar apa-apa yang dihadapi oleh dirinya dan ini menjadikan satu konflik pada dirinya.

Langkah-langkah yang boleh diambil untuk mengatasi masalah-masalah histeria di kalangan pelajar adalah seperti berikut:

- (a) Memberi ceramah, taklimat atau bimbingan mengenai cara untuk mengatasi sesuatu

masalah, tekanan perasaan, kemarahan atau kebosanan, serta lain-lain bantuan berkaitan perlu diberikan kepada penuntut-penuntut sekolah.

- (b) Menggalakkan mereka meluahkan perasaan, apa-apa masalah atau kesulitan kepada orang-orang yang dipercayai serta mendapatkan bimbingan nasihat daripada pegawai-pegawai yang dipertanggungjawabkan.
- (c) Menentukan bahawa mereka mengambil bahagian dalam aktiviti rekreasi untuk menghilangkan rasa bosan mereka atau mengisi masa lapang mereka.

Mengenai penyelarasan di antara sekolah dengan hospital, ini memang diamalkan. Mereka yang diserang oleh histeria adalah diberi rawatan yang diperlukan. Mereka juga diberi nasihat perubatan setelah mereka sembuh dari serangan ini. Pihak hospital juga ada memberi nasihat kepada pihak berkuasa sekolah mengenai cara-cara mengatasi dan mengelakkan kejadian histeria di sekolah.

Berkenaan dengan bomoh, sungguhpun mereka mungkin ada peranannya sendiri, tetapi sejauh manakah peranan mereka efektif belum dapat dipastikan.

Kementerian Kesihatan mempunyai pakar-pakar dan pegawai-pegawai perubatan berkaitan yang cukup yang boleh membantu dalam perkara ini.

#### KLINIK KESIHATAN LUAR BANDAR DI SABAH

22. **Datuk Kadoh Agundong** minta Menteri Kesihatan menyatakan berapakah peruntukan setiap tahun bagi tujuan menaikkan taraf perkhidmatan klinik-klinik kesihatan luar bandar di Sabah. Untuk

makluman Menteri, beberapa buah klinik kesihatan luar bandar di kawasan saya khasnya dan Sabah amnya memerlukan pembaikan dan peningkatan perkhidmatan termasuk penambahan kakitangan.

**Dato' K. Pathmanaban:** Peruntukan pembangunan Kementerian Kesihatan dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima bagi Negeri Sabah adalah sebanyak \$49,530,000 dan dari jumlah itu sebanyak \$29,193,000 diperuntukkan untuk Rancangan Kesihatan Luar Bandar. Tujuan rancangan tersebut adalah untuk menaikkan taraf perkhidmatan kesihatan di kawasan-kawasan luar bandar. Peruntukan tahunan yang berkenaan adalah seperti berikut:

<i>Tahun</i>	<i>Peruntukan</i>
1986 ..	\$1,585,000
1987 ..	\$4,806,000
1988 ..	\$8,693,000
1989 ..	\$9,702,000
1990 ..	\$4,407,000
	<hr/>
	\$29,193,000
	<hr/>

#### PENDATANG HARAM— KEMASUKAN

23. **Tuan Peter Paul Dason** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau sedar akan akibat buruk yang timbul akibat dari bilangan yang ramai pendatang-pendatang haram di negara ini yang mana telah merompak peluang-peluang pekerjaan warganegara Malaysia dan jika ya, apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementeriannya bagi membendung masalah ini dan bilangan majikan-majikan kepada pendatang haram yang telah dihadapkan ke Mahkamah sejak 1-1-1985 sehingga 30-9-1987 kerana menggajikan pendatang-pendatang haram dengan memberi angka-angka bagi Semenanjung Malaysia dan Malaysia Timur masing-masing.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Kementerian Dalam Negeri sentiasa memandang berat dan mengambil tindakan tegas terhadap kemasukan pendatang-pendatang haram kerana ini tanpa mengira apakah tujuan mereka datang ke negeri ini. Justeru itu, Kementerian Dalam Negeri sedang dan akan terus bertindak untuk mengesan, menangkap, mendakwa dan mengusir mereka. Selain daripada itu, Kementerian juga telah mengetatkan kawalan dan rondaan di kawasan perairan dan sempadan daratan Malaysia.

Selain daripada tindakan yang diambil ke atas pendatang-pendatang haram, Kementerian Dalam Negeri juga mengambil tindakan-tindakan undang-undang ke atas orang-orang tempatan, seperti majikan yang didapati bersubahat dengan pendatang-pendatang haram itu. Dari tempoh antara 1-1-1985 hingga 30-9-1987, seramai 632 orang majikan di Semenanjung Malaysia dan 24 orang di Sabah dan Sarawak telah dihadapkan ke mahkamah kerana menyimpan atau dengan izin "habouring" pendatang-pendatang haram.

*(Soalan No. 24. Sila lihat jawapan No. 1).*

## RUKUNEGARA

**25. Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad** minta Perdana Menteri menyatakan sejauh manakah bersungguh-sungguhnya Kerajaan hendak mencontohi Indonesia memaktubkan Rukunegara (Pancasila) sebagai ideologi negara yang wajib dipatuhi oleh semua pihak. Kalau benar, apakah yang mendorong Kerajaan berbuat demikian. Kalau tidak, atas pengaruh kuasa apakah Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang ke Jakarta baru-baru ini mengeluarkan kenyataan kepada

"Antara" yang beliau sedang mengkaji pelaksanaan Pancasila; sejauh mana Rukunegara tidak bersalahan dengan akidah Islamiah.

**Raja Ariffin bin Raja Sulaiman:** Saya rasa soalan ini dibuat atas dasar "dengar atas dengar" sahaja. Soalan tentang Kerajaan Malaysia mencontohi Indonesia memaktubkan Rukunegara (Pancasila) tidak berbangkit. Apatah lagi bila dikatakan kita bersungguh-sungguh hingga ke peringkat mewajibkannya.

Baru-baru ini saya telah membuat lawatan ke Indonesia untuk melihat dan mengkaji usaha-usaha yang dibuat oleh Negara itu bagi mengujudkan perpaduan di kalangan rakyat seramai 170 juta yang diam di atas 13,000 pulau. Saya merasakan ada sesuatu yang boleh kita pelajari dari cara-cara yang dibuat oleh Negara itu. Saya termaklum bahawa kedudukan dan suasana di Malaysia berbeza daripada Indonesia. Oleh itu walaupun cara-cara ini digunakan di Negara kita ianya akan disesuaikan dengan keadaan di sini.

Rukunegara digubal selepas peristiwa 13 Mei 1969. Tujuannya ialah sebagai garis panduan untuk penghayatan rakyat bagi menjaga dan memupuk perpaduan demi kebajikan kita bersama.

Untuk makluman Yang Berhormat dari kawasan Pengkalan Chepa prinsip-prinsip yang terkandung dalam rukunegara ialah:

1. Kepercayaan kepada Tuhan.
2. Kesetiaan kepada Raja dan Negara.
3. Keluhuran Perlembagaan.
4. Kedaulatan Undang-undang.
5. Kesopanan dan Kesusilaan.

Saya percaya saudara Yang Berhormat yang bertanya amat arif dalam bidang ini dan tahu bahawa prinsip-prinsip di atas tidak bercanggah dengan akidah Islam.

## TUNTUTAN FILIPINA ATAS SABAH

**26. Tuan Gooi Hock Seng** minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada Kerajaan telah menerima cadangan baru-baru ini dari Kerajaan Filipina bahawa mereka akan melepaskan tuntutan mereka ke atas Negeri Sabah kecuali jika Kerajaan Malaysia bersetuju kepada usahasama kawalan laut di antara Sabah dan Filipina Selatan.

**27. Datuk Bernard Giluk Dompok** minta Menteri Luar Negeri menyatakan pendirian Malaysia terhadap laporan kononnya pihak Filipina sedia menarik balik tuntutannya terhadap Sabah sekiranya perjanjian mengenai rondaan bersama di perairan yang menjadi sempadan kedua buah negara boleh dimeteri.

**Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Dengan izin Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjawab soalan ini serentak dengan soalan No. 27 yang serupa yang akan dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datuk Bernard Giluk Dompok hari ini.

Malaysia mengalu-alukan hasrat Filipina untuk menggugurkan tuntutannya ke atas Sabah. Pentadbiran Aquino nyata bersikap positif untuk mencari penyelesaian yang muktamad mengenai isu ini. Malaysia akan menyambut baik sebarang cadangan bentuk kerjasama dua hala Malaysia/Filipina setelah Filipina menggugurkan tuntutannya ke atas Sabah.

*(Soalan No. 28. Sila lihat jawapan No. 1).*

*(Soalan No. 29. Sila lihat jawapan No. 1).*

## KURSUS PILIHAN DI UNIVERSITI MALAYA

**30. Tuan Lim Kit Siang** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau berjanji untuk menyelesaikan isu

kursus pilihan Universiti Malaya berhubung dengan bahasa penghantaran dalam mesyuarat Jemaah Menteri yang diadakan pada 15hb Julai lalu dan jika ia, mengapakah beliau membenarkan tiga bulan lalu tanpa mengambil tindakan untuk membetulkan keadaan.

**Dr Leo Michael Toyad:** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan ini bagi pihak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kursus pilihan Universiti Malaya adalah urusan akademik universiti berkenaan. Oleh itu Kementerian Pendidikan telah menyerahkan perkara tersebut untuk pihak universiti menimbangkan keputusan yang dibuat oleh Senat Universiti itu.

Sementara itu, dalam mesyuarat pada 15 Julai, 1987, Jemaah Menteri telah menetapkan bahawa perkara ini akan dibincangkan kemudian di satu masa yang sesuai.

## BIL AIR—PEMBAYARAN

**31. Tuan Nasruddin bin Alang Saidin** minta Menteri Kerjaraya menyatakan sama ada beliau sedar bahawa pembacaan meter air yang dilakukan dua bulan sekali adalah menambah beban kepada rakyat terutama di luar bandar, oleh itu adakah cadangan supaya bayaran meter air ini dijalankan tiap-tiap bulan.

**Menteri Kerjaraya (Dato' S. Samy Vellu):** Saya difahamkan di kebanyakan negeri bacaan meter air dibuat dua bulan sekali, kecuali Negeri-negeri Melaka, Terengganu, Pahang, Sarawak dan setengah daerah di Kelantan, meter air dibaca tiap-tiap bulan. Di Sabah pula, meter air dibaca tiga bulan sekali.

Ahli Yang Berhormat menyatakan bahawa pembayaran bil air dua bulan sekali membebaskan rakyat terutama penduduk luar bandar. Saya tidak nampak beban atau kesusahan yang didapati oleh rakyat dalam masalah ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bayaran bil air adalah lebih kurang sama sahaja jika bil dibuat sebulan sekali atau dua bulan sekali. Malah jika sekiranya dibaca sebulan sekali para pengguna terpaksa membayar bil tiap-tiap bulan dan ini akan menambah kos perjalanan mereka untuk membuat pembayaran, terutama di kawasan luar bandar yang jauh dari Pusat Pembayaran.

Saya juga telah difahamkan bahawa kekerapan membaca meter sebulan sekali akan melibatkan pertambahan kakitangan dan peralatan. Dalam keadaan ekonomi yang ada sekarang, pertambahan kakitangan dan peralatan itu akan melibatkan juga perbelanjaan berlebihan oleh pihak berkuasa air negeri masing-masing.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, saya telah difahamkan pihak berkuasa air Negeri Pulau Pinang mulai awal tahun ini telah mengurangkan kekerapan membaca meter daripada satu bulan kepada dua bulan sekali. Dengan penukaran tersebut pihak berkuasa Air Pulau Pinang dijangka dapat menjimatkan lebihkurang \$300,000 setahun. Satu kajian untuk mengesan tindakbalas orang ramai terhadap perubahan tersebut di Pulau Pinang menunjukkan sebilangan besar (iaitu 75%) pengguna-pengguna bersetuju menerima bil air dua bulan sekali.

#### PERUMAHAN KAKITANGAN KERAJAAN

32. **Datuk Kadoh Agundong** minta Menteri Kesihatan menyatakan adakah Kementerian beliau bercadang

menambah bilangan "quarters" (tempat tinggal) bagi kakitangan Kementeriannya lebih-lebih lagi bagi mereka yang berkhidmat di pendalaman dan di kawasan-kawasan luar bandar khususnya di Sabah. Untuk makluman Menteri, kadar sewa rumah di Sabah amat tinggi jika dibandingkan di Semenanjung Malaysia.

**Dato' K. Pathmanaban:** Kementerian Kesihatan sentiasa memberi perhatian kepada keperluan perumahan kakitangan-kakitangannya, terutama sekali yang sedang memberi perkhidmatan di kawasan-kawasan pendalaman. Bagi Negeri Sabah, Kementerian Kesihatan akan membina beberapa kuarters tambahan bagi kakitangan-kakitangan kesihatan di daerah-daerah Papar, Tuaran, Ranau, Beluran, Lahad Datu, Semporna, Keningau, Tambunan, Tenom dan Beaufort dalam jangkamasa Rancangan Malaysia Ke Lima.

#### KURSUS PILIHAN DI UNIVERSITI MALAYA

33. **Dr Eng Seng Chai** minta Perdana Menteri menyatakan sudahkah belum satu keputusan dibuatnya atas isu kursus-kursus pilihan di Universiti Malaya sebagaimana yang dikatakan oleh Menteri Kerjaraya dan Ketua MIC akan dibuat oleh Perdana Menteri sendiri. Adakah Perdana Menteri bercadang menasihati orang akademik menjauhkan diri daripada keputusan-keputusan yang akan menjejaskan keharmonian dan perpaduan perkauman dan keagamaan.

**Dr Leo Michael Toyad:** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan ini bagi pihak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kursus pilihan Universiti Malaya adalah urusan akademik universiti berkenaan. Oleh itu Kementerian Pendidikan telah menyerahkan perkara tersebut untuk pihak universiti menimbangkan keputusan yang dibuat oleh Senat Universiti itu.

Sementara itu, dalam mesyuaratnya pada 15 Julai, 1987, Jemaah Menteri telah menetapkan bahawa perkara ini akan dibincangkan kemudian di satu masa yang sesuai.

#### PERANAN EKSEKUTIF, KEHAKIMAN DAN PERUNDANGAN

**34. Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah** minta Perdana Menteri menyatakan adakah benar bahawa akhir-akhir ini terdapat peranan eksekutif, judicial dan legislative telah terkeluar daripada batasan yang ditetapkan di antara Perlembagaan Persekutuan dengan satu pihak cuba hendak mencampuri urusan pihak yang satu lagi, jika benar, apakah tindakan yang telah, sedang dan akan diambil untuk membendung supaya masing-masing badan yang tersebut itu dapat menjalankan tugas mereka mengikut apa yang dijelaskan di dalam Perlembagaan Persekutuan agar tugas mereka tidak terkeluar daripada batasan.

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:** Keadaannya tidaklah seburuk yang disangka oleh Ahli Yang Berhormat itu. Kerajaan tidak fikir ada mana-mana dari pihak eksekutif, kehakiman atau perundangan yang dengan sengajanya, dan sebagai satu badan, cuba hendak campur tangan dalam urusan pihak lain. Kerajaan percaya masing-masing badan menyedari akan peranan mereka dan akan betapa

perlunya demi kepentingan rakyat dan negara menjaga supaya pembahagian peranan di antara mereka tidak dicabuli. Apa yang terdapat baru-baru ini hanyalah tanda-tanda bahawa kadangkala mungkin batasan peranan itu telah terkeliru atau dilupakan dalam keadaan-keadaan tertentu. Kerajaan akan sentiasa memerhatikan perkembangan dalam perkara ini sekiranya ada perkembangan yang meyakinkan bahawa imbalan di antara badan-badan itu terancam sehingga akan mengambil langkah yang sebaik-baiknya mengikut undang-undang untuk memulihkan keadaan.

#### HOSPITAL DAERAH SIPITANG

**35. Datuk Kadoh Agundong** minta Menteri Kesihatan menyatakan adakah Kementerian beliau mempunyai rancangan untuk membina sebuah hospital di Daerah Sipitang, Sabah, memandangkan pertambahan penduduk di daerah tersebut yang secara langsung memerlukan perkhidmatan perubatan. Jika ada, bilakah projek tersebut dapat dimulakan dan dijangka siap.

**Dato' K. Pathmanaban:** Kementerian Kesihatan pada asalnya bercadang untuk membina Hospital Daerah Sipitang dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima (RML). Oleh kerana perolehan Peruntukan Pembangunan RML yang terhad pelaksanaan projek tersebut terpaksa ditunda. Walau bagaimanapun satu projek Pusat Kesihatan Fasa I akan mula dibina pada awal tahun 1988.

Permohonan peruntukan bagi hospital Sipitang akan dibuat semasa penyediaan Rancangan Malaysia Ke Enam kelak.

**USUL MENANGGUHKAN  
MESYUARAT DI BAWAH  
PERATURAN  
MESYUARAT 18:  
KENAIKAN PANGKAT  
GURU-GURU BESAR  
DAN PENOLONG-PENOLONG  
KANAN DI SEKOLAH-  
SEKOLAH RENDAH CINA**

3.37 ptg.

**Tuan Lim Kit Siang (Tanjong):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun di bawah Peraturan 18 untuk minta izin dengan usul tersebut yang berbunyi:

Bahawa Dewan ini menurut Peraturan Mesyuarat 18(1) mengizinkan Yang Berhormat Ketua Pembangkang untuk menangguhkan Majlis Mesyuarat ini untuk membincang satu perkara tertentu kepentingan orang ramai yang berkehendak disegerakan iaitu kenaikan pangkat guru-guru yang tidak berpendidikan Cina sebagai guru-guru besar dan penolong-penolong kanan yang dihantar ke lebih 50 buah sekolah-sekolah rendah Cina di seluruh negara dan perkara ini adalah satu perkara tertentu kepentingan orang ramai yang perlu disegerakan kerana sebab-sebab yang berikut:

- (1) Kenaikan pangkat guru-guru yang tidak berpendidikan Cina untuk menjadi penolong guru-guru besar dan penolong-penolong kanan di sekolah-sekolah rendah Cina menyinggung kesensitivitan dan hak kaum Cina berkait dengan pengwujudan sekolah-sekolah rendah Cina serta juga melanggar manifesto pilihanraya umum tahun 1986 Kerajaan Barisan Nasional bahawa ciri dan identiti sekolah-sekolah rendah Cina akan dipelihara;
- (2) Kegagalan Menteri Pendidikan dan Timbalan Menteri

Pendidikan, Yang Berhormat dari Senai untuk menyelesaikan masalah kenaikan pangkat ini dengan memastikan bahawa hanya guru-guru yang berpendidikan Cina sahaja akan dinaikkan ke pangkat-pangkat kanan di sekolah-sekolah rendah Cina selepas enam minggu menunjukkan bahawa Kerajaan tidak serius atau ikhlas untuk menyelesaikan isu ini;

- (3) Ibubapa-ibubapa dan Lembaga-lembaga Pengurus sekolah-sekolah rendah Cina yang terlibat itu telah menyatakan dengan terus-terang keengganan mereka untuk menerima penukaran dan kenaikan pangkat seumpama itu dan akibat ini guru-guru yang tidak berpendidikan Cina tersepit antara arahan Kementerian Pendidikan dan penolakan ibubapa-ibubapa dan Lembaga-lembaga Pengurus yang menyebabkan mereka tidak mempunyai apa-apa tugas atau tanggungjawab persekolahan sehingga penyelesaian isu tersebut;
- (4) Satu Kontroversi Kebangsaan yang serius akan meletus sekiranya isu ini tidak diselesaikan dengan serta-merta yang akan memburukkan lagi keadaan krisis keyakinan yang telah melanda negara ini selama empat tahun ini kerana dalam satu mesyuarat yang diadakan antara pertubuhan-pertubuhan Cina dan tiga parti-parti politik iaitu MCA, Gerakan dan DAP di tokong Tien Hou di Kuala Lumpur semalam, satu keputusan telah dibuat bahawa ibubapa-ibubapa di sekolah-sekolah rendah Cina yang terlibat itu tidak akan menghantar anak-anak mereka ke sekolah-sekolah berkenaan untuk selama tiga hari iaitu dari

15-17 Oktober sekiranya satu penyelesaian tidak dibuat menjelang hari Rabu bersamaan 14hb Oktober;

- (5) Juga terdapat kemungkinan besar bahawa pemuluan kelas-kelas di sekolah-sekolah rendah Cina yang terlibat itu untuk selama tiga hari minggu ini akan diikuti dan diperluaskan sehingga murid-murid di lebih 1,000 buah sekolah-sekolah rendah Cina memulaukan kelas-kelas di seluruh negara sekiranya Kerajaan tidak mahu menyelesaikan isu ini;
- (6) Betapa seriusnya masalah ini dapat diperlihatkan oleh hakikat bahawa dalam mesyuarat bantahan secara besar-besaran yang diadakan semalam oleh pertubuhan-pertubuhan Cina dan parti-parti politik, pihak MCA telah berjanji bahawa sekiranya isu ini tidak diselesaikan sebelum 14hb Oktober, Timbalan Menteri Pendidikan, Ahli dari Senai akan meletakkan jawatannya (*Tepuk*); dan
- (7) Betapa pentingnya perkara ini harus dibahas dalam Parlimen bukan sahaja untuk mengelak daripada berlakunya pemuluan kelas di semua lebih 1,000 buah sekolah-sekolah rendah Cina di seluruh negara sehingga satu penyelesaian yang boleh diterima dicapai untuk mengatasi kontroversi ini, tetapi juga untuk membolehkan seluruh negara dan dunia mengetahui bahawa perkara ini adalah satu perkara kebangsaan dan bukan satu perkara perkauman di mana satu kaum menggugat hak dan sensitiviti kaum-kaum lain, tetapi juga merupakan satu tindakan "mempertahankan diri" (act of

"self defence") untuk memelihara ciri sekolah-sekolah rendah Cina seperti dijanji dalam manifesto pilihanraya umum tahun 1986 Barisan Nasional dan juga dijamin oleh Perkara 152 Perlembagaan Malaysia.

Sekian, terima kasih. (*Tepuk*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, pagi ini saya telah menerima satu usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18 (2) daripada Yang Berhormat bagi kawasan Tanjong berkenaan dengan kenaikan pangkat guru-guru yang tidak berpendidikan bahasa Cina sebagai Guru-guru Besar dan Penolong-penolong Kanan yang dihantar ke lebih 50 buah sekolah-sekolah rendah Cina di seluruh negara. Teks usul yang berkenaan ialah seperti yang telah dibacakan oleh Yang Berhormat tadi dan mengikut Peraturan Mesyuarat 18 (2), Tuan Yang di-Pertua hendaklah menolak permintaan untuk menangguhkan mesyuarat kecuali jika ia puas hati, iaitu perkara itu menepati 3 syarat, iaitu;

- (i) perkara itu perkara tertentu;
- (ii) perkara itu bagi kepentingan orang ramai; dan
- (iii) perkara itu berkehendakkan disegerakan.

Dalam masalah ini, saya berpendapat bahawa ketiga-tiga syarat yang disebutkan itu telah dipenuhi (*Tepuk*). Oleh itu, mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 18 (3) perbincangan mengenai perkara tersebut akan dtempohkan sehingga pukul 5.30 petang hari ini (*Tepuk*). Oleh sebab tidak ada bantangan dari Dewan, keputusan ini adalah begitu. Saya akan membenarkan pihak pencadang 30 minit dan pihak Kerajaan 30 minit di dalam masa satu jam yang diuntukkan dalam Peraturan Mesyuarat.

## RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

### RANG UNDANG-UNDANG KUMPULAN WANG AMANAH NEGARA

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi menubuhkan Kumpulan Wang Amanah Negara dan bagi membuat peruntukan mengenai pengurusan Kumpulan Wang itu dan perkara-perkara lain yang bersampingan dengannya; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

### RANG UNDANG-UNDANG BIL PERBENDAHARAAN (TEMPA- TAN) (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Bil Perbendaharaan (Tempatan) 1964; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

### RANG UNDANG-UNDANG PERINDUSTRIAN NANAS (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Ordinan Perindustrian Nanas 1957; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Perusahaan Utama; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

### RANG UNDANG-UNDANG PENYIARAN

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi mengadakan peruntukan mengenai kawalan perkhidmatan penyiaran dan bagi

perkara-perkara yang berkaitan dengannya; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Penerangan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

### RANG UNDANG-UNDANG PERLINDUNGAN HIDUPAN LIAR (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Perlindungan Hidupan Liar 1972; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG RACUN (PINDAAN)

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

*3.48 ptg.*

**Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk membentangkan satu Rang Undang-undang bertajuk suatu Akta untuk meminda Ordinan Racun, 1952 untuk dibacakan kali yang kedua sekarang.

Ordinan Racun adalah satu Ordinan yang bertujuan untuk mengawal pengimportan, pemilikan, pengilangan, pembancuhan, penyimpanan, pengangkutan, penjualan dan penggunaan ubat-ubat yang mengandungi racun.

Tujuan Rang Undang-undang ini ialah untuk membuat pindaan bagi membolehkan kawalan yang lebih ketat dan berkesan terhadap bahan-bahan psikotropik. Pindaan ini akan membolehkan Menteri Kesihatan

membuat peraturan-peraturan di bawah Ordinan tersebut, bagi mengawal bahan-bahan psikotropik, iaitu selaras dengan kehendak dan prinsip Konvensyen Antarabangsa Mengenai Bahan-bahan Psikotropik, 1971 yang bertujuan membanteras penyalahgunaan bahan-bahan psikotropik.

Pada masa sekarang adalah didapati bahawa pil-pil psikotropik telah disalahgunakan secara berleluasa oleh penagih-penagih dadah sebagai pengganti dadah di negara kita dan di negara-negara lain juga. Masalah ini adalah berhubungkait dengan masalah dadah, dan telah meningkat berkali-kali ganda di dalam beberapa tahun yang lepas. Satu indikator kepada peningkatan masalah ini ialah rampasan pil-pil psikotropik oleh pihak penguatkuasa di Kementerian Kesihatan. Daripada tahun 1980 hingga tahun 1984, rampasan berjumlah lebih kurang 34,500 pil, manakala pada tahun 1985 sahaja lebih daripada 59,000 pil telah dirampas dan 347,000 pil dalam tahun 1986 dan 66,000 pil sehingga bulan April tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita telah mengisytiharkan dadah sebagai musuh negara. Bersama-sama ini, negara kita juga telah memainkan peranan yang aktif di peringkat antarabangsa dalam usaha memerangi masalah dadah. Memandangkan sebab-sebab ini dan peningkatan masalah penyalahgunaan bahan-bahan psikotropik, negara kita telah menjadi ahli kepada "Konvensyen Mengenai Bahan-bahan Psikotropik, 1971" pada 20hb Oktober, 1986.

Ekoran daripada ini, Kementerian Kesihatan telah mengenalpasti beberapa peruntukan dalam Ordinan Racun, 1952 yang harus dipinda atau diperkuatkan untuk memenuhi kehendak-kehendak Konvensyen itu dan perkembangan dalam kegunaan ubat-ubat psikotropik.

Rang Undang-undang yang dibentangkan ini adalah berkaitan dengan pindaan-pindaan ini seperti berikut:

(1) Konvensyen Psikotropik memerlukan pemeriksaan dijalankan ke atas kenderaan-kenderaan pengangkutan antarabangsa yang membawa bahan-bahan psikotropik. Mengikut peruntukan-peruntukan yang sedia ada di bawah Ordinan Racun, kehendak ini tidak boleh dipenuhi. Ini adalah kerana Ordinan Racun walaupun memberi kuasa untuk memasuki, memeriksa dan menyalasat mana-mana premis, tetapi tafsiran istilah "premis" tidak meliputi kenderaan pengangkutan. Justeru itu, Kementerian Kesihatan mencadangkan satu pindaan supaya istilah "premis" ditafsirkan sebagai merangkumi istilah "conveyance" yang meliputi semua jenis kenderaan pengangkutan.

(2) Buat masa ini, bahan-bahan psikotropik adalah dikawal sebagai "racun" di bawah Ordinan Racun. Supaya bahan-bahan ini dapat dikawal dengan lebih ketat daripada lain-lain racun, bahan-bahan psikotropik perlu dibezakan daripada lain-lain bahan racun. Oleh yang demikian, adalah dicadangkan agar istilah "bahan-bahan psikotropik" ditafsirkan secara berasingan di bawah pindaan ini, di mana sesuatu bahan yang termasuk dalam senarai bahan-bahan psikotropik adalah dianggap sebagai bahan psikotropik. Sehubungan dengan ini, Kementerian Kesihatan juga mencadangkan supaya Menteri Kesihatan diberi

kuasa untuk menambahkan, membatalkan atau meminda sebarang bahan-bahan di dalam senarai ini, sebagaimana yang difikirkan perlu dari masa ke semasa.

- (3) Mengikut tahap kawalan dan prinsip yang terdapat di dalam Konvensyen Psikotropik, Kementerian merasa bahawa Ordinan Racun harus memperuntukkan kawalan yang berasingan terhadap hal-hal mengenai bahan psikotropik. Oleh yang demikian, Kementerian Kesihatan mencadangkan suatu pindaan bahawa walau apa pun peruntukan di bawah Ordinan Racun, seseorang tidak boleh mengilang, menyebati, mencampur, mendispensa, mengimport, mengeksport, memiliki atau mengguna bahan-bahan psikotropik, kecuali menurut peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Ordinan Racun yang berkaitan dengan bahan-bahan psikotropik.
- (4) Seperti mana yang saya telah sebutkan tadi, masalah penyalahgunaan bahan-bahan psikotropik telah meningkat berkali-kali ganda di dalam beberapa tahun yang lepas. Oleh sebab itu, Ordinan Racun haruslah mempunyai peruntukan yang lebih berkesan untuk mencegah meningkatnya masalah ini dan menyedari hakikat tentang bahayanya penyalahgunaan bahan tersebut. Bagi tujuan ini, adalah dicadangkan supaya Ordinan Racun memperuntukkan penalti yang memberi kesan atau deterrent, dengan izin, untuk kesalahan-kesalahan mengenai bahan tersebut, dengan menjadikan hukuman maksima dua kali ganda daripada

sekarang iaitu denda \$10,000 ataupun penjara tidak lebih daripada 4 tahun. Tambahan kepada ini, Kementerian juga mencadangkan satu anggapan atau "presumption" dengan izin, untuk kesalahan-kesalahan ini yang berkaitan dengan pemilikan bahan-bahan psikotropik.

- (5) Adalah jelas bahawa bahan-bahan psikotropik perlu dikawal dengan lebih ketat, berkesan dan lebih lanjut memandangkan bahawa masalah penyalahgunaan bahan-bahan ini telah menjadi berleleusa. Dengan demikian, Kementerian mencadangkan satu pindaan yang memberi kuasa kepada Menteri Kesihatan untuk membuat peraturan-peraturan baru yang meliputi skop kawalan yang lebih komprehensif terhadap bahan-bahan psikotropik.

Tuan Yang di-Pertua, kesemua cadangan pindaan-pindaan yang terdapat dalam Rang Undang-undang ini adalah amat penting bukan sahaja dalam usaha negara kita membanteras masalah penyalahgunaan bahan-bahan psikotropik, tetapi juga untuk memenuhi kewajipan-kewajipan negara kita sebagai ahli kepada Konvensyen Psikotropik. Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Pertahanan (Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah satu Akta untuk meminda Ordinan Racun, 1952, dibacakan kali kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Ahli Yang Berhormat dari Seremban.

3.55 ptg.

**Dr Chen Mah Hin (Seremban):** Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan pelaksanaan suatu Akta yang lebih keras terhadap pengawalan import dan jualan psikotropik misalnya valium, emphetamine dan lain-lain dadah psikotropik. Walaupun ia dilaksanakan agak lewat sedikit, memandangkan penyalahgunaan valium dan emphetamine serta lain-lain tranquilisers telah menjadi satu masalah yang berleluasa di negara kita.

Adalah amat menghairankan memandangkan Malaysia telah menjadi suatu "signatory" dengan izin, dalam Konvensyen Psikotropik Substances, 1971, hanya baru sekarang kita dapat melihat langkah diambil untuk mengawal penjualan serta penggunaan dadah-dadah tersebut, sedangkan di United Kingdom, Parlimen di sana telah meluluskan Akta Kawalan Penyalahgunaan Dadah sejak 1971 untuk menghukum mereka yang menyalahgunakan dadah-dadah psikotropik seperti emphetamine dan lain-lain.

Tuan Yang di-Pertua, penyalahgunaan dadah ada dua erti iaitu penyalahgunaan dadah yang dihadkan macam opium, morphine dan heroin, kedua lain-lain penyalahgunaan dadah atau "abuse" ialah berkenaan psikotropik dan lain-lain ubat misalnya anti-biotic dan lain-lain drug abuse.

Setiap orang tentu sedar tentang kempen anti dadah yang memberi penekanan kepada hukuman mati terhadap mereka yang terlibat dalam pengedaran opium, heroin dan ganja. Penagih dadah akan mengalami bahaya yang agak sama kecuali kematian, agak berpanjangan dan mengalami penderitaan. Di sampingan itu negara kita juga mengalami satu masalah penyalahgunaan dadah yang sama. Beribu-ribu orang memakan valium atau lain-lain tranquilisers

setiap hari untuk meringankan tekanan kehidupannya. Executives yang sibuk dan bercita-cita tinggi memakan pil tersebut untuk menyenangkan diri atau meringankan ketegangan sakit kepalanya.

Pelajar-pelajar juga mengambil pil emphetamine untuk persediaan menghadapi peperiksaan. Pil-pil yang sama juga diambil oleh athlit-athlit yang ingin memecah rekod-rekod sukan atau ingin memenangi pingat.

Kebanyakan kemalangan jalan raya adalah disebabkan oleh keletihan otak dan badan akibat dari tranquilisers atau emphetamine iaitu ubat perangsang otak. Di negara-negara Barat, menghisap ganja atau pot serta menghidu cochane adalah perkara biasa di parti-parti. Undang-undang keras yang dilaksanakan terhadap ganja dan cochane telah menyebabkan pengunjuk-pengunjuk parti mengalih kepada penggunaan dadah psikotropik seperti Rohypnol atau Equanil. Dadah-dadah seperti ini memberikan kepada mereka perasaan euphoria yang menyebabkan mereka melaksanakan perbuatan-perbuatan liar yang boleh membahayakan diri mereka.

Dadah psikotropik pun disalahguna oleh orang yang ada rancangan untuk merogol gadis-gadis. Ini dijelaskan beberapa kali. Dadah psikotropik adalah amat kuat dan kesan-kesan euphoric darinya dikenali sebagai "stand-by drug", dengan izin, kepada penagih-penagih dadah heroin yang disebut tadi oleh Timbalan Menteri Kesihatan. Mereka boleh mendapat bekalan-bekalan mereka dari doktor-doktor yang tidak bertanggungjawab, pharmacists serta penjual ubat dan diimport dari negara jiran Thailand di mana ubat-ubat itu selalu ada dijual dan senang didapati.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan penguatkuasaan Akta Racun (Drug Enforcement), dengan

mengenalkan Akta Racun ini tidak bermakna secara automatik penyalahgunaan dadah dapat dikurangkan atau dihapuskan. Pengalaman yang lepas telah menunjukkan dadah-dadah yang disenaraikan dalam Akta Racun seperti antibiotik dan steroids dapat dibeli dengan mudah dari farmasi, kedai-kedai ubat dan dengan cara di bawah counter. Kebanyakan pembeli-pembeli ubat berasa keliru dengan keperluan arahan atau prescription doctor apabila dia membeli antibiotik dan ubat yang terbaru dengan cara bawah counter tanpa menyedari tentang bahaya self-medication, dengan izin, dan kesan buruk beberapa jenis dadah.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang penting mendidik orang ramai adalah satu keperluan terutama untuk mencegah penyalahgunaan dadah, penggunaan dadah psikotropik, steroids dan antibiotik tanpa nasihat dari doctor. Satu kempen publisiti yang sama seperti Anti Dadah patut dijalankan di radio, TV dan media berita untuk mendidik orang awam bahawa self-medication adalah merbahaya dan harus menekankan bahawa penyalahgunaan dadah tersebut boleh menyebabkan mereka ketagih kepada "hard-drug", dengan izin.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Beberapa bulan yang lalu Kementerian Kesihatan telah melancarkan satu kempen untuk memeriksa segala pembelian, penjualan dan stok dadah di farmasi dan klinik. Ia adalah satu kempen yang baik dan klinik dan farmasi yang ada salah (errant) diberitahu untuk mengemaskinikan rekod-rekod mereka. Ada di antara mereka didapati menjual racun tanpa arahan doktor dan pharmacists. Hanya satu farmasi di

Seremban dikenakan denda. Kedai-kedai ubat juga diawasi dan ada beberapa di antara mereka didapati melanggar Akta Racun, akan tetapi sejak dari itu, 6 bulan dahulu pemeriksaan yang sedemikian tidak lagi dijalankan. Sepatutnya pemeriksaan yang sedemikian harus dijalankan lebih kerap ke atas farmasi, klinik dan kedai-kedai ubat. Sekiranya terdapat kekurangan pegawai-pegawai penguatkuasa, lebih orang yang berkeelayakan patut dipergunakan. Terdapat ramai pharmacists yang menganggur di Malaysia ini dan perkhidmatan mereka patut digunakan. Adalah tidak berguna meluluskan undang-undang dan akta-akta tanpa apa-apa penguatkuasaan yang baik. Saya menyeru Menteri Kesihatan menggaji lebih ramai pharmacists sebagai pegawai-pegawai penguatkuasa dan menolong membebaskan negara ini dari penyalahgunaan dadah.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya satu lagi masalah adalah berkenaan dengan penyalahgunaan dadah dalam sukan. Masalah ini adalah satu masalah sedunia dan kini terdapat kesan-kesan menunjukkan ia muncul di negara ini. Pertama "steroids" yang memberi daya dan tenaga kepada atlit-atlit patut dimasukkan ke dalam senarai racun supaya pelatih-pelatih dan atlit-atlit tidak dapat menagihnya. Kedua, ujian perubatan patut dijalankan lebih kerap terhadap pengambilan "steroids" oleh atlit-atlit untuk memastikan mereka tidak mempunyai faedah yang tidak adil ke atas atlit-atlit yang lain.

Itulah sahaja, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat dari Bukit Bintang.

4.05 ptg.

**Tuan Lee Lam Thye (Bukit Bintang):** Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil bahagian dalam

perbahasan Rang Undang-undang Racun (Pindaan), 1987 dan saya bercadang untuk berucap secara ringkas dan di samping itu ingin menyampaikan sedikit pandangan saya terhadap Rang Undang-undang pindaan ini.

Rang Undang-undang ini bertujuan untuk meminda Ordinan Racun 1952 untuk memberi kawalan yang lebih ketat ke atas racun-racun yang dikelaskan sebagai bahan psikotropik di bawah Konvensyen Bahan-bahan Psikotropik, 1971 di mana negara Malaysia ialah salah satu signatory.

Tuan Yang di-Pertua, bercakap bagi pihak para pengguna Malaysia, saya juga mengalu-alukan Rang Undang-undang ini oleh kerana cadangan pindaan ini memang telah lama dinanti-nantikan. Pindaan ini jelas untuk melindungi kepentingan para pengguna. Di samping saya menyokong Rang Undang-undang ini, saya mendapati bahawa dalam negara kita terdapat sebanyak 30,000 jenis pharmaceutical dan daripada jumlah ini terdapat hampir 7,000 jenis racun. Saya rasa tentulah satu keperluan bagi Kerajaan mengenalpasti, mendaftar dan merekodkannya. Para pengguna Malaysia tidak berupaya memahami mengapa kita mempunyai begitu banyak pharmaceutical dalam negara kita manakala dalam negara maju seperti negara Norway hanya terdapat 1,000 pharmaceutical dan dalam negara yang kurang membangun seperti Bangladesh hanya terdapat satu senarai ubat penting yang mengandungi 250 jenis ubat sebagaimana yang direkomen oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia yang telah dilaksanakan.

Saya difahamkan bahawa terdapat lebih kurang 1,100 jenis ubat dalam senarai ubat Kementerian Kesihatan.

Terdapat juga dalam negara ini lebih kurang 5,000 ubat tradisional dan 8,000 ubat jenis preskripsi. Saya suka bertanya mengapa begitu banyak pharmaceutical dalam negara ini sedangkan 250 jenis ubat sudah mencukupi untuk semua penyakit yang boleh disembuhkan? Oleh kerana Malaysia telah pun mengesahkan Konvensyen Antarabangsa mengenai bahan-bahan Psikotropik yang diadakan pada tahun 1971, patutlah terdapat satu keperluan bagi Pihak Berkuasa Kawalan Ubat kita mendaftar dan merekodkan semua pharmacist dan ubat yang ada dalam negara kami demi kepentingan perlindungan para pengguna.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk meminta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri berkaitan dengan peranan spesifik Pihak Berkuasa Kawalan Ubat dan bilangan racun yang telah didaftar dan direkodkan setakat ini.

Untuk kepentingan para pengguna, saya suka membuat cadangan-cadangan yang berikut:

(1) Semua keluaran pharmaceutical mestilah dilulus dan didaftarkan untuk kegunaan oleh Lembaga Kawalan Ubat sebelum ianya dibenarkan untuk dijual sama ada ia adalah racun, ubat preskripsi atau ubat balas;

(2) Semua keluaran pharmaceuticals yang berdaftar sejajar dengan keperluan kesihatan awam. Lembaga Kawalan Ubat tidak boleh mendaftarkan mana-mana ubat melainkan benar-benar telah terbukti memenuhi kehendak kesihatan atau perubatan yang sebenar iaitu ianya secara therapeutics, berkesan dan selamat digunakan. Maka dalam menunaikan tugas ataupun tanggungjawab tersebut, Lembaga Kawalan Ubat di dalam Kementerian

yang berkenaan hendaklah mengambil kira sepenuhnya faktor-faktor yang berikut:

- (1) faktor mengenai keperluan, penyediaan dan kos ubat dan rawatan gantian bagi keadaan yang serupa;
- (2) keadaan kegunaan biasa;
- (3) bukti nilai therapeutics satu-satu ubat secara praktis dalam semua keadaan di mana ubat ini digunakan;
- (4) faktor tentang keperluan menggalakkan kegunaan ubat secara lebih rasional dan ekonomik dengan menghadkan bilangan dan jenis ubat yang ada yang boleh digunakan secara berkesan;
- (5) keperluan untuk memuaskan kehendak atau keperluan kesihatan awam yang utama.

Itu ialah pandangan yang saya ingin kemukakan dalam perbahasan atas Rang Undang-undang ini, sekian.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat dari Kampar.

4.12 ptg.

**Tuan Ngoi Thiam Woh (Kampar):** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil bahagian dalam perbahasan ini supaya menarik perhatian Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan tentang beberapa perkara.

Pertama, saya mengalu-alukan pihak Kementerian mengadakan Rang Undang-undang ini untuk meningkatkan kekerasan undang-undang untuk mengawal bahan-bahan psikotropik ini. Dalam jadual ini, saya ingin menarik perhatian Timbalan Menteri bahawa semua bahan psikotropik ini hanya boleh didapati selepas menerima priskripsi daripada

doktor. Di sini saya ingin merayu kepada pihak Kementerian supaya memberi ruang kepada ahli kimia ubat bagi ti mendispensekan bahan-bahan seperti "diazepam" yang mana beratnya rendah dalam 1 miligram atau 2 miligram kepada pesakit-pesakit yang sentiasa menerima ubatan dari pharmacy selepas menerima medical history bahawa mereka menderita daripada penyakit-penyakit seperti stomach ulcer ataupun psychomatics dan sebagainya, sebab ahli-ahli kimia ubat juga telah dilatih dalam universiti-universiti dan mereka juga mempunyai kepakaran dalam ubat-ubatan. Ahli-ahli kimia ubat patut diberi sedikit sebanyak ruang ini untuk meng"exercise"kan pengalaman serta pengetahuan mereka.

Kedua, tentang penguatkuasaan, iaitu apabila Rang Undang-undang ini diluluskan, para Pegawai Penguatkuasa akan menghadapi masalah seperti kekurangan kakitangan dan latihan. Dalam kawasan saya, saya ada menemui seorang pesakit yang telah melawat ke negeri Thailand. Apabila pesakit ini berada di sepanjang perjalanan, beliau telah ditahan oleh pegawai Polis sebab mereka didapati dia ada membawa pil-pil. Pegawai Polis itu tidak mengetahui apakah kegunaan pil itu. Sebenarnya pil itu adalah jenis local Roch, tetapi pegawai Polis itu menahan orang ini yang disoalsiasat. Akhirnya didapati pil ini bukan bahan psikotropik, hanya pil-pil yang biasa. Dalam penguatkuasaan ini, barangkali akan terwujud satu situasi yang tidak menyenangkan hati ataupun memberi masalah kepada orang-orang yang membawa medication atau ubat-ubatan yang sebenarnya untuk penyakit mereka dan bukan psikotropik. Dalam hal ini ia jelas menunjukkan latihan yang lebih baik mesti diberi kepada Pegawai Penguatkuasa selain daripada ahli-ahli kimia ubat.

Juga ada satu keadaan iaitu semua pemegang lesen yang bekerja di farmasi-farmasi atau tempat yang berlesen untuk menjual ubat-ubatan itu adalah ahli-ahli kimia ubat dan ahli-ahli kimia ubat ini adalah pekerja syarikat-syarikat tertentu. Apabila Pegawai Penguatkuasa menjalankan tugas mereka dan mendapati bahawa syarikat itu melanggar peraturan, yang bertanggungjawab dan disalahkan itu ialah ahli kimia ubat dan bukannya tuan punya syarikat itu. Dalam situasi ini, ahli kimia ubat selalu berada di dalam keadaan yang tidak seronok sebab dia adalah pekerja sahaja. Kalau dia tidak menjalankan sedikit sebanyak penyelewengan, barangkali tuan punya syarikat itu akan memecat jawatannya. Apabila Pegawai Penguatkuasa menangkap ahli kimia ubat ini, Pegawai Penguatkuasa itu pun sentiasa berasa tidak adil. Ada satu lagi keadaan yang begitu juga ahli kimia ubat yang melanggar peraturan itu barangkali adalah kawan sedarjah atau kawan universiti Pegawai Penguatkuasa ini. Dalam keadaan ini, saya ingin merayu kepada Kementerian supaya mengadakan satu Rang Undang-undang supaya kesalahan ini juga merangkumi tuan punya syarikat, bukan hanya pekerja ahli kimia ubat dalam syarikat itu.

Juga tentang menjalankan tugas pemeriksaan ini adalah jarang dibuat, barangkali oleh kerana kekurangan kakitangan Penguatkuasa. Saya merayu kepada Kementerian supaya pemeriksaan ini dapat dijalankan setiap bulan.

Itulah cadangan dan pandangan saya, terima kasih.

4.18 ptg.

**Tuan Mohamed bin Haji Isa (Kuala Kerai):** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian sama dalam perbincangan

berhubung dengan Rang Undang-undang Akta Racun (Pindaan) 1987. Setelah saya meneliti Rang Undang-undang ini, saya dapati memanglah sesuai dan hasrat pihak Kementerian Kesihatan untuk dikemukakan satu Rang Undang-undang pindaan bagi mengemaskan lagi kawalan berhubung dengan pengedaran, penjualan dan penggunaan ubat-ubat di seluruh negara kita terutama sekali yang digunakan oleh rakyat jelata pada masa ini.

Sepatutnya Rang Undang-undang Kawalan ini telah lama dibentangkan dan diberi perhatian oleh Kementerian Kesihatan kerana selama ini saya dapati telah ramai masyarakat kita atau rakyat kita yang telah terlibat di dalam masalah penyalahgunaan ubat-ubat yang diedarkan di pasaran terutama sekali yang dijual oleh penjual-penjual ubat sama ada di bandar ataupun di kampung-kampung.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masalah kawalan ini walaupun kita telah ada Rang Undang-undang tetapi satu perkara yang saya suka menarik perhatian Kementerian Kesihatan tentang kemasukan ubat-ubat ke pasaran negara kita daripada luar negeri terutama sekali daripada negara jiran, khususnya daripada negeri Thailand kerana banyak saya dapati ubat-ubat daripada Thailand dijual dikedai-kedai ubat ataupun oleh penjual-penjual ubat yang masuk ke kampung-kampung yang telah dicampuradukkan dengan ubat-ubat tradisional kerana masyarakat kita tidak mengetahui akan bahaya ataupun keadaan ubat itu, cuma apa yang dimaklumkan oleh penjual ubat itu maka itulah sebagai pegangan mereka. Kalau penjual ubat itu seorang yang mempunyai daya penarik percakapannya dan juga dengan ulasan-ulasannya yang memberi tarikan kepada pembeli, maka ubat-ubat itu akan dibeli. Ini

kita dapati banyak di kampung-kampung, walaupun dalam segi kawalan ubat tradisional ataupun penjual-penjual ubat-ubat tradisional ini kita tidak memberi perhatian yang khusus, tetapi oleh kerana mereka ini telah mencampuradukkan dengan ubat-ubat tradisional yang boleh memberi kecelakaan kepada pengguna-pengguna terutama sekali masyarakat di kampung.

Begitulah juga, Tuan Yang di-Pertua, tentang kawalan yang saya katakan tadi kerana ubat-ubat ini dibawa masuk terutama sekali melalui kawasan sempadan di negeri Thailand yang tidak mempunyai kawalan yang begitu ketat sekali tentang kemasukan ini kerana amat senang.

Hari ini sahaja kalau sesiapa pergi ke negeri jiran kita mereka boleh membawa masuk seberapa banyak ubat yang dikehendaki tetapi ubat-ubat itu pula tidak ditunjuk ataupun dibuat pemeriksaan oleh pakar-pakar perubatan kita sama ada oleh doktor-doktor yang mempunyai tauliah ataupun oleh Pejabat-pejabat Kesihatan ataupun pihak rumah sakit dan sebagainya.

Dalam soal ini, Tuan Yang di-Pertua, selain daripada Rang Undang-undang yang kita bentangkan ini adalah juga saya berharap satu langkah dan satu cara kawalan ubat di kawasan sempadan penting dan mustahak juga terutama sekali kita meletakkan pegawai-pegawai kesihatan bersama-sama dengan Pasukan Polis atau Kastam yang menjalankan rondaan ataupun kawalan di kawasan sempadan yang mengawal kemasukan barang-barang lain ke negara kita, sedangkan dari segi perubatan atau ubat yang dibawa masuk ke sini tidak dikawal. Ini memberi satu kesan yang amat tidak sihat dan tidak baik kepada rakyat di negara kita pada masa ini kerana saya dapati ada pengguna-pengguna dan

rakyat di negara kita ini yang kita sifatkan mereka telah menjadi ketagih ubat daripada negara jiran. Kadangkala mereka menggunakan ubat-ubat yang dikeluarkan di negara kita ini sama ada mereka itu dapat daripada hospital atau klinik dan sebagainya yang dibeli setelah berjumpa dengan pakar perubatan kita, tetapi ubat daripada negara jiran ini menjadi satu perkara yang baik pada pandangan mereka.

Saya berharap supaya masyarakat kita terutama sekali penduduk-penduduk di kawasan luar bandar bukanlah mereka tidak boleh membeli ubat-ubat daripada mana-mana negara ataupun daripada mana-mana penjual, tetapi haruslah ubat-ubat itu ditunjuk, dapat dibuat penilaian atau diberi pengakuan oleh pihak pegawai kesihatan yang mempunyai tauliah yang dapat mengenali jenis-jenis ubat yang patut ataupun tidak patut digunakan oleh pesakit-pesakit di negara kita.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, saya suka juga menarik perhatian Kementerian Kesihatan kerana ubat-ubat yang ada di hospital-hospital pada masa ini terutama sekali di kawasan luar bandar tidak mencukupi dari segi mutu ubat itu sendiri kerana saya dapati ada pesakit-pesakit yang dibawa ke hospital tidak sesuai dengan ubat yang ada di hospital itu dan terpaksa keluarga atau warisnya telah dinasihatkan oleh pegawai perubatan atau doktor yang berkenaan di hospital itu supaya mencari atau membeli ubat daripada klinik-klinik swasta ataupun dari tempat gudang-gudang ubat dan tidak daripada klinik Kerajaan ataupun hospital Kerajaan.

Saya pernah bertanya, Tuan Yang di-Pertua, kenapa ubat ini tidak ada di hospital. Jawapan yang diberi oleh pegawai ataupun pihak yang berkuasa di hospital itu menyatakan ubat ini

adalah mahal dan Kerajaan tidak mampu untuk menyediakan ubat itu, maka sekiranya hendak mendapatkan ubat ini maka terpaksa pesakit itu membeli di luar daripada hospital. Ini Tuan Yang di-Pertua, memberi satu gambaran kepada masyarakat kita dan bahawasanya ubat-ubat yang ada di hospital itu hanya sebagai satu ubat yang kita boleh membuat andaian untuk pesakit-pesakit yang kelas rendah kerana memandangkan ubat yang harga mahal tak dapat kita dapati di hospital berkenaan. Perkara ini saya timbulkan, Tuan Yang di-Pertua, kerana saya sendiri telah melihat dan berjumpa perkara ini dan saya sendiri telah diberi fahaman oleh pegawai yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam soal pindaan undang-undang ini saya juga suka menyentuh tentang peranan yang dimainkan oleh Kementerian Kesihatan berhubung dengan untuk memberi perkhidmatan kesihatan dan perubatan kepada rakyat di seluruh negara kita terutama sekali di kawasan-kawasan luar bandar, misalnya di kawasan saya merupakan satu kawasan yang pendalaman.

Satu ketika dahulu kita mempunyai unit kenderaan darat perubatan dan unit kenderaan sungai, tetapi di akhir-akhir ini saya tidak dapat pastikan kenapa unit-unit kenderaan perubatan sungai telah dibatalkan, sedangkan masyarakat di kawasan pendalaman itu tidak mempunyai kemudahan-kemudahan yang tertentu dari segi perubatan dan sebagainya. Maka saya sukalah mencadangkan supaya unit kesihatan bagi kawasan sungai ataupun kawasan darat yang tidak dapat menggunakan jalanraya atau sebagainya ini diberi keutamaan kerana dari segi kesihatan penduduk di kawasan itu amatlah rendah sekali.

Begitu juga, Tuan Yang di-Pertua, tentang kemudahan-kemudahan. Satu ketika dulu Kementerian Kesihatan telah memperuntukkan di hospital-hospital di seluruh negara kita ini kenderaan-kenderaan jenazah yang boleh disewa untuk membawa mayat oleh orang ramai. Tetapi hari ini kenderaan-kenderaan itu tidak boleh digunakan lagi kerana telah rosak dan telah lama. Maka dengan sebab itu saya suka menarik perhatian Kementerian Kesihatan supaya ini juga diambil kira dan kenderaan-kenderaan jenazah atau mayat ini yang ada di hospital. Hospital di seluruh negara ini dapat diberi keutamaan sebagai tempat tumpuan masyarakat kita untuk meminta pertolongan sekiranya berlaku sesuatu kematian terutama sekali di hospital dan selama ini kita ketahui kita dapat menggunakan ambulans-ambulans di hospital untuk membawa mereka yang meninggal dunia di hospital pulang ke rumah atau balik ke kampung mereka. Maka kenderaan-kenderaan mayat di hospital ini perlulah ditukar kerana yang ada hari ini tidak dapat digunakan lagi disebabkan kerosakan ataupun telah begitu lama.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lain yang saya suka menyentuh tentang keadaan di hospital ini juga ialah masalah Lembaga Pelawat Hospital. Satu ketika dulu saya ingat lagi yang mana Lembaga Pelawat Hospital ini telah diwujudkan oleh Kementerian Kesihatan dan telah mendapat kerjasama dari Kerajaan-Kerajaan Negeri, tetapi di akhir-akhir ini Lembaga Pelawat Hospital Daerah—saya bagi contoh di kawasan saya tidak berfungsi lagi. Pihak Kementerian Kesihatan melalui Kerajaan Negeri atau Pejabat Daerah telah berkali-kali meminta nama cadangan Ahli Lembaga Pelawat Hospital ini dihantar kepada Kementerian dan saya sendiri telahpun menyuarakan dan telah bertanya khabar dalam soal ini, tetapi

jawapan pihak hospital setiap kali kita hantar nama cadangan itu ialah pihak Kementerian menjawab surat daripada tuan mengandungi senarai Ahli Lembaga Pelawat Hospital yang dicadangkan itu telah diterima dan tindakan akan diambil." Itu sahaja surat jawapan yang diterima dan perlantikan Ahli Lembaga Pelawat Hospital ini tidak wujud sampai hari ini, sedangkan perhubungan kita dengan hospital terutama sekali di zaman ini amatlah perlu sekali kerana Ahli Lembaga Pelawat Hospital itu dilantik daripada pemimpin-pemimpin masyarakat dari semua kaum yang ada di sekitar kawasan itu sedangkan kita menghadapi masalah-masalah tertentu berhubung dengan keadaan kesihatan, perhubungan masyarakat dengan ketua-ketua Jabatan Kesihatan dan sebagainya.

Sedangkan Ahli-ahli Lembaga Pelawat Hospital ini tidak lagi berfungsi, jadi dalam soal ini, Tuan Yang di-Pertua, supaya Kementerian Kesihatan juga dapat mengambil kira dan mengambil perhatian supaya semua hospital daerah yang ada di seluruh negara kita ini mempunyai Ahli Lembaga Pelawat masing-masing. Kalau di sekolah kita mempunyai PIBG yang diminta oleh Kementerian Pendidikan mewujudkannya, dan begitulah juga lain-lain badan. Maka kenapakah Ahli Lembaga Pelawat Hospital ini telah dipandang ringan oleh Kementerian Kesihatan sedangkan hubungan baik terutama sekali bagi kita sebagai sebuah negara yang mempunyai penduduk dari berbagai-bagai kaum maka dari segi kesihatan perhubungan ini juga amatlah penting, bukanlah saja untuk menjaga kesihatan tetapi apakah perkara-perkara yang perlu bagi sesuatu hospital atau pusat kesihatan itu sama ada mendapat sambutan daripada rakyat ataupun tidak, maka perlu diberi perhatian.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Rang Undang-undang pindaan ini juga ada disentuh bagaimana supaya kawalan ini bukan tertentu kepada bahan-bahan ataupun jualan makanan dan dadah ataupun Akta Dadah Merbahaya dan sebagainya, tetapi juga dalam segi ubat-ubat tradisional yang dijual oleh dukun-dukun Melayu atau dukun-dukun tradisional, oleh bomoh-bomoh dan sebagainya juga harus diberi perhatian oleh pihak Kementerian Kesihatan, kerana kita tidak mengetahui dari segi seseorang itu sakit, apakah jenis ubat yang perlu seseorang itu makan ataupun minum. Walaupun dari segi pandangan, ubat tradisional ini dibuat daripada ramuan akar-akar kayu atau sebagainya tetapi adakah Kementerian Kesihatan mengambil kira jenis-jenis akar kayu yang sesuai atau bahan-bahan ubat tradisional yang perlu digunakan oleh badan seseorang itu? Kadangkala ubat itu apabila kita makan ia tidak sesuai dengan kesakitan kita dan akan menjadi satu bahaya kepada individu itu sendiri. Maka kawalan yang sesuai dengan Akta ini juga perlu diambil kira sama supaya tidak menjadi satu kesilapan kepada masyarakat kita yang menerima kesakitan pada masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, dalam soal ini juga saya suka menarik perhatian tentang perubatan pesakit-pesakit dadah. Di negara kita ini mempunyai pakar pengubatan yang khusus dalam bermacam-macam jenis penyakit yang kita dapati, tetapi kenapakah dalam masalah menghapuskan penyakit dadah ataupun mengubati mereka yang telah terlibat dengan najis dadah ini, cuma tumpuan kita kepada soal-soal penyakit ataupun mereka yang terlibat dengan dadah ini kepada soal latihan dan sebagainya, tidak dari segi kepakaran pengubatan. Yang kita perlu mengambil perhatian, Tuan Yang di-Pertua begitu ramai masyarakat di negara kita ini telah pergi berubat penyakit dadah ini di

hospital di negara jiran seperti di hospital di negeri Thailand iaitu di Haadyai, di Songkhla dan sebagainya yang mana didapati begitu ramai tumpuan telah dibuat oleh masyarakat negara kita kepada hospital di kawasan selatan negeri Thailand dan saya dapati pakar-pakar perubatan di hospital tersebut mempunyai kebolehan yang tertentu dan mereka yang terlibat dengan dadah ini dapat pulihkan dengan latihan ataupun dengan memberi ubat dan keutamaan diberi dalam bidang kaunseling dan sebagainya. Kenapakah pakar-pakar perubatan negara kita tidak membuat kajian dalam soal ini supaya kita boleh bawa kepakaran daripada negara sahabat itu ke negara kita, kerana negara kita memberi perhatian dalam soal dadah dan sebagainya dan terkenal di peringkat antarabangsa dan sebagainya. Ini adalah juga perlu diambil kira kerana kita tidak memberi erti walaupun kita membentangkan Rang Undang-undang di dalam Dewan ini untuk kita mengawal sedangkan dari segi kajian, kepakaran dan sebagainya kita tidak memberi perhatian.

Saya rasa itulah sedikit sebanyak, Tuan Yang di-Pertua, yang dapat saya nyatakan dalam perbahasan berhubung dengan Rang Undang-undang pindaan ini. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat dari Tasik Chenderoh.

4.40 ptg.

**Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah (Tasik Chenderoh):** Bismillahir-rahmanir-rahim.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya bersyukur ke hadrat Allah s.w.t. kerana dengan limpah dan keizinanNya, maka dapat saya mengambil peluang untuk

membahaskan mengenai Rang Undang-undang Akta Racun (Pindaan) di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan pil-pil psychotropic ini telah disalahgunakan secara berleluasa oleh mereka yang menjadi kuda tunggangan iblis dan syaitan, sehingga menimbulkan berbagai-bagai masalah kepada negara khasnya dan dunia amnya, maka adalah wajar sekali Rang Undang-undang Akta Racun (Pindaan) 1987 ini dibentang dan diluluskan di Dewan yang mulia ini.

Sehubungan dengan itu, izinkan saya merakamkan setinggi-tinggi terima kasih dan tahniah kepada Kerajaan khususnya Kementerian Kesihatan di atas langkahnya yang bijaksana, bagi melengkapkan lagi peruntukan-peruntukan yang sedia ada. Kita juga berharap kepada semua negara di dunia khususnya negara-negara yang telah berikrar untuk memerangi pengedar-pengedar dan penyalahgunaan dadah di dunia ini, agar mengadakan Rang Undang-undang yang lebih berkesan bagi mencegah pengedaran dan membasmikan penyalahgunaan dadah di negara-negara masing-masing. Langkah ini amat perlu kerana dengan adanya tindakan yang seragam di kalangan negara-negara di dunia ini, saya penuh berkeyakinan wabak dadah ini walaupun tidak dapat dibasmikan secara total atau mutlak, tetapi pasti ianya dapat dibendung ke tahap yang paling minima.

Saya yakin dan percaya setiap manusia yang waras dan cintakan hidup rukun damai dan penuh harmoni sudah pasti akan mengalu-alukan Rang Undang-undang Akta Racun (Pindaan) 1987 ini. Namun demikian, sikap mengalu-alukan semata-mata tidak mencukupi, tetapi mestilah disertakan dengan tindakan yang positif seperti memberikan apa-apa jua bantuan yang diperlukan oleh

pihak penguatkuasa Akta ini apabila tiba waktunya. Kerjasama di kalangan orang ramai termasuk Jabatan-jabatan Kerajaan, Badan-badan Berkanun, pihak swasta dan lain-lain, dengan pihak penguatkuasa Akta ini amatlah penting dan mustahak bagi menjamin kekesanan yang lebih bermakna ke atas Rang Undang-undang ini.

Dalam hubungan ini, selain daripada pihak Kementerian dapat menambahkan lagi jumlah kakitangan dibidang penguatkuasaan ini, Kementerian juga patut mengambil langkah-langkah yang positif ke arah mempertingkatkan kerjasama dengan orang ramai bagi mendapatkan maklumat-maklumat yang diperlukan dari semasa ke semasa. Di antaranya:

Pertama, pada pandangan saya patutlah Kerajaan mengadakan Pusat-pusat Penerimaan Maklumat yang meluas dan mudah dihubungi oleh orang ramai.

Yang kedua, mengadakan penerangan yang meluas kepada orang ramai mengenai perkara-perkara yang boleh dilaporkan ke Pusat-pusat Penerimaan Maklumat itu.

Yang ketiga, Kementerian patutlah mengadakan apa-apa jua bentuk galakan atau insentif seperti memberikan saguhati kepada mereka yang sanggup memberikan maklumat dengan tepat dan berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang difahamkan tujuan Akta ini ialah untuk mengawal bahan-bahan psychotropic dengan lebih berkesan menerusi beberapa langkah yang dicadangkan di dalam Akta ini:

- (i) untuk memberi tafsiran orang ramai kepada istilah "premises" dan "conveyance" di dalam Ordinan Racun yang ada.

- (ii) untuk membolehkan Kerajaan membuat pemeriksaan ke atas bahan-bahan psychotropic yang dibawa oleh kenderaan-kenderaan pengangkutan antarabangsa.

- (iii) untuk mengadakan penalti yang lebih tinggi bagi kesalahan yang dilakukan di bawah Akta ini.

- (iv) untuk memberi kuasa kepada Menteri membuat peraturan-peraturan baru yang meliputi kawalan yang comprehensive terhadap bahan-bahan ini seperti mencegah atau melarang seseorang untuk mengilang, menyebati, mencampur, mendispenser, mengimport, mengeksport dan sebagainya kecuali menurut peraturan baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, bercakap mengenai pemeriksaan ke atas bahan-bahan psychotropic yang dibawa oleh kenderaan-kenderaan pengangkutan antarabangsa itu adalah merupakan sesuatu yang amat penting dilakukan, memandangkan betapa banyak dan meluasnya rangkaian atau saluran perhubungan pengedar-pengedar dadah di dunia hari ini, akan tetapi ianya bukanlah mudah untuk dilaksanakan, ianya memerlukan kecekapan yang tinggi serta penggunaan alat-alat pengesanan yang bermutu tinggi supaya tidak menjejaskan masa perjalanan dan kesusahan kepada pengguna-pengguna kenderaan. Jika faktor ini diabaikan, ditakuti akan menjejaskan kemasukan para pelancong ke negara ini. Oleh itu, saya mengesyorkan supaya langkah-langkah yang positif perlu diambil bagi tujuan yang tersebut. Di antaranya Kementerian perlulah menambahkan tenaga pekerja selaras dengan keperluan kerja yang dikehendaki supaya hasilnya dapat dicapai dengan memuaskan.

Berdasarkan kepada statistik serbuan-serbuan yang telah dilakukan misalnya:

Tahun	Jumlah Sasaran	Sasaran Berjaya	Peratus
1983	268	154	56.8%
1984	447	252	56.4%
1985	500	325	65.0%
1986	851	477	56.0%
1987	614	344	56.0%

(sehingga Ogos)

Jika dilihat dari segi hitung panjang lebih kurang 58%. Walaupun pencapaian 58% dikatakan baik, tetapi ianya bukanlah satu pencapaian yang cemerlang. Oleh itu, jika kita mahukan satu pencapaian yang cemerlang pihak Kerajaan bukan sahaja perlu menambahkan jumlah kakitangan yang lebih, tetapi juga mereka mestilah dilatih untuk mempertingkatkan kemahiran setaraf dengan kebolehan peringkat antarabangsa. Jika perlu mereka juga patut dihantar mendapat latihan di luar negeri agar kepakaran yang ada kepada kakitangan penguatkuasaan Akta ini atau di dalam profesion ini setanding dengan kepakaran antarabangsa. Selain daripada tenaga kepakaran dan kakitangan yang mencukupi Kerajaan juga perlu dari masa ke semasa melengkapkan segala peralatan mengesan bahan-bahan psikotropik yang bermutu tinggi sesuai dengan kemajuan sains dan teknologi di dunia hari ini. Saya penuh berkeyakinan jika langkah-langkah ini dapat dilaksanakan dengan berkesan maka kerja-kerja pemeriksaan ke atas kenderaan pengangkutan antarabangsa ini akan menjadi lebih berkesan dan berjaya.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun kita telah difahamkan bahawa bahan-bahan psikotropik telah dikawal di peringkat antarabangsa melalui Konvensyen ke atas bahan-bahan psikotropik 1971 manakala Malaysia

selain daripada telah menandatangani konvensyen itu pada tahun lepas, kita juga ada mengawali bahan-bahan psikotropik itu melalui Ordinan Racun 1952. Akan tetapi apa yang nyata atau hakikat sebenarnya bahawa penyalahgunaan bahan psikotropik ini telah meningkat berkali ganda, boleh dikatakan hampir semua negara di dunia telah dilanda oleh wabak dadah. Di negara kita wabak dadah bukan sahaja menyerang golongan pemuda atau belia malah telah menular kepada kanak-kanak belasan tahun yang masih berada di bangku sekolah.

Beratus-ratus ribu manusia dilanda dadah dan beribu-ribu pula yang telah terkorban akibat serangan dadah dan beribu-ribu pula yang hidup seperti bangkai bernyawa. Dadah tidak memilih bulu, tidak kira yang berilmu atau tidak berilmu, tidak kira keturunan bangsawan ataupun rakyat marhain, tidak kira bangsa atau darah keturunan, tidak ada sempadan di timur atau barat. Siapa sahaja yang tidak berpegang kepada moral yang tinggi atau mempunyai nilai-nilai akhlak yang sempurna lebih-lebih lagi yang tidak beriman dan takwa kepada Allah yang maha berkuasa pasti menjadi sasaran utama dadah. Memandangkan kepada gejala yang dahsyat di Abad ke 20 ini, maka saya menyokong dengan sepenuh-penuhnya sebarang usaha untuk mengawal bahan-bahan psikotropik yang merbahaya ini termasuk Akta yang sedang kita bahaskan sekarang ini.

Di samping itu saya berseru kepada semua pihak termasuk Kementerian-kementerian yang terlibat dengan pembentukan watak masyarakat seperti Kementerian Pendidikan, Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Buruh, Kementerian Dalam Negeri dan sebagainya hendaklah turut sama memainkan peranan masing-masing ke arah usaha pencegahan penyalahgunaan dadah ini.

Istimewa kepada para ibubapa atau penjaga kanak-kanak supaya dapat menanam sifat-sifat baik, sifat-sifat yang murni atau nilai-nilai yang murni di kalangan anak-anak mereka. Bagi memupuk daya tahan dalam diri anak-anak mereka untuk menentang sebarang pengaruh jahat atau nilai-nilai negatif yang menyerang walau dari sudut mana sekalipun.

Jika boleh dijadikan contoh, contohilah falsafah hidup ikan di laut. Walaupun ia berada di dalam laut yang masin pekat tetapi dagingnya tetap tawar, tidak dapat diresapi oleh air laut yang masin itu. Dengan ini saya juga ingin menarik perhatian kepada para ibubapa yang mempunyai sikap yang negatif terhadap anak-anak mereka yang telah tercebuk ke lembah dadah. Ada di antara mereka yang bersikap benci dan marah secara berterus-terusan walaupun anak-anak mereka atau keluarga mereka telah menjalani rawatan dan telah pulih daripada penagihan dadah tetapi mereka tetap tidak diterima sebagai ahli keluarga. Sikap yang seumpama ini sudah pasti tidak dapat membantu usaha-usaha Kerajaan untuk membasmikan penyalahgunaan dadah di negara kita kerana anak-anak yang tidak diterima ke pangkuan keluarga ini kemungkinan akan mengulang semula tabiat sebagai penyalahgunaan dadah dan barangkali tabiatnya itu akan lebih meningkat daripada masa-masa yang lampau. Keadaan seperti ini sudah pasti akan mempengaruhi keadaan persekitaran masyarakat itu sendiri.

Sebenarnya mengikut kajian-kajian yang dibuat oleh pakar-pakar dadah ini atau ahli kaji masyarakat satu daripada puncanya menyebabkan berlakunya tabiat anak-anak jadi penagih dadah kerana kurangnya perhatian ibubapa sama ada oleh sebab kesibukan tugasnya atau lain-lain terhadap tingkah laku anak-anak sama ada cara anak-anak itu bergaul

ataupun memberi pendidikan akhlak terhadap anak-anak mereka supaya menjadi manusia yang bermoral tinggi, manusia yang beriman, manusia yang takwa dan sebagainya.

Jika pendapat ini boleh diterima maka nyatalah bahawa ibubapa juga terlibat dan bersalah. Oleh sebab itu saya mengesyorkan supaya ibubapa yang bersikap negatif yang marah dan benci secara berterusan kepada anak-anak ini patutlah mengisafi diri dengan mengadakan suatu sikap yang baru iaitu sikap mengkritik diri sendiri. Kalau anak yang menjadi pencuri bukan anaknya itu sahaja mesti dimarahi tetapi bapanya juga mestilah menyalahkan dirinya sendiri kerana ia yang bersalah. Kalau anak terlibat dengan dadah bapanya juga mesti bersalah, ia yang bersalah bukan anak sahaja yang bersalah kerana ia kurang memberi didikan kepada anak-anak supaya menjadi manusia yang beriman, manusia yang takwa.

Kalau sifat kritik diri ini ada kepada ibubapa maka sudah pasti ibubapa itu tidak akan terus bersikap marah atau benci secara berterusan kepada anak-anak mereka. Apa yang patut mereka lakukan ialah membantu atau menolong ataupun memberi pertolongan apa sahaja yang diperlukan bagi memulihkan kembali apatah lagi pula jika anak-anak sudah dipulih oleh pihak swasta atau Kerajaan atau lain-lain badan. Lebih-lebih lagi yang sudah pulih dan sudah insaf walaupun tidak bertaubat, sepatutnya anak-anak ini mestilah dibantu supaya mereka terus menjadi manusia yang normal, manusia yang berguna sekurang-kurangnya kepada dirinya sendiri dan juga kepada ibubapa atau keluarganya, walaupun tidak kepada bangsa dan negara.

Saya berpendapat jika sekiranya ibubapa yang bersikap benci dan marah berterus kepada anak-anak

yang terlibat dengan dadah boleh mengubah sikap sepertimana yang saya katakan tadi, sikap kritik diri sendiri dan sebalikinya maju ke hadapan, membantu anak-anaknya, menolong anak-anak, maka bermakna bukan sahaja mereka itu sudah memberi sumbangan kepada keluarga tetapi sebenarnya ialah satu sumbangan yang besar kepada negara.

Oleh sebab itu saya berharap khususnya kepada semua pihak Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan yang mulia ini supaya dapat sama-sama kita menyedari mereka yang saya maksudkan tadi.

Begitu juga kepada pihak swasta kita dapati kalau seseorang itu sudah pernah terlibat dengan dadah, maka harapan untuk mendapatkan pekerjaan adalah nipis sekali walaupun ia telah pulih seperti sediakala. Jadi, sikap negatif yang seperti ini juga tidak menguntungkan negara. Saya juga berseru kepada agensi Kerajaan atau badan-badan Kerajaan supaya tidak mengambil tindakan hanya memberhentikan mereka yang terlibat dengan dadah, diketepikan begitu sahaja tetapi sepatutnya langkah-langkah yang positif patut diambil sekurang-kurangnya diberi edah atau masa sekiranya benar-benar sudah pulih patut mereka ini diberi peluang apa-apa juga untuk kehidupannya di masa hadapan. Dengan sikap diskriminasi yang berlaku sekarang ini—kalau jadi askar dibuang kerja, polis juga dibuang kerja, jadi kakitangan Kerajaan juga dibuang. Ini bukanlah satu langkah yang bijaksana. Saya bukanlah bermaksud suka orang yang terlibat dadah dalam Jabatan Kerajaan atau dalam tentera atau polis tetapi kalau kita ada kaedah-kaedah boleh menjernihkan suasana yang keruh dan kalau yang keruh sudah jernih, mengapa pula kita masih diskriminasikan pada golongan-golongan ini. Begitu juga kepada murid-murid sekolah yang sudah

terlibat, kita mengambil jalan singkat—dengan memberhenti sekolah, masalah ini tidak boleh diselesaikan, kerana dengan mengeluarkan seorang pelajar, penagih dadah dia boleh menyebarkan lagi tabiat itu kepada orang-orang lain sehingga ianya menjadi satu masalah kepada negara.

Saya telah bercakap beberapa tahun yang lalu berhubung dengan masalah dadah ini supaya Kerajaan mengadakan satu kawasan yang tertentu, mengadakan projek yang tertentu, projek pertanian, industri kecil dan sebagainya supaya diberi peluang kepada yang kita anggap manusia yang tidak berguna ini kalau sudah pulih supaya dimasukkan untuk bertani ataupun menjadi juruteknik dan sebagainya. Di pusat-pusat yang kita tempatkan supaya mereka tidak putus asa dan mereka dapat lagi meneruskan hidup yang sempurna dengan tindakan yang bijaksana daripada Kerajaan kita.

Tuan Yang di-Pertua, dengan yang demikian, sekianlah pandangan saya dan saya menyokong dengan sepenuhnya Rang Undang-undang ini. Wabillah hitaufik walhidayah, wassalam mu'alaikum warahmatullah-taala wabarakatuh.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat dari Pasir Puteh.

5.05 ptg.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali (Pasir Puteh):** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana masa tidak mengizinkan, saya hanya ingin mengambil kesempatan untuk memberi sedikit pandangan di dalam perbahasan mengenai pindaan Akta kepada Ordinan Racun 1952.

Tuan Yang di-Pertua, kesungguhan Kementerian Kesihatan mengemukakan Akta Ordinan Racun

1952 adalah suatu usaha yang kita banggakan kerana Akta ini berkait rapat dengan soal-soal kesihatan rakyat, kerana masalah kesihatan rakyat salah satu daripada agenda yang terpenting dalam pembinaan sesuatu bangsa dan negara yang kuat. Masalah racun merupakan salah satu daripada ancaman yang boleh menggugat bukan sahaja kesihatan rakyat malah serpihan daripada masalah racun ini jika ianya tidak dikawal, boleh menimbulkan keadaan yang tidak baik bagi negara kita.

Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan tahniah kepada Kementerian Kesihatan di atas daya usaha dan ketegasannya dalam meminda Ordinan Racun 1952 ini dan untuk itu kita sedar bahawa soal mengawal dan menjaga kepentingan kesihatan rakyat di negara ini terutamanya dari segi ubat ataupun ubatan-ubatan telah dikawal oleh empat undang-undang iaitu pertama, Akta Racun 1952, Akta Dadah Berbahaya 1952 yang disemak dalam tahun 1980, yang ketiga Ordinan Jualan Makanan dan Dadah 1952 dan Akta Ubat (Iklan dan Penjualan) 1956 yang disemak pada tahun 1983. Tetapi dalam beberapa hal kita dapati masih ada ruang yang boleh diperkemas lagi di mana dengan cara mengetat atau mempercepatkan tindakan beberapa perkara dalam, misalnya, satu, Ordinan Jualan Makanan dan Dadah dalam pelaksanaan Seksyen 2, 3 dan 4. Yang kedua, Akta Ubat (Iklan dan Penjualan) 1956 berhubung dengan melarang pengiklanan iaitu bagi sakit buah pinggang atau tenaga batin. Ketiga, berhubung sifat sensitif pihak penguatkuasa supaya dapat mengesan lebih awal sebelum terdapat komplek dari FOMCA ataupun Persatuan Pengguna dan Orang Ramai.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun nampaknya Kementerian Kesihatan telah menggariskan bahawa ubat-

ubatan mujarab (potent) misalnya antibiotic, ubat tidur dan sebagainya hanya boleh dibekalkan oleh seseorang profesional perubatan kepada pesakit ataupun oleh seseorang ahli farmasi atau dengan priskripsi daripada seseorang profesional perubatan tetapi nampaknya penjualan dan penggunaan terutama ubat tidur masih berleluasa. Bukan semua farmasi mendaftarkan pelanggannya malah terdapat klinik-klinik swasta dan kedai-kedai, biasa yang menjual ubat tidur malah saya kira Roche kepada penagih-penagih dadah.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menarik perhatian Yang Berhormat Menteri berkenaan ataupun Kementerian Kesihatan bahawa dua insiden yang berlaku di depan mata saya sendiri menginsafkan saya bahawa masih terdapat kelonggaran atau kesilapan dalam mengawal ubatan tersebut.

Perlu saya nyatakan bahawa dua insiden itu ialah pertama, kejadian berlaku di klinik swasta Vijay di Greenwood, Gombak di mana pemuda dari gambarannya menampakkan beliau seorang penagih menghulurkan beberapa ringgit kepada pembantu ubat, iaitu nurse yang menjaga kaunter farmasi di klinik itu, kemudian nurse atau pembantu memberi beberapa biji pil kepada pemuda tersebut. Dari perlakuan yang singkat menggambarkan business mereka telah lama terjalin dan berjalan tanpa sekatan.

Kes kedua berlaku di kedai runcit kepunyaan seorang Singh di Jalan Amar, Lorong Haji Taib. Semasa saya membeli spare part kereta, Tuan Yang di-Pertua, saya dapati terlalu ramai pondan dan penagih yang masuk keluar di kedai itu. Saya mencurigai sesuatu, lalu bertanya kepada penjual alat kereta, dia hanya tersenyum dan

mengatakan iaitu 'perniagaan mereka banyak untung', sebut pihak penjual spare part tersebut. Kemudian saya cuba mencuri meninjau ke arah Singh yang melayan pondan-pondan dan penagih, saya dapati ada terjadi proses pertukaran duit dengan barangan yang tidak nampak. Bila saya bertanya kembali kepada penjual alat ganti kereta itu, dia kata ubat tidur atau Roche.

Dari gejala ini menggambarkan kepada kita bahawa pembekalan atau proses penjualan ubat tidur atau Roche masih belum dikawal dengan rapi. Dari mana Singh itu memperoleh bekalnya, kalau perniagaan itu telah lama berjalan dengan begitu maju, ia menunjukkan Singh mendapat bekalan yang bertambah dari satu punca yang mungkin terlepas dari sekatan pihak penguatkuasa Kementerian Kesihatan. Oleh itu, diharapkan Kementerian Kesihatan dapat mengambil perhatian berhubung dengan kes-kes contoh yang dibangkitkan ini.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun Ordinan Jualan Makanan dikuatkuasakan tetapi kita masih kedatangan ubat-ubatan tiruan di dalam pasaran. Sungutan ini sering berlaku melalui akhbar-akhbar yang harus diambil perhatian serius oleh Kementerian Kesihatan. Tentulah kita masih ingat dalam waktu yang tidak berapa lama dahulu pembeli-pembeli Panadol merasa cuak membelinya kerana berhubung soal ubat tiruan sama ada ini kempen dari ubat saingannya atau realiti, pengguna kurang pasti tetapi apa yang jelas fenomena itu sememangnya terdapat dalam masyarakat kita sehingga di pembungkus atau kotak ubat sering ditulis "Jaga-jaga Ubat Tiruan". Keadaan ini kadang-kadang menghantui pengguna-pengguna di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung pendaftaran ubat-ubatan yang masih berjalan ini diharapkan pihak Kementerian Kesihatan menggerakkan pelaksanaannya. Kita tidak mahu di mana ubat-ubatan yang memasuki dan terdapat di pasaran yang masih tidak berdaftar itu boleh menimbulkan masalah kepada pengguna. Kalau pendaftaran untuk fasa 2, 3 dan 4 dijangkakan bermula selepas pertengahan tahun 1988 kita bimbang kelewatan pendaftaran akan menimbulkan masalah kepada Kementerian Kesihatan dan rakyat sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung masalah pendaftaran ini nampaknya pihak Kementerian Kesihatan memberi kelonggaran terhadap herba-herba yang dikelaskan sebagai ubatan tradisi. Di satu segi nampaknya Kementerian Kesihatan yakin bahawa kesemua ubat herba tradisional tidak mempunyai apa-apa keracunan atau boleh membawa masalah kepada pengguna. Sebab itulah herba tradisional tidak perlu didaftarkan, tetapi di satu segi yang lain nampaknya seolah-olah Kementerian Kesihatan tidak mahu mengambil inisiatif untuk merekodkan jenis-jenis herba ini yang mungkin di satu hari nanti herba tradisional kita boleh diterima sebagai ubatan yang berkesan seperti herba-herba yang diimport dari Negeri China.

Tuan Yang di-Pertua, saya kira Yang Berhormat Menteri Kesihatan dan Kementerian Kesihatan turut terkejut sepertimana rakyat beberapa bulan lepas bila terkeluar dalam akhbar yang menunjukkan sebuah klinik swasta telah dikendalikan oleh seorang yang tidak mempunyai kelulusan profesional perubatan, di samping itu majalah dan akhbar juga memuatkan berita kononnya terdapat klinik-klinik swasta yang menjalankan plastic surgery tidak mempunyai kelayakan. Kes-kes ini jelas mencabar

maruah Kementerian Kesihatan sendiri. Bagaimana kejadian-kejadian seperti di atas ini boleh berlaku? Bagaimana klinik-klinik tersebut boleh berjalan dalam jangka masa yang begitu lama dan terpaksa pula berhadapan dengan ubat-ubatan yang begitu complex dan sophisticated di dunia yang modern ini. Bagaimana pihak penguatkuasa menjalankan tugas mereka sehingga keadaan seperti ini boleh terjadi? Apa yang diperiksa oleh penguatkuasa berhubung soal pembelian, penyimpanan dan penjualan ubat-ubatan oleh klinik-klinik yang terlibat? Apakah semua soal ini harus dipertanggungjawabkan kepada Pertubuhan Perubatan ataupun ringkasnya MMA sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, kita tidak meragui tentang keberkesanan Kementerian Kesihatan mengawal iklan-iklan berhubung ubatan di negara ini. Bagaimanapun masih terdapat iklan-iklan yang bertentangan dengan yang dibenarkan oleh pihak Kementerian Kesihatan melalui akhbar dan majalah. Hakikat ini tidak boleh dinafikan.

Mengikut Akta Ubat (Iklan dan Penjualan) 1956, iklan yang menggambarkan boleh meningkatkan fungsi buah pinggang dan tenaga batin tidak boleh dibuat, tetapi anihnya akhbar-akhbar dan majalah masih mengiklankan perkara-perkara tersebut. Kita sering terjumpa iklan tentang ubat buah pinggang dan meningkatkan tenaga batin seseorang. Kita tidak mahu selepas iklan dibuat beberapa lama dan telah ramai yang terpengaruh, baru iklan tersebut dihentikan. Bila pihak penguatkuasa Kementerian Kesihatan membuat tindakan, keadaan ini boleh membahayakan serta merugikan pengguna, di satu pihak yang lain, pengeluar atau pengusaha mendapat keuntungan yang begitu lumayan di atas kesihatan rakyat keseluruhannya.

Kita ingin bertanya adakah Kementerian Kesihatan mempunyai bidang kuasa mengambil tindakan terhadap akhbar atau majalah yang terlibat atau adakah Kementerian Kesihatan telah menghantar ataupun menerang sejelas-jelasnya kepada pengusaha media cetak berhubung soal pengiklanan ini supaya masyarakat tidak terkeliru dengan masalah-masalah yang dibangkitkan ini. Di samping itu, kita juga melihat pengiklanan berhubung memberi perkhidmatan kemahiran untuk rawatan penyakit atau keadaan seseorang, sedangkan iklan seperti ini adalah terlarang mengikut Akta Iklan dan Penjualan 1956. Kita dapat melihat iklan fasal urat sedap dan menguatkan tenaga batin di akhbar dan ini sangatlah berleluasa di negara kita sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya kira masa tidak mengizinkan, maka untuk itu saya menyokong Rang Undang-undang ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat dari Maran.

*5.19 ptg.*

**Tuan Mohamad bin Abdullah (Maran):** Tuan Yang di-Pertua, pertama saya mengucapkan terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan bersama berkenaan dengan pindaan Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang sangat-sangat diingini manusia ialah hidup berkhayal, kerana apabila kita hidup berkhayal, kita sendiri merasakan seolah-olah kita hidup di atas dunia yang lain yang mana dunia itu sendiri yang telah memberikan nikmat kepada siapa yang hidup berkhayal. Sebenarnya manusia hidup mestilah mempunyai matlamat hidup

mereka, sama ada mereka itu hidup untuk menentukan kesenangan mereka di kemudian hari, di hari akhirat ataupun mereka itu hidup bertujuan untuk menjadi masyarakat yang berguna kepada negara dan bangsa. Oleh kerana manusia kadangkala hidupnya tidak tahu matlamat yang sebenar, maka sudah barang tentu manusia yang sedemikian rupa selalu sahaja mengambil perkara-perkara yang boleh mengkhayalkan mereka kerana mereka kata hidup mereka adalah untuk kepentingan mereka sahaja, kepentingan perseorangan tanpa memikirkan keperluan masyarakat keseluruhannya.

Dengan sebab itulah kadangkala kita kedapatan manusia-manusia yang suka mengambil barang-barang yang suka mengkhayalkan mereka, termasuklah ubat-ubatan yang beracun, ubat-ubatan yang mengkhayalkan yang dipanggil psikotropik.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Ordinan Jualan Makanan dan Dadah 1952 dan juga termasuk di bawah Peraturan Kawalan Dadah Kosmetik, 1984 yang mana Ordinan itu menentukan supaya kesemua ubat-ubatan dan kosmetik perlu didaftarkan tetapi setakat ini pihak Kerajaan hanya membuat pendaftaran ubat-ubatan yang dikawal sahaja di bawah ordinan ini, sedangkan banyak perkara-perkara ataupun ubat-ubat beracun yang masih belum didaftarkan.

Oleh itu, eloklah bagi pihak Kerajaan, Kementerian Kesihatan mendaftarkan ubat-ubat lain dan begitu juga mendaftarkan ubat-ubat tradisional dan juga mendaftarkan kosmetik itu sendiri, kerana ubat-ubat lain juga kadangkala adalah merupakan ubat-ubatan yang beracun dan boleh mengkhayalkan.

Begitu juga kosmetik kadangkala apabila ubat itu salahguna atau tidak mengikut peraturan, ini boleh membahayakan kepada sesiapa yang menggunakannya. Kadangkala orang yang hendak cantik tetapi dengan menggunakan ubat itu, berubah daripada mukanya yang sudah menarik, langsung tidak menarik. Inilah di antaranya yang perlu kita kawal kerana ini banyak berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga suka merujuk kepada kes-kes yang didakwa kerana kesalahan menjual ubat dan sebagainya. Kalau kita lihat pada tahun 1984, jumlah kes yang dibawa ke mahkamah adalah 274, jumlah kes yang mengaku salah pada hari tersebut ialah 248. Pada tahun 1985, 142 kes, jumlah kes yang mengaku salah pada hari tersebut ialah 129 kes.

Kalau kita perhatikan keadaan ini menunjukkan bahawa pesalah-pesalah itu memang benar-benar sengaja hendak melakukannya. Sebab itulah mereka tidak ragu-ragu apabila kesnya didengarkan di mahkamah, terus mereka mengaku salah. Ini adalah menunjukkan kurangnya kawalan kita dalam masalah ini dan ini menunjukkan bahawa penjual-penjual ubat beracun itu telah mendapat keuntungan yang besar. Mereka tidak silu-silu mengaku kemungkinan dikenakan denda yang begitu besar. Maka sebab itulah mereka tidak segan-segan mengaku salah apabila dibuat tuduhan.

Jadi pihak Kerajaan dan Kementerian Kesihatan perlulah mengamati perkara ini supaya penjual-penjual ubat dan sebagainya tidak boleh menjual ubat dengan sewenang-wenangnya.

Dalam dunia ini ada beberapa perkara yang memang menjadi kecenderungan naluri manusia yang suka sangat ataupun gemar. Pertama, manusia ingin menjadi kaya cepat. Kalau ada sahaja bomoh datang ke

rumahnya mengatakan batu permata ini boleh menjadi kaya dalam masa sebulan, maka pihak yang mendengar, suri-suri rumah tangga misalnya tidak ragu-ragu lagi mengeluarkan barang kemas mereka kerana bomoh mengatakan emas itu kalau disimpan dalam sebulan, dia boleh menjadi 10 kali ganda. Duit kalau disimpan dalam sebulan boleh menjadi 10 kali ganda. Oleh kerana manusia terlalu ingin cepat menjadi kaya, maka mereka memang tertarik dengan saranan yang dibuat oleh bomoh yang sedemikian rupa.

Kedua, manusia yang paling suka selain daripada itu adalah ingin mempunyai kekuatan, bukan sahaja kepada kekuatan fizikal tetapi kekuatan batin. Kalau disebut minyak dhab, minyak biawak Arab itu boleh menguatkan, maka tak silu-silu lagi orang membeli. Walaupun minyak itu dibuat daripada minyak kelapa dan dicampurkan dengan kertas yang dibakar dan dikhabarkan, diceritakan ini minyak biawak padang pasir, semua orang hendak membeli kerana apa, kerana manusia itu sendiri nalurinya memerlukan kepada kekuatan.

Perkara yang ketiga ialah manusia apabila sakit, memanglah perlukan ubat. Siapa sahaja yang datang, di mana sahaja kita kedengaran tempat pakar ubat yang pandai, baik ubat itu ubat tradisi ataupun bukan, kita akan sanggup bergadai dan sebagainya untuk pergi bagi mendapatkan ubat itu, walau jauh sekalipun, kita sanggup pergi. Jadi bomoh-bomoh ataupun tukang-tukang ubat yang mengambil kesempatan itu, mereka akan menggunakan peluang itu untuk mendapatkan kewangan. Sebab itulah kadangkala kedapatan tidak ada apa-apa yang kita dapat daripada tempat-tempat yang kita berjumpa, kadangkala ubat-ubat itu memberikan khayalan sementara, tetapi penyakit kita balik lebih teruk daripada biasa.

Inilah di antara keinginan manusia yang tidak memandang apa-apa keturunan sekalipun. Sebab itulah dalam hal ini Kerajaan mesti mengambil perhatian supaya mengawal tentang penjual-penjual ubat-ubatan itu berleluasa untuk mendapat keuntungan yang besar.

Sebenarnya, dalam negara-negara yang maju, orang-orang yang mendapat pendapatan lumayan ialah seperti pemandu kapal terbang, peguam dan juga doktor. Inilah kalau sekiranya dimana-mana sekali pun negara-negara yang maju, apatah lagi negara kita yang sedang hendak membangun ini, di antaranya ialah peguam-peguam persendirian, doktor-doktor persendirian di antara orang yang mudah mendapat keuntungan. Dengan sebab itulah kita mesti mengawasi supaya pihak klinik persendirian itu tidak menggunakan ubat-ubat yang tinggi racunnya yang menyebabkan manusia boleh berkhayal.

Selain daripada itu, sebagaimana yang dinyatakan oleh salah seorang Ahli Yang Berhormat tadi, cara menjual ubat beracun itu kadangkala mereka mempunyai pelanggan yang tetap, pakai jeling daripada jauh pun mereka sudah faham, dia berkehendakkan sesuatu sama ada berupa ubat tidur dan sebagainya. Mungkin doktor-doktor berkenaan tidak mahu tetapi pekerja-pekerja bawahan tahu, maka apabila duit dapat, terus dibagikan ubat itu dan setelah dapat ubat itu, mereka terus beredar daripada klinik berkenaan.

Perkara ini juga perlu diawasi dan hukuman yang berat perlu dikenakan kerana bukan sahaja mereka mendapat keuntungan yang besar tetapi telah memusnahkan orang-orang yang mendapat ubat-ubat daripada klinik-klinik yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga suka menyentuh mengenai dengan tempat-tempat yang telah dibuat serbuan yang mana pihak Kementerian ini telah membuat tempat-tempat serbuan untuk menangkap orang-orang yang menjual barang-barang ubat-ubat beracun itu memang banyak dilakukan. Sebagaimana dinyatakan dalam statistik dalam tahun 1985, 181 tempat dan bandar yang dilakukan serbuan, tahun 1986, 307. Apa yang penting di sini diharapkan sebenarnya banyak bandar-bandar kita di dalam Malaysja ini sendiri yang mempunyai klinik-klinik persendirian dan farmasi-farmasi persendirian yang menjual ubat-ubat ini. Maka pihak Kementerian yang berkenaan, perlulah. . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat, sila duduk.

**Tuan Mohamad bin Abdullah:** Terima kasih.

#### **MENANGGUHKAN PERBAHASAN ATAS RANG UNDANG-UNDANG RACUN (PINDAAN)**

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Ahli-ahli Yang Berhormat, mengikut Peraturan Mesyuarat 18(3) dan mengikut satu Usul yang dibawa di bawah Peraturan Mesyuarat 18(2) oleh Yang Berhormat Tuan Lim Kit Siang, saya dengan ini menangguhkan perbahasan di atas Rang Undang-undang Racun (Pindaan) untuk membolehkan Ketua Pembangkang membahaskan Usul yang dibawa tadi dan sukalah saya mengingatkan Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa pencadang dibenarkan 30 minit dan pihak Kerajaan 30 minit sahaja dan kita akan sambung perbahasan mengenai Rang Undang-undang ini pada pukul 6.30 petang.

Saya silakan Yang Berhormat Ketua Pembangkang dari kawasan Tanjong.

### **USUL**

#### **KENAIKAN PANGKAT GURU-GURU BESAR DAN PENOLONG-PENOLONG KANAN DI SEKOLAH-SEKOLAH RENDAH CINA**

*5.31 ptg.*

**Tuan Lim Kit Siang (Tanjong):** Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri untuk mengusulkan bahawa Majlis ditangguhkan supaya membincang satu perkara tertentu kepentingan orang ramai yang berkehendak disegerakan ialah mengenai kenaikan pangkat guru-guru yang tidak berpendidikan Cina sebagai guru-guru besar dan penolong-penolong kanan yang dihantar ke lebih 50 buah Sekolah-sekolah Rendah Cina di seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua, 14 bulan dahulu negara kita mengadakan pilihanraya besar ketujuh dan Barisan Nasional dapat satu kemenangan di mana di Parlimen memegang 4/5 kerusi dan tentulah dengan situasi itu kita semua rakyat ada harapkan bahawa krisis keyakinan yang ada melanda negara kita selama 3 tahun masa itu boleh diselesaikan supaya negara kita boleh dikembalikan kepada landasan yang berpatutan, supaya pembinaan negara boleh diteruskan dengan berkesan, supaya iklim ekonomi boleh diperbaiki.

**Tuan Zubir bin Embong (Kuala Terengganu):** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat, ada yang bangun.

**Tuan Zubir bin Embong:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta penerangan daripada Ketua Pembangkang, boleh?

**Tuan Lim Kit Siang:** Untuk penjelasan, saya tidak beri, 30 minit sahaja. Bahawa iklim ekonomi boleh dibaiki supaya kita boleh mengadakan pertumbuhan ekonomi dan negara bolehlah maju tetapi malangnya dalam 14 bulan ini apa yang berlaku ialah sebaliknya dan khasnya dalam beberapa minggu ini ada berbagai isu-isu yang khasnya berkaitan dengan masalah bahasa, pelajaran, kebudayaan, agama yang ada wujud, yang sudah lebih merumitkan krisis kepercayaan di negara kita. Inilah yang sangat-sangat mengkhawatirkan semua rakyat oleh kerana kita boleh lihat bahawa sungguhpun dunia adalah mengalami satu recession yang serius tetapi negara-negara termasuk negara-negara jiran mula memulihkan ekonomi mereka kecuali Malaysia, kenapa? Oleh kerana kita adalah menghadapi lebih-lebih banyak masalah yang rumit, yang pokok yang tidak patut wujud.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri dan ramai Menteri-menteri yang lain adalah pergi ke luar negeri berkali-kali untuk menarik pelaburan orang asing ke Malaysia tetapi mereka tidak boleh jawab satu soalan kenapa rakyat Malaysia sendiri mengalirkan keluar wang-wang mereka, tidak ada kepercayaan untuk melabur dalam Malaysia sendiri. Inilah crux masalah-masalah kepercayaan dan itulah sebab.....

**Tuan Zubir bin Embong:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat, ada yang berdiri.

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya tidak beri jalan untuk penjelasan.

**Tuan Zubir bin Embong:** Kalau. . . .

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya tidak beri jalan untuk penjelasan.

**Tuan Zubir bin Embong:** Saya hendak minta penjelasan dari Ketua Pembangkang, sebab dia cakap oleng-oleng.

**Tuan Lim Kit Siang:** Itu hal dia, saya tidak beri jalan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat, sila duduk, dia tidak beri.

**Tuan Lim Kit Siang:** Inilah masalah crux, masalah kepercayaan di negara kita, sama ada satu Kerajaan yang boleh berjaya untuk mendapat kepercayaan semua kaum untuk membina negara, untuk mengadakan satu pertumbuhan ekonomi dan baru-baru ini sebenarnya kita baru merayakan 30 tahun kemerdekaan tetapi masalah krisis nasional tidak pernah begitu rumit dan antaranya ialah masalah di hadapan kita yang kita mahu bincang ialah kenaikan guru-guru yang bukan berpendidikan bahasa Cina kepada sekolah-sekolah Cina sebagai penolong guru besar dan pegawai kanan. Kita berharap dengan keadaan dan latar belakang yang saya cakap tadi di mana kepercayaan negara kita begitu susah bahawa Kerajaan akan mengelakkan daripada mengadakan isu-isu yang boleh memecahbelah rakyat jelata, isu-isu bahasa, isu-isu agama, isu-isu pelajaran, isu-isu sensitif. Biarlah kita semua rakyat Malaysia bersatu-padu, menumpukan tenaga untuk memulihkan ekonomi negara kita.

**Tuan Hashim bin Saffin (Tanah Merah):** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Ahli Yang Berhormat, ada yang bangun.

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya tidak beri jalan untuk penjelasan. Nanti ada peluang mereka boleh jawab.

**Tuan Hashim bin Safin:** Tuan Yang di-Pertua, pemimpin itu Parti Demokratik, berilah peluang! Demi keadilan!

**Seorang Ahli: Pengecut!**

**Tuan Lim Kit Siang:** Itulah dan antara isu yang terbaru ialah isu kenaikan mereka yang tidak berpendidikan Cina kepada sekolah-sekolah Cina untuk jawatan kanan yang menimbulkan masalah yang menyakitkan hati, sensitiviti hak-hak kaum Cina, khas terhadap pengwujudan sekolah-sekolah Cina. Itulah sebab, itulah masalah. Kalau kita mahu mengelakkan isu-isu yang memecahbelahkan patut perkara ini tidak patut berlaku yang pertama, dan kalau sudah berlaku kerana kesilapan pentadbiran atau sesiapa, apabila masalah ini dikemukakan, diutarakan kepada pihak Kerajaan, patut dengan serta-merta diselesaikan, tidak untuk 6 minggu masalah ini berterusan tanpa satu penyelesaian sampai sekarang dan inilah nampaknya sistem negara kita ambil satu tindakan dan tindakan membunuh diri (suicidal) di mana satu tangan mahu panggil orang luar masuk melabur, ada kepercayaan kepada kita tetapi di sebelah pihak mengadakan isu-isu di mana rakyat lebih pecah dan kepercayaan lebih serius. Kenapa kita ada "course" yang begitu, dengan izin, "suicidal course"?

Tuan Yang di-Pertua, yang pertama saya mahu menegaskan di sini bahawa tuntutan ibubapa-ibubapa dan Lembaga Pengurus Sekolah-sekolah Cina bahawa guru-guru yang dapat pendidikan bahasa Cina barulah boleh dihantar ke sekolah-sekolah tersebut menjadi baik pun guru-guru besar atau penolong guru-guru besar atau jawatan kanan, bukan satu tuntutan yang perkauman atau chauvinist atau extremist atau pelampau dan ini bukan satu tuntutan yang baru yang ada orang yang mahu sifatkan

bahawa kaum Cina atau ada golongan-golongan selalu utarakan tuntutan-tuntutan yang berlebihan, lepas satu lagi satu baru, itu bukan satu tuntutan yang baru. Apa yang mereka hasratkan ialah apa yang status quo untuk 26 tahun ini, selepas Akta Pelajaran 1961 diluluskan dikekalkan sahaja, bukan satu tindakan yang mahu merampas hak-hak sesiapa, tetapi untuk mempertahankan hak-hak yang ada selama 26 tahun. (*Tepuk*)

Saya rasa ini sangat mustahak difaham untuk semua golongan. Sebenarnya hak-hak inipun ada diakui dan diiktiraf oleh Kerajaan Barisan Nasional. Dalam Manifesto Pilihanraya Besar 1986 ada dijanji bahawa ciri-ciri, identiti Sekolah-sekolah Rendah Cina akan dikekalkan, satu janji yang patut dijadikan pedoman, patut menjadi satu panduan untuk semua Ahli Parlimen di sini. (*Tepuk*) Semua Ahli Parlimen Barisan Nasional dipilih oleh kerana manifesto ini, oleh kerana janji ini, jaminan ini dan bukan sahaja dalam election yang dahulu, adalah janji ini dalam manifesto tahun 1986. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada membuat satu janji bahawa untuk memberi satu jaminan bahawa selepas pilihanraya besar, mesyuarat pertama Parlimen yang baru akan meminda Seksyen 21 (2) Akta Pelajaran 1961 supaya masalah, supaya kekhuatiran kaum Cina di Malaysia mengenai pengwujudan Sekolah Rendah Cina boleh dibanteras. Jaminan itu tidak dikota, jaminan manifesto ada dilanggari. . . .

**Tuan Zubir bin Embong:** Tertib mesyuarat.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Tertib mesyuarat? Peraturan berapa?

**Tuan Zubir bin Embong:** Seseorang ahli, ia tidak boleh mengganggu ahli yang sedang bercakap. . . ."

**Beberapa Ahli DAP:** Peraturan berapa?

**Tuan Zubir bin Embong:** Peraturan 37—"Seseorang ahli tidak boleh mengganggu ahli yang sedang bercakap kecuali—(b) jika hendak menerangkan apa-apa perkara yang dikeluarkan oleh ahli yang sedang bercakap dalam ucapannya. . . . ." Saya hendak terangkan apa yang. . . . .

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, apa peraturannya sahaja, bukan satu ucapan.

**Tuan Zubir bin Embong:** Ini order.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat, apa yang hendak diterangkan?

**Tuan Zubir bin Embong:** Saya hendak terangkan kepada Ahli Yang Berhormat dari Tanjong. . . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Apa yang mengganggu ini? Mengganggu fasal apa?

**Tuan Zubir bin Embong:** Saya menyebutkan order ini iaitu order 37. Order ini berkata, "Seseorang ahli tidak boleh mengganggu ahli yang sedang bercakap kecuali. . . . ."

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, itu hanya membuang masa. 36, apa sahaja. Jangan buang masa. . . . .

**Tuan Zubir bin Embong:** (a). . . . . Saya tidak mahu pakai (a). Saya hendak pakai (b). (b) "jika hendak menerangkan apa-apa perkara yang dikeluarkan oleh ahli yang sedang bercakap itu dalam ucapannya. . . ." Maka saya hendak terangkan. . . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat, duduk!

**Beberapa Ahli DAP dan MCA:** Duduk, duduk!!!!

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat, duduk! Yang Berhormat boleh mengganggu Ahli Yang Berhormat itu membenarkan. Yang Berhormat dari Tanjong benarkan?

**Tuan Lim Kit Siang:** Tidak, saya tidak benarkan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Tidak benarkan. Yang Berhormat, duduk!

**Tuan Lim Kit Siang:** Masa saya sudah hilang lima minit tadi. Saya harap boleh dapat "injury time" nanti. Tadi ada disebut ada jaminan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, ada jaminan dalam manifesto Barisan Nasional 1986 semasa pilihanraya besar dan sekarang kita ada satu tindakan Kementerian Pelajaran yang sudah melanggar kedua-dua jaminan ini. Itu bukan sahaja dikatakan oleh pihak DAP, itu juga ada diakui oleh parti-parti komponen Barisan Nasional, MCA dan GERAKAN. . . . .

**Seorang Ahli:** MIC pun.

**Tuan Lim Kit Siang:** MIC pun. (*Tepuk*) Baik, syabas, kawan baik. Diharap di sini kita mahu bincang perkara ini dengan rasional iaitu satu jaminan yang melanggari bahawa tindakan Kementerian Pelajaran untuk melantik, menaikkan pangkat mereka yang tidak berpendidikan bahasa Cina boleh menjadikan ciri-ciri dan identiti-identiti Sekolah-sekolah Rendah Cina ditukar dan diubah. Itu mustahak. Itulah jaminan Barisan Nasional, itulah jaminan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, itu diakui oleh MCA, diakui oleh GERAKAN, diakui oleh MIC dan ada pandangan pendirian kaum Tionghua di Malaysia. Itu masalah. Kalau begitu, bukankah ini satu tanggungjawab Kerajaan yang bertanggungjawab untuk meng-

hormati pandangan-pandangan 100% kaum Cina di Malaysia, 100% kaum bukan Melayu di Malaysia dan saya percaya banyak juga bahagian-bahagian kaum Melayu yang faham, oleh kerana kita dalam negara ini patut saling hormat menghormati (matual respect). Ini mustahak. Siapa yang patut jadi hakim untuk perkara ini, sama ada character Sekolah-sekolah Rendah Cina dilukakan, dimudharatkan. Siapa? Tentu kaum Tionghua, oleh kerana ini adalah mengenai Sekolah-sekolah Rendah Cina.

Kalau kita mahu satu negara yang aman, kita boleh mengeneipkan isu sensitif supaya kita boleh bekerja rajin membangun dan memajukan negara, tentulah Kerajaan patut tidak ada lagi apa-apa doubts, kekhuatiran menerima hakikat ini dan serta-merta transfer out mereka yang ada dihantar ke Sekolah-sekolah Rendah Cina. Itu satu tuntutan yang sangat rasional, sangat reasonable, munasabah, bukan extreme, bukan perkauman, bukan chauvinist. (*Tepuk*)

Kalau dalam manifesto Barisan Nasional tahun lalu dengan slogannya "Tradisi Membela Rakyat" inilah satu test, satu ujian, sama ada Tradisi Membela Rakyat atau sebaliknya. (*Tepuk*). Dan sebenarnya perkara ini sampai peringkat itu patut habis oleh kerana 100% kaum Tionghua merasakan bahawa inilah yang boleh memudharatkan kepada character Sekolah-sekolah Rendah.

Menteri-menteri MCA pun ada dalam mesyuarat semalam, kita ada bermesyuarat, mereka pun mengakui dengan terus terang 100%. Saya harap mereka pun boleh mengakui dalam Dewan yang mulia ini. (*Tepuk*) Sebab itu tiada sebab perkara ini sudah enam minggu belum selesai. Sebenarnya kalau membaca suratkhbar hari Sabtu, kenyataan Yang Berhormat Menteri Pendidikan, dia berkata

bahawa dia akan terus menaikkan pangkat mereka yang tidak berpendidikan bahasa Cina kepada Sekolah-sekolah Rendah Cina tetapi dengan lebih teliti, dengan izin, with more care and consideration, tetapi ini ada satu case by case pengkajian. Ini bererti ia masih lagi mempertahankan prinsip yang dia patut buat. Ini anih dan saya rasa sangat kesal bahawa dalam perkara yang begitu besar ini, beliau sekarang pergi ke luar negeri. Saya rasa dia tidak bertanggungjawab. Saya rasa masalah ini ialah di mana 100% kaum Cina rasa percaya bahawa inilah satu langkah yang memudharatkan character, ciri, identiti Sekolah Tionghua patut atau tidak patut dihormati oleh Kerajaan di mana parti-parti komponen mereka pun ada pendirian yang sama.

Untuk enam minggu ibu bapa-ibu bapa, lembaga-lembaga pengurus dan pertubuhan-pertubuhan yang lain ada cuba melalui telegram, rayuan, mesyuarat dan lain-lain supaya Kerajaan boleh ubah pendirian ini. Bukan mereka tidak sabar, bukan mereka tidak reasonable, mereka ada seru, ada hubung pihak Kerajaan enam minggu, tetapi sampai sekarang tidak dapat apa-apa hasil sehinggalah semalam mereka terpaksa mengadakan satu mesyuarat raksasa untuk protes di mana ada dianggotai oleh pertubuhan-pertubuhan Cina termasuk lembaga-lembaga pengurus, persatuan-persatuan ibu bapa dan guru-guru dan parti-parti politik termasuk MCA, Gerakan, DAP (*Tepuk*) di Kuil Thean Hou di Kuala Lumpur semalam di mana satu keputusan ada dibuat bahawa kalau masalah ini tidak diselesai pada hari Khamis, bahawa sekolah-sekolah di mana adalah perkara ini yang berlaku, ibu bapa-ibu bapa tidak akan membenarkan anak-anak mereka pergi sekolah untuk tiga hari iaitu 15hb, 16hb dan 17hb sebagai satu protes, sebagai satu cry of despair, bukan satu ugutan, bukan satu

ancaman—rakyat mana boleh ugut Kerajaan, rakyat mana boleh ancam Kerajaan, tetapi last cry of despair, itulah saya harap Kerajaan boleh dengar (*Tepuk*). Dan kalau tidak lagi didengar, mungkin diikuti dengan satu pemogokan sekolah-sekolah seluruh negara dalam 1,000 sekolah (*Tepuk*), 1,000 Sekolah-sekolah Rendah Cina. Saya mahu menegaskan di sini. . . . .

**Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat. . . . .

**Tuan Lim Kit Siang:** .....ini bukan satu ugutan, ini bukan satu ancaman—tiada masa dan tidak beri jalan.

**Seorang Ahli:** Duduk! duduk!

**Tuan Lim Kit Siang:** Tetapi tentulah akan mengakibatkan satu konfrontasi dan tentu ada akibat yang buruk kepada negara. Tentulah mereka (*Disampuk*)—betul, betul. Kalau itu fahaman, jangan buat dosa, jangan buat dosa kalau begitu dan tentu tanggungjawab kita untuk mengelakkan konfrontasi ini, mengelakkan masalah ini, kita rakyat Malaysia, kita rakyat taatsetia kepada negara kita.

**Tuan Zubir bin Embong:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat hendak apa?

**Tuan Zubir bin Embong:** Duduklah!

**Tuan Lim Kit Siang:** Tidak beri jalan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat hendak apa ini?

**Tuan Zubir bin Embong:** Saya hendak bertanya Ketua Pembangkang, konfrontasi antara siapa? Antara siapa konfrontasi. Cakap!

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat minta penjelasan?

**Tuan Zubir bin Embong:** Saya minta penjelasan. Konfrontasi antara siapa? (*Disampuk*).

**Beberapa Orang Ahli:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat—Yang Berhormat, sila duduk! Yang Berhormat, duduk semua! Sila teruskan Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Baik, saya teruskan....akan mengadakan satu konfrontasi antara ibu bapa-ibu bapa.....

**Tuan Ismail bin Said:** On a point of order.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, duduk sekejap.

**Tuan Ismail bin Said:** 36 (10). . . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Nanti!

**Tuan Ismail bin Said:** 36 (10) (a) dan (b). Tadi Yang Berhormat dari Tanjong ada menyebut perkataan konfrontasi. Saya rasa dia bercanggah dengan Peraturan Mesyuarat 36 (10) (a) dan (b). Jadi, saya rasa Yang Berhormat dari Tanjong tarik balik perkataan itu ataupun niat beliau ke arah itu. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Mana itu Yang Berhormat—konfrontasi di antara siapa?

**Tuan Lim Kit Siang:** Konfrontasi di antara ibu bapa-ibu bapa dan murid-murid yang kita bincang dengan Kerajaan (*Tepuk*). Kita tidak mahu satu konfrontasi kaum dan sebab itu saya mahu menegaskan di sini, ini bukan satu masalah kaum (*Tepuk*), ini bukan satu masalah kaum, tetapi satu masalah nasional—Malaysia.

Tadi saya ada sebut bukan oleh kerana kaum-kaum Tionghua di sini yang mahu meminta hak-hak lebih daripada yang ada, tetapi untuk mempertahankan apa yang ada. Saya harap tidak orang yang akan memutarbelitkan perkara ini. Mahu jadi hero, mahu jadi perwira satu kaum (*Tepuk*) bahawa inilah tentang orang Melayu—tidak. Ini tidak menentang Melayu, ini tidak mengancam hak-hak privilege, kemuliaan orang Melayu, ini untuk mengekalkan apa yang ada. Kalau di negara kita, kita tidak boleh bahas perkara semacam ini, rasa saya kita sudah sampai satu tahap nampaknya tidak ada harapan untuk tanahair kita (*Tepuk*). Dan ini bukan satu isu yang menentang kedudukan Bahasa Malaysia. Itu ada diterima oleh semua kaum, ada diterima oleh setiap warganegara tetapi oleh kerana Perlembagaan, oleh kerana manifesto Barisan Nasional ada menjamin kedudukan sekolah-sekolah rendah Cina, itulah apa yang dituntut, itu hak sah dan berperlembagaan (*Tepuk*).

**Beberapa Orang Ahli:** Hear, hear!

**Tuan Lim Kit Siang:** Kita tidak mahu perkara ini menjadi satu perkara konfrontasi orang Melayu, dengan orang Cina, tidak. Kalau ada konfrontasi dengan ibu bapa-ibu bapa dan Kerajaan, rakyat dan Kerajaan tetapi kita mahu mengelakkan itu dan sebab itu satu Kerajaan yang bijaksana patutlah, khasnya oleh kerana MCA, GERAKAN, MIC, lain-lain parti pun ada pendirian yang sama, patutlah selesai perkara ini dengan serta-merta (*Tepuk*).

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, kurangkan sedikit, jangan rosakkan meja-meja (*Ketawa*).

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya berharap bahawa tidak ada orang yang akan memperkaumkan perkara ini dan ini

mustahak. Kita berharap bahawa kita boleh mengadakan satu permulaan yang baru. Kita semua tahu dalam beberapa minggu ini banyak hal sudah timbul yang patut tak timbul langsung dan kita menggesa Kerajaan Barisan Nasional khasnya bahawa menyelamatkan negara ini di mana nampaknya kita dari satu krisis kepada satu krisis, bagaimana kita boleh mendapat kepercayaan orang ramai atau luar negeri untuk datang menanam pelaburan. Kalau begitu tak payah lagi Menteri-menteri pergi ke luar negeri, semua tidak ada hasil.

Tuan Yang di-Pertua, kita pihak sini rela memberi kerjasama yang sepenuhnya untuk mengembalikan kepercayaan nasional, untuk boleh diadakan satu iklim pertumbuhan ekonomi, tetapi kalau kita mahu mengatasi masalah seperti ini—ada lain masalah, tetapi masalah seperti ini yang kita menghadapi sekarang patutlah ditamatkan dan kita tidak boleh terima alasan-alasan yang lain sama ada tak cukup mereka yang berpelajaran Cina untuk memohon oleh kerana kalau begitu, itulah tanggungjawab Kerajaan dalam 15 tahun ini tidak memberi peluang-peluang yang cukup untuk melatih guru-guru untuk sekolah-sekolah rendah Cina.

Tuan Yang di-Pertua, kita cuba dalam 30 minit ini untuk kemuka satu masalah yang sangat.....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Satu minit lagi, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** . . . yang mustahak. Saya tahu saya tidak ada peluang mengikut peraturan untuk meminta pihak Dewan ini meluluskan apa-apa undang-undang, ambil apa-apa pendirian, tetapi Peraturan Mesyuarat 18 ialah peluang untuk berbahas.

Sungguhpun saya tidak faham kenapa MCA kata menentang usul ini, tidak ada usul untuk pendirian, tetapi usul untuk bincang sahaja. Saya harap dalam perbincangan Kerajaan faham, faham suara-suara rakyat, faham masalah-masalah dan khasnya sebelum Rabu perkara ini boleh diselesaikan. Kita mahu perkara ini diselesaikan. Kita tidak mahu mana-mana hero. Itulah daripada segi tanggungjawab nasional.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat dari Pasir Mas.

6.00 ptg.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali (Pasir Mas):** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin turut membahaskan usul Pembangkang yang telah meyeramkan saya sebagai salah seorang Ahli Dewan Rakyat. Tuan Yang di-Pertua.....

**Tuan Lit Kit Siang:** No seconder!

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Ya. Yang Berhormat.....nanti sekejap.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Tidak payah layan. Baharu hendak bercakap, sudah ganggu.

**Tuan Sim Kwang Yang:** On a point of order.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Satu minit. Ini on a point of order. Menyokong?

**Tuan Sim Kwang Yang:** Saya menyokong supaya Dewan ini ditangguhkan untuk membincangkan perkara ini dan saya ingin membuat satu ingatan bahawa 30 minit diperuntukkan supaya Menteri menjawab, tidak berbahas.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat menyokong usul itu?

**Tuan Sim Kwang Yang:** Ya. Usul untuk menangguhkan Dewan ini (*Tepuk*) supaya membincangkan perkara ini.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Kita telah tetapkan masa untuk membincangkan perbahasan ini.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Tuan Yang di-Pertua.....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Sekarang kita hendak seorang menyokong usul sahaja.

**Tuan Sim Kwang Yang:** Ya, saya sudah menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Usul yang dibawa oleh Ahli dari Tanjong.

**Tuan Sim Kwang Yang:** Ini satu usul untuk menangguhkan mesyuarat ini supaya membincangkan perkara ini.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat menyokong?

**Tuan Sim Kwang Yang:** Saya menyokonglah, sudah cakap berapa kali.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, teruskan.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi dalam Dewan yang mulia ini kita melihat satu gelagat dan tingkahlaku kenakalan yang di luar dugaan sama sekali (*Tepuk*). Bersabit dengan usul yang dibawa oleh Yang Berhormat daripada Tanjong ini, apakah ianya merupakan satu perkara yang begitu genting dan apakah Yang Berhormat dari Tanjong faham tentang isu yang ada di hadapan kita ini? Apakah ianya merupakan satu dasar ataupun masalah pentadbiran negara, tetapi walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, cara tuntutan ini dibuat, cara

usul ini dibuat di Dewan yang mulia ini, walaupun beliau mengatakan ianya bukan satu pandangan dan tuntutan yang ekstrem tetapi suara dan tindakan itu jauh daripada ekstrem dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, cara-cara hujah yang dikemukakan itu tidak lebih daripada mengekalkan metos-metos perkauman yang seterusnya akhirnya tegak menjadi tembok yang memisahkan di antara orang-orang Melayu dengan orang-orang Cina, kerana isu ini telah diputar belitkan begitu rupa oleh Yang Berhormat dari Tanjong yang saya kira tidak lebih daripada seorang budak yang nakal (*Tepuk*).

**Tuan Lim Kit Siang:** (*Bangun*).

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Tuan Yang di-Pertua, masa tidak banyak, duduk, duduk, Tuan Yang di-Pertua, minta duduk.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Teruskan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Offensive language.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Saya membangkitkan perkara ini Tuan Yang di-Pertua, pertama Tuan Yang di-Pertua....

**Tuan Lim Kit Siang:** (*Bangun*).

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Teruskan.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Duduk! Gatal lagi hendak bercakap. Duduk, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak benarkan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, inipun offensive language.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Saya tidak benarkan, Tuan Yang di-Pertua, Saya tidak benarkan, duduk!

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, saya boleh suruh dia duduk. Saya telah suruh dia duduk. Yang Berhormat teruskan sekarang.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Tuan Yang di-Pertua, kita tahu bahawa masalah perlantikan guru besar dan penolong kanan di sekolah-sekolah jenis Kebangsaan Cina ini ialah masalah urusan pentadbiran, bukan masalah dasar. Manifesto Barisan Nasional terus dikekalkan. Jangan cuba hendak putar-belitkan dan kemelut politik DAP ini telah memerangkapkan MCA sendiri (*Tepuk*).

Tuan Yang di-Pertua, saya menyebutkan perkara ini untuk didedahkan dalam Dewan yang mulia ini sebagaimana contoh yang telah kita buat kajian, guru besar sekolah Cina Jenis Kebangsaan ini dan sekolah rendah yang dipersoalkan ini, seperti mana contoh di Wilayah Persekutuan, yang kekosongan 126, yang memohon 71 dan yang layak 64. Bukan tidak mahu hendak mengisi jawatan-jawatan ini oleh kononnya mereka yang berkelulusan Mandarin. Apakah MCA atau DAP yang terlibat dalam perjumpaan semalam hendak memisahkan orang-orang Cina yang berpendidikan Inggeris dengan pendidikan bahasa Tionghua? (*Tepuk*). Apakah tidak sedar bahawa Presiden MCA, Menteri Pengangkutan berkelulusan dalam bidang Inggerisnya dan M.P. dari Kota Melaka berkelulusan Inggeris, educated daripada Australia?

Jikalau hendak diisikan jawatan ini, masalah urusan pentadbiran ini hendak dibangkitkan, saya cadangkan mereka yang berlatarbelakangkan pendidikan ini tolong letak jawatan terus pergi judi guru besar sekolah Cina tadi. Kalau inilah dituntut oleh MCA ataupun DAP. Usul ini yang dikaitkan oleh pihak DAP. Begitu

juga di Melaka, kita lihat kekosongan, Tuan Yang di-Pertua, ada 63, permohonan 66, yang layak hanya 45 orang sahaja.

Dalam hal seperti ini kita telah jelas bahawa orang yang waras, orang yang rasional, kalau baca kenyataan yang dikeluarkan oleh pihak Kementerian jelas masalah ini, ianya masalah pentadbiran dan pihak Kerajaan sedang menyelesaikan masalah ini. Kalau Kerajaan mengatakan perkara ini sudah tutup semua sekolah, masalah kepentingan orang-orang Cina dibenamkan di atas bumi Melayu yang bertuah ini, baru ada hak Yang Berhormat dari Tanjong bangkit untuk membincangkan perkara ini dengan keadaan yang nakal dan ekstremnya itu. Perkara ini masih terbuka dan kita lihat tindakan-tindakan yang telah dibuat oleh pihak Kerajaan untuk menyelesaikan masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, hal seperti inilah yang sangat mendukacitakan kita. Saya tidak jangka sama sekali, Tuan Yang di-Pertua, juara yang kononnya hendak mewujudkan integrasi nasional, integrasi kaum, perpaduan nasional, tiba-tiba hendak mengelaskan masyarakat Cinanya sendiri dan cara, tindak-tanduk dibuat menghimpunkan lebih 3,000 orang-orang Cina semalam. Apakah kami orang-orang Melayu tidak boleh mengadakan perkara yang sama. (*Tepuk*) Besok, lusa kita boleh menghimpunkan 100,000 umat Melayu untuk menunjukkan kekuatan. Tetapi itu bukan caranya, sebab kita orang Melayu pun erti dan faham ajaran Confucius. Ajaran Confucius ialah nilai dan budi yang harus kita tunjukkan dalam kita menuntut sesuatu cara. Kerana kita bimbang perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, ianya boleh disalah ertikan dan boleh dijadikan isu perkauman. Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini perkara-perkara seperti masalah kepimpinan orang-orang Cina ini dengan jelas dan

tegas saya menyebutkan mempersoalkan bahasa Melayu dan ketuanan Melayu. Suara janggal dan angkuh ini mencerminkan yang mereka tidak berkebudayaan. Apakah sikap buruk itu merupakan ajaran kebudayaan Cina dan ajaran Confucius?

Saya menyebutkan perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, dengan nada yang tinggi, sebab kalau tidak kena gayanya dalam Dewan yang mulia ini isu ini boleh mengeruhkan suasana masyarakat majmuk kita. Walaupun kita mengatakan isu seperti ini tidak akan mengungkit masalah kepentingan orang Melayu, bukan isu perkauman tetapi percayalah, "accept it", dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, dalam bahasa Inggeris, ianya tidak lebih daripada permainan politik yang boleh mencetuskan masalah perasaan orang-orang Melayu dan orang-orang Cina.

Apakah Yang Berhormat dari Tanjong, daripada MCA ataupun parti-parti komponen lain berkehendakkan keadaan seperti ini berlaku? Apakah kita ingin golongan generasi-generasi yang akan mewarisi negara ini akan terima akibat, padah yang ditinggalkan oleh golongan-golongan yang kononnya 'champion' untuk mewujudkan perpaduan kaum, tetapi pada satu masa yang sama menimbulkan isu-isu yang boleh mencuitkan perasaan orang-orang Melayu kerana corak kononnya orang-orang Melayu ini cuba hendak membenamkan kepentingan orang-orang Cina. Saya hendak beritahu kepada Menteri Buruh secara terang dalam Dewan yang mulia ini, kalau sudi hadir di perjumpaan kemelut politik DAP, sila letak jawatan dalam Kabinet Kerajaan Barisan Nasional hari ini (*Tepuk*).

**Dato' Lee Kim Sai:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat....

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak beri jalan.

**Dr Ting Chew Peh:** Point of order 36 (1). Biarkan saya baca itu. Seorang Ahli hendaklah menghadkan percakapannya kepada perkara yang dibincangkan sahaja (*Disampuk*) dan perkara yang dibincangkan itu ialah perlantikan guru-guru.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, teruskan.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Tuan Yang di-Pertua, memang saya bincangkan masalah perlantikan guru-guru.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Teruskan Yang Berhormat.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Tuan Yang di-Pertua, saya membangkitkan soal perhimpunan semalam, Kerajaan Barisan Nasional, Menteri Kabinet hadir dalam perjumpaan DAP. Malah kita dengan pihak pembangkang PAS, orang-orang Melayu, Parti PAS dalam keadaan-keadaan seperti prinsip kita tidak bertolak ansur, malah ada pihak MCA duduk semeja menjadi alat kepada kemelut Politik DAP yang murah, hina dan jijik ini (*Tepuk*).

**Dato' Lee Kim Sai:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat minta penjelasan. (*Disampuk*) Teruskan Yang Berhormat.

**Menteri Buruh (Dato' Lee Kim Sai):** Memang benar Menteri daripada MCA, Timbalan Menteri daripada MCA ada menghadiri satu perjumpaan besar, tetapi untuk makluman Dewan ini, perjumpaan itu bukan satu perjumpaan yang dianjurkan oleh DAP. DAP....(*Disampuk*).....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Teruskan Yang Berhormat.

**Dato' Lee Kim Sai:**....bukan dianjurkan oleh DAP dan perhimpunan ataupun perjumpaan itupun telah diluluskan oleh pihak Polis. Jadi perhimpunan itu telah dipanggil untuk membincangkan soal perlantikan guru-guru.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Teruskan Yang Berhormat, Yang Berhormat....

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Tuan Yang di-Pertua, dalam ilmu hisab mengatakan  $2 \times 5 = 10$ ,  $5 \times 2 = 10$  (*Tepuk*) jangan cuba hendak bermain politik dalam Dewan yang mulia ini.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, saya rasa ada ramai Ahli-ahli Yang Berhormat yang hendak mengambil bahagian.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Tuan Yang di-Pertua, merujuk kembali masalah perlantikan Guru Besar dan Penolong Kanan di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina ini, saya penuh yakin bagi mereka yang waras bahawa perkara ini akan diselesaikan, tetapi soalnya bagaimana hendak mencukupi, hendak mengadakan yang layak, yang lulus dalam bahasa Mandarin ini.

Ada usul saya membaca dalam akhbar, kalau tidak layak kosongkan sahaja, mereka khuatir character Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina ini akan bertukar kerana perlantikan Guru Besar dan Penolong Kanan ini tidak berbahasa Mandarin. Orang gila pun boleh faham, Tuan Yang di-Pertua, ianya tidak akan menukarkan corak character ini. Adakah satu hari nanti dalam kita memperjuangkan konsep perpaduan kaum, integrasi nasional satu hari

nanti kita hendak hospital Melayu, hospital Cina, hospital India, doktor pula lain-lain sebab hendak mengikut bahasa dialect, kalau tidak susah hendak memberi ubat kepada orang sakit. Gunakan akal ini yang telah diberi untuk kita berfikir, sekurang-kurangnya biarlah kita faham isu yang ada di hadapan kita. Tetapi kita tahu bahawa yang dibawa oleh Yang Berhormat dari Tanjong (DAP) tidak lebih daripada hendak mencari keuntungan politik, hendak menjadi juara kaum Cina, maka pihak MCA pun takut sokongan daripada orang-orang Cina akan lari kepada DAP, turut dalam kemelut DAP. (*Tepuk*) Itu sahaja, bukan isu yang boleh meruntuhkan negara, bukan masalah kebuluran sehingga riuh-rendah seluruh negara, sehingga seperti hali-lantar bunyinya, dan pagi ini kononnya percubaan untuk diadakan tunjuk perasaan di depan Kementerian Pendidikan.

Saya hendak ulang sekali lagi, Tuan Yang di-Pertua, kita ini bangsa Melayu, UMNO (Barisan Nasional) yang memerintah sudah lama bertolak-ansur, sudah lama kita menahan rasa, tetapi generasi muda Melayu tidak akan sekali-kali tunduk dengan sikap yang tidak sopan yang tidak manis ini.

Tuan Yang di-Pertua, mari kita binakan negara dan bangsa kita ini, bangsa Malaysia ini. Soal dasar jelas, malah jelas dalam manifesto Barisan Nasional, malah di bawah Seksyen 21 (2) Akta Pelajaran yang diperuntukkan selama hari ini, Menteri Pendidikan tidak pernah gunakan untuk mengalihkan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan kepada Sekolah Kebangsaan. Kuasa itu belum digunakan dan ada tuntutan supaya akta ini digugurkan. Kalau begitu caranya tuntutan yang dibuat, beri betis, peha pula hendak dipapah, maka saya cadangkan dan saya mendesak Yang Berhormat Menteri Pendidikan laksanakan Seksyen 21 (2), tukar

semua Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan kepada Sekolah Kebangsaan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat.....

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Kalau sudah diberi betis, peha pula dikehendaki. Apakah tidak cukup. Kalau kita tahu bahawa pengisian jawatan-jawatan ini semata-mata dibuat dengan sewenang-wenangnya, kita tahu bahawa ini keputusan, tanggungjawab Lembaga Kenaikan Pangkat, bersabit dengan pangkat C2 ini. Kalau tidak tahu, tidak mengerti, baca, ada peraturan dan Lembaga Kenaikan Pangkat ini bebas dan sekarang ini hendak accomodate, yang sudah dilantik hendak dipindah dan yang sudahpun dilantik itu mestilah cari tempat yang kosong, bukan hendak dihumban ke laut orang Cina juga dan inilah dikelaskan masyarakat Cina. Biarlah masuk akal, biarlah Dewan yang mulia ini digunakan untuk perbincangan yang lebih mulia dan lebih berfaedah, Tuan Yang di-Pertua. Ini yang kita bangkitkan, inilah kadang-kadang perasaan yang kita memendam selama ini, yang mencuitkan perasaan, sebab kita dapati perkara-perkara seperti ini pun hendak ditukar menjadi isu nasional dan saya menganggap ianya juga satu tindakan ke arah perkauman. Saya mengatakan tindakan ke arah perkauman, sebab kita lihat dari segi senarai yang hadir di perjumpaan semalam wakil-wakil sekolah Cina dan bentuk perjumpaan yang dibuat di Dewan "Tokong" pula menggambarkan, "Wah! Ini bangsa Cina yang sudah kuat di bumi Melayu." Itu silap, sebab ketuanan dan bangsa Melayu dan bangsa Melayu masih bertuan di bumi yang bertuan ini (*Tepuk*).

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat ada satu minit lagi.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Jangan salah anggap. Tuan Yang di-Pertua, kalau ikut rasa hati tidak tahu hendak kata!

Saya sebenarnya tidak bercadang untuk berucap, ikhlas (honestly) saya bercakap, kalaulah ada tuntutan-tuntutan yang munasabah yang selama ini sudahpun diberi concession oleh orang-orang Melayu kita tidak mengungkit, kita menelan sahaja. Tetapi perkara yang begini kecil, hendak diketengahkan untuk menjadi juara. Cuma saya mengatakan, Tuan Yang di-Pertua, ianya satu kesilapan bagi pihak DAP, MCA ataupun MIC mungkin kalau terlibat secara tidak langsung. MIC ini pun satu hal, Tuan Yang di-Pertua, mana dia boleh cari makan di situlah dia terjun (*Ketawa*). Ada seorang tersengeh.

Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat dari Gopeng.

6.17 ptg.

**Dr Ting Chew Peh (Gopeng):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun bukan untuk mencari keuntungan politik dan bagi saya suara yang tinggi tidak semestinya percakapan yang benar.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk membahaskan soal perlantikan guru-guru ke sekolah-sekolah Cina atas dua sebab.

Yang pertama sekali, saya tidak mahu melihat masalah ini berlanjutan dan dieksploitasikan oleh anasir-anasir yang kurang bertanggungjawab.

Yang kedua, saya tidak mahu isu ini diputarbelitkan sehingga ia dianggap sebagai isu perkauman. Pada pandangan saya, minta maaf tindakan Kementarian Pendidikan melantik guru-guru yang tidak berkelayakan bahasa Cina itu sebagai

pentadbir di S.R.J.K. (Cina) adalah kurang wajar dan kurang bijaksana. Saya menyatakan demikian kerana yang pertama sekali tindakan ini benar-benar bercanggah dengan manifesto Barisan Nasional dalam Pilihanraya 1986 yang memberi jaminan bahawa corak sekolah vernacular tidak akan berubah.....

**Beberapa Orang Ahli: (Bangun).**

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat. . . .

**Dr Ting Chew Peh:** Saya tidak beri jalan.

**Seorang Ahli:** Barisan sama Barisan berilah jalan!

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat.....

**Dr Ting Chew Peh:** Tidak beri jalan. Tidak ada masa.

**Seorang Ahli:** Barisan sama Barisan bagilah chance.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, duduk sekejap. Sila teruskan, Yang Berhormat.

**Dr Ting Chew Peh:** Sebab yang kedua ialah tindakan ini seolah-olah tidak menghiraukan hasrat sebahagian besar ibubapa Cina dan tindakan ini juga pada pandangan saya cukup menyinggung perasaan ibu bapa Cina.

Dan untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dari DAP, saya bukan menyokong mereka, pandangan yang saya beri ini kalau secara kebetulan selari dengan pandangan mereka, sebenarnya inilah pandangan dari MCA, sebenarnya MCA sudah lama menyedari masalah perlantikan ini dan kami sedang berusaha untuk menyelesaikan masalah ini dalam Barisan.

**Tuan Mohd Tamrin bin Abdul Ghafar:** Minta penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, ada Yang Berhormat yang bangun minta penjelasan.

**Dr Ting Chew Peh:** Tidak perlulah, tidak ada masa, jangan buang masa, Tuan Yang di-Pertua. Saya kira tindakan ini sudah dianggap sebagai langkah awal untuk menukarkan corak dan sifat sekolah Cina. Saya terangkan perkara ini kerana apa yang dimaksudkan dengan corak dan sifat.....

**Tuan Zubir bin Embong:** Point of order 36.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, ada point of order. Bilangan?

**Tuan Zubir bin Embong:** Point of order, apa yang dikata oleh.....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, nombor berapa, sila duduk Yang Berhormat!

**Tuan Zubir bin Embong:** Saya ada point of order.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Tunjuk Yang Berhormat, nombor berapa.

**Tuan Zubir bin Embong:** 36 (10) (b).

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** 36 (10) (b).

**Tuan Zubir bin Embong:** Apa yang dicadangkan dalam kenyataan yang dibuat oleh Yang Berhormat dari Gopeng tadi seolah-olah membangkitkan satu perasaan di kalangan orang-orang Cina supaya melawan Kerajaan (*Tepuk*). Sebab dia memberi suatu pandangan seolah-olah

Kerajaan hari ini tidak bersifat adil dan juga diskriminasi kepada orang-orang Cina seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari Gopeng. Maka saya minta.....

**Dr Ting Chew Peh:** (*Bangun*)

**Tuan Zubir bin Embong:** Duduk dahulu!

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, teruskan.

**Tuan Zubir bin Embong:** Ini order, oleh itu saya minta Yang Berhormat dari Gopeng menarik balik apa yang diucapkan oleh beliau sebentar tadi.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Saya tidak terima hujah itu. Yang Berhormat teruskan.

**Dr Ting Chew Peh:** Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya katakan bahawa tindakan ini menukarkan corak dan ciri-ciri sekolah Cina. Apa yang dimaksudkan dengan corak dan ciri-ciri sekolah ialah bahasa pengantar, bahasa yang digunakan dalam peperiksaan dan juga bahasa yang digunakan dalam pentadbiran itu sepatutnya Bahasa Cina dan ini menjadi sebahagian daripada sistem persekolahan kebangsaan kita.

Jadi kalau guru besar itu tidak berbahasa Cina tidak dapat memberikan arahan dan menyediakan laporan dalam Bahasa Cina maka ini pasti akan menjejaskan pentadbiran dan akhirnya sifat sekolah Cina itu.

Kita telah banyak bercakap tentang perpaduan negara dan bagi saya dua syarat yang penting bagi memupuk perpaduan negara ialah yang pertama sekali kita tidak melanggar kepekaan atau sensitiviti sesuatu kaum itu, yang kedua kita menghormati hasrat sesuatu kaum itu. Dan dalam peristiwa perlantikan guru-guru ini nampaknya kedua-dua syarat itu sudah dilupakan dalam kontroversi itu dan ini bagi saya cukup merbahaya kerana jika isu ini

tidak dikendalikan secara berhati-hati, secara rasional, saya kira hubungan kaum negara ini mungkin akan terganggu.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, dua minit lagi.

**Dr Ting Chew Peh:** Ya, isu ini saya kira hendaklah didekatkan secara rasional dan secara objektif.

**Tuan Hashim bin Safin:** Penjelasan.

**Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar:** (*Bangun*)

**Dr Ting Chew Peh:** Saya tidak beri jalan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Dia tidak beri jalan.

**Dr Ting Chew Peh:** Janganlah kita berprasangka dan terbawa-bawa oleh emosi kita dan janganlah kita menganggap perkara ini sebagai suatu isu kaum kerana ini cuma isu yang berkaitan dengan pentadbiran dan tidak pula isu ini kait mengait dengan kedaulatan Bahasa Malaysia.

**Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar:** Tuan Yang di-Pertua, penjabaran.

**Dr Ting Chew Peh:** Pihak yang tidak memahami keadaan sebenar isu ini, diharap janganlah beri komen-komen yang melulu.

**Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar:** Saya minta penjelasan. Saya percaya Yang Berhormat dari Gopeng boleh memberi peluang kepada saya.

**Dr Ting Chew Peh:** Cuma dua minit lagi.

**Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar:** Tidak apa, saya akan beri time.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat dari Batu Berendam, duduk sekejap. Yang Berhormat dari Gopeng teruskan.

**Dr Ting Chew Peh:** Saya harap Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak begitu memahami masalah ini janganlah menanggung di air keruh, ini bagi saya demi perpaduan negara saya harap pihak Kerajaan mengambil berat masalah ini dan mencari penyelesaian dalam masa yang sesingkat mungkin.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Point of order 36 (6).

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Sudah Yang Berhormat.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** "Sesiapa ahli tidak boleh mengeluarkan sangkaan jahat ke atas siapa-siapa ahli lain". Dia menuduh kami tidak faham, jadi sangkaan jahat. Tarik balik (*Ketawa*).

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat dari Arau, duduk! Yang Berhormat dari Gopeng teruskan.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Tarik balik, point of order 36 (6).

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Tidak payah Yang Berhormat.

**Dr Ting Chew Peh:** Dalam hubungan ini, saya menghargai langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian Pendidikan untuk menyelesaikan masalah ini dan kalaulah boleh untuk mengelakkan sesuatu sebaik-baik masalah ini dapat diselesaikan sebelum 14hb Oktober tetapi bagi saya oleh kerana ini melibatkan masalah pentadbiran.....

**Tuan Hashim bin Safin:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, habiskanlah.

**Dr Ting Chew Peh:** Ya, maka Kerajaan saya kira hendaklah diberi sedikit masa dan saya jangka kalau

masalah ini dapat diselesaikan dalam tahun ini maka saya rasa ini satu tolak ansur dan saya pasti masyarakat Cina itu bukanlah masyarakat yang tidak bertimbang rasa, MCA ini mewakili masyarakat Cina. Jadi,.....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat.

**Tuan Zubir bin Embong:** Tuan Yang di-Pertua, masa telah cukup.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Akhirkan Yang Berhormat.

**Dr Ting Chew Peh:** Dan mereka boleh menerima sesuatu yang berpatutan. Tuan Yang di-Pertua, saya kira kalau kita berlengah-lengah dan memberi berbagai alasan tidak akan membantu menyelesaikan masalah ini. Terima kasih.

**Tuan Zubir bin Embong:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Saya rasa saya ingin beri Yang Berhormat Menteri menjawab sekarang ini selama tiga minit.

6.28 ptg.

**Timbalan Menteri Pendidikan (Tuan Woon See Chin):** Tuan Yang di-Pertua, lima minit. Saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang sudah menyuarakan berkaitan dengan masalah perlantikan guru-guru pemangku yang mengisi jawatan kosong di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina dan Yang Berhormat-Yang Berhormat dari Barisan Nasional sudah menyuarakan sebab-sebab dan mereka pun menyokong bahawa menempatkan guru-guru yang tidak berkelayakan bahasa Mandarin atau bahasa Cina itu

tidak sesuai untuk mengisi Jawatankuasa di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan.

**Tuan Zubir bin Embong:** (*Bangun*)

**Tuan Abdul Rahman bin Bakar:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, ada yang bangun minta penjelasan.

**Tuan Zubir bin Embong:** Minta penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, beri atau tidak.

**Tuan Woon See Chin:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak hendak beri jalan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, Yang Berhormat, duduk!

**Tuan Zubir bin Embong:** Point of order. Kenyataan yang dibuat oleh Timbalan Menteri tadi.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Nombor berapa Yang Berhormat?

**Tuan Zubir bin Embong:** 36 (10) (b)", perkataan-perkataan membangkitkan perasaan melawan kuasa Kerajaan".

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Teruskan Yang Berhormat.

**Tuan Woon See Chin:** Tuan Yang di-Pertua, perlantikan itu ada mengikut satu Lembaga Kenaikan Pangkat yang bebas dari dipengaruhi oleh sesiapa pun termasuk juga

Menteri-menteri dan sebab itu perlantikan mereka adalah satu perlantikan yang adil tetapi sebab masalah sudah timbul, langkah sudah diambil untuk mengatasi masalah. Adalah difikirkan kurang adil sekiranya guru-guru yang berkeelayakan mengikut skim perkhidmatan mereka tidak diberi kenaikan pangkat walhal jawatan-jawatan kosong masih ada.

Walau bagaimanapun memandangkan bahawa mungkin terdapat kesulitan untuk setengah-setengah daripada guru-guru yang menjalankan tugas mereka oleh sebab kelemahan mereka di dalam bahasa Mandarin, Kementerian telah seberapa boleh membuat penyesuaian. Adalah juga difikirkan kurang adil untuk menarik balik pemangkuan mereka itu semata-mata kerana mereka tidak ada kelulusan bahasa Mandarin kerana ianya tidak disyaratkan dalam skim perkhidmatan mereka.

**Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban):** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, masa sudah cukup.

## USUL

### PENANGGUHAN MESYUARAT

**Dato' K. Pathmanaban:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa mengikut Peruntukan Peraturan Mesyuarat 12, Dewan ini ditangguhkan sekarang.

**Menteri Kerjaraya (Dato' S. Samy Vellu):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah Dewan ditangguhkan sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12, Dewan ini ditangguhkan sekarang.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Dewan ini ditangguhkan hingga pukul 2.30 petang esok.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.*